

DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Bil. 24

Khamis

6 Disember 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 (Halaman 36)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)
34. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)

35. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6 Disember 2007

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, sehingga Oktober 2007, berapa banyak syarikat jualan langsung yang telah didakwa dan nilai barangan yang disita kerana menganjurkan peraduan gores dan menang, serta yang melanggar Akta Jualan Langsung 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali gus saya turut menyatakan penghargaan Dewan Negara di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Penyalahgunaan aktiviti gores dan menang banyak dilakukan oleh syarikat yang didefinisikan menjalankan perniagaan secara jualan langsung. Kaedah yang dijalankan merupakan kaedah penipuan terancang iaitu melalui penawaran pelbagai hadiah menarik seperti wang tunai, kereta, motosikal, barangan keperluan rumah seperti pinggan mangkuk, peralatan elektrik dan tawaran pakej melancong.

Bagi tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Oktober 2007, kementerian telah mengambil tindakan terhadap 116 kes pelbagai kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 dengan nilai rampasan sebanyak RM2,846,130.20 dan nilai kompaun mencecah RM148 ribu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53 kes adalah berpunca daripada aktiviti gores dan menang dengan nilai rampasan sebanyak RM2,334,707 dan nilai kompaun adalah sebanyak RM145 ribu.

Selain pembatalan lesen, tindakan denda dan penjara juga boleh dikenakan di bawah Peraturan 10 Peraturan Jualan Langsung 1993 kerana syarikat menjalankan perniagaan jualan langsung di luar waktu bertandang yang dibenarkan serta Seksyen 25 Akta Jualan Langsung 1993 berkaitan tempoh bertandang ataupun *off period*, dengan izin.

Bagi orang perseorangan, mereka yang bersalah boleh didenda maksimum sehingga RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun manakala bagi syarikat atau badan korporat, mereka boleh didenda maksimum sehingga RM100,000. Ahli lembaga pengarah syarikat

yang didapati bersalah akan di senarai hitam dan tidak akan dibenarkan lagi untuk menjadi ahli lembaga pengarah bagi mana-mana syarikat yang lain. Aduan banyak diterima daripada orang ramai mengenai Skim Cepat Kaya, cabutan bertuah yang menyalahgunakan taktik gores dan menang.

Sepanjang tahun 2005, sebanyak 1571 kes telah difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, 1066 kes daripada Biro Pengaduan Awam dan 241 aduan kepada polis. Statistik menunjukkan bahawa jumlah kes yang melibatkan aktiviti gores dan menang semakin meningkat. Bahagian Penguat kuasa Kementerian telah mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang menjalankan penipuan gores dan menang dan jumlah kes dan nilai rampasan yang telah dilakukan adalah sebanyak daripada tahun 2005 sehingga 2007 September sebanyak 145 kes dan nilai rampasan ialah sebanyak RM4,351,369.

Justeru bagi membendung penyalahgunaan aktiviti gores dan menang, pihak kementerian telah memutuskan untuk mengharamkan aktiviti gores dan menang dan seumpama dengannya pada 3 Disember 2007 dan berkuat kuasa serta-merta. Sekiranya terdapat sebarang aduan, orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus membuat laporan agar tindakan tegas boleh diambil oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali, kemudian Tuan Lee Chee Keong.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mengucapkan tahniahlah kepada pihak kementerian yang telah melaksanakan satu pendekatan untuk melindungi pengguna.

Soalan tambahan saya, apakah garis panduan yang digunakan oleh pihak kementerian dalam memastikan syarikat jualan langsung ini tidak melanggar Akta Jualan Langsung 1993 kerana banyak aduan yang kita telah terima dan kita melihat penguatkuasaan yang begitu lambat sekalilah yang diambil dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat, saya nak maklumkan Dewan yang mulia ini beberapa garis panduan yang telah kita berikan kepada syarikat jualan langsung iaitu termaktub dalam aturan peraturan dalam lesen yang kita keluarkan di mana kegiatan yang mereka harus lakukan. Banyak sebenarnya kegiatan-kegiatan yang kita galakkan dalam Akta Jualan Langsung dan berhubung kait dengan contohnya kalau yang melibatkan gores dan menang, dalam akta dalam keputusan yang kita telah tetapkan sebahagian peraturan baru-baru ini iaitu seperti yang saya sebutkan mulai 3 Disember ini, maka kita tidak galakkan. Itu garis panduan yang muktamad mengharamkan semua kegiatan yang berhubung kait dengan jualan langsung yang ada kaitannya dengan gores dan menang.

Manakala perniagaan jualan langsung contoh ubat-ubat dan juga peralatan seperti kosmetik, mereka kita galakkan. Dalam garis panduan hanya termaktub contohnya kalau mereka terlibat dalam perniagaan kosmetik, cuma kosmetik saja. Tidak boleh melibatkan contohnya seperti

yang saya sebutkan seperti penjualan barang-barangan yang lain termasuklah gores dan menang, termasuklah barang-barang yang lain yang tidak termaktub di dalam aturan peraturan-peraturan itu.

Kalau sekiranya mereka didapati menyalahi kelulusan dan aturan yang kita telah kenakan, kita boleh ambil tindakan seperti yang saya sebutkan tadi. Kompaun untuk syarikat sebanyak RM100,000 ataupun tiga tahun penjara. Sepanjang tahun ini, kita dah pun mengambil tindakan terhadap syarikat jualan langsung sebanyak 20 buah syarikat dah kita batalkan.

Sebahagian besar daripada 20 syarikat ini, ianya melibatkan gores dan menang. Saya ingat pada bulan ini ataupun minggu ini, ada lagi satu syarikat yang kita akan batalkan ya, yang ada hubung kait dengan gores dan menang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,. Saya dapati ada beberapa buah syarikat antarabangsa yang menggunakan jualan secara langsung ini melalui Internet. Saya ingin tahu apakah usaha dan langkah-langkah kementerian jika ada terhadap penipuan melalui Internet ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafei bin Apdal: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, memang kita menggalakkan syarikat-syarikat bukan hanya di dalam bahkan juga daripada luar untuk berkecimpung di dalam perniagaan jualan langsung kerana kita dapati bahawa perniagaan jualan langsung ini boleh meningkatkan pelaburan asing di peringkat negara kita dan juga boleh pertama membantu untuk meningkatkan peluang pekerjaan.

Di dapati contohnya seseorang itu boleh mendapat RM100 ribu sebulan Tuan Yang di-Pertua dan ada yang di antaranya melibatkan pegawai-pegawai kerajaan sehingga ada setengah-tengahnya bersara daripada perkhidmatan awam kerana mereka mendapati bahawa ada pendapatan yang agak lumayan dan mereka agak tertarik. Berhubung kait dengan bagaimana kita membendung, memang kita membuat kerjasama dengan pihak-pihak syarikat jualan langsung ini, kita memantau pada setiap ketika kegiatan syarikat jualan langsung ini kita memantau pada setiap ketika kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan sama ada rangkaian yang mereka gunakan menerusi Internet maka kita akan mendapat laporan setiap laporan, jumlah barangan yang mereka jual, anggota yang terlibat. Kita hendakkan supaya rangkaian yang ada di peringkat syarikat-syarikat ini kita dapat memantau siapa yang sebenarnya yang terlibat, siapa dia, di mana mereka berada, apa jenis barangan yang mereka tawarkan.

Contohnya kalau syarikat daripada luar negara yang menggunakan Internet. Kalau ia melibatkan contoh macam barangan itu ada hubung kait dengan keselamatan perubatan contohnya. Kita memerlukan agar barangan ini dahulu disiasat oleh pihak Kementerian Kesihatan sama ada ianya selamat untuk di pakai oleh masyarakat pengguna di negara kita.

Kalau sekiranya barangan itu tidak selamat digunakan, maka kita tidak akan halalkan mereka untuk menjalankan perniagaan menerusi Internet ini. Di mana kita tahu pada hari ini banyak sudah perniagaan transaksi yang dilakukan menerusi Internet. Kita tidak boleh memutuskan kaedah ini kerana kita tahu ianya bukan hanya boleh mempercepatkan transaksi, bahkan juga ia boleh menjimatkan transaksi perdagangan yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Chua Kim Chuan.

2. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berapa peratus projek-projek di bawah RMK-9 telah ditenderkan dan berapa peratus telah dimulakan kerja.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga bulan November 2007, bilangan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak 6,662 projek. Dari bilangan tersebut 5,929 projek adalah merupakan projek Kerajaan Persekutuan dan bakinya sebanyak 733 adalah merupakan projek kerajaan negeri. Dari jumlah tersebut sebanyak 753 projek atau 11.3% telah berjaya disiapkan, manakala sebanyak 1,380 atau 20.7% projek sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Sebanyak 735 projek atau 11% telah ditenderkan dan berada dalam pelbagai peringkat pra pembinaan. Sebanyak 3,794 atau 56.9% projek pula sedang dalam peringkat perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek-projek yang sedang dalam peringkat perancangan meliputi projek yang sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk, penyediaan tapak, pengambilan balik tanah, penyediaan ringkasan projek, penyediaan peruntukkan dan penyediaan jadual pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan, kemudian Dato' Omar Faudzar.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Amat Berhormat Menteri kita telah menggalakkan menubuhkan syarikat berkongsi antara kaum iaitu *smart partner*, dengan izin, untuk mendapatkan projek RMK-9. Apakah langkah-langkah kementerian untuk membantu syarikat tersebut mendapatkan projek RMK-9 sejajar dengan hasrat dengan Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan ini dia terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian Kerja Raya, tapi saya percaya dan yakin bahawa semua pelaksanaan dan perolehan projek ini di buat mengikut garis panduan yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan pihak EPU sendiri yang telah pun menetapkan syiling peruntukkan.

Ada perkara-perkara yang melibatkan projek yang hendak dilaksanakan mengikut dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *fast track* dan memerlukan kepakaran, maka arahan pengeluaran syiling peruntukkan dan juga siapa yang melaksanakannya adalah datang daripada pihak Kementerian

Kewangan dan EPU juga. Saya percaya dan yakin segala saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai apakah keprihatinan kerajaan mengenai untuk mewujudkan syarikat secara usaha sama secara tulen yang akan dapat manfaat besar daripada hasil perbelanjaan kerajaan yang berhubung kait dengan RMK-9 ini tentulah telah pun dipertimbangkan dan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua: Di jawab dengan sepenuhnya mendukung prinsip, *collective responsibility*.

Dato' Omar Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum dalam *bill of quantity* yang ditenderkan dalam projek-projek RMK-9 berdasarkan kepada harga-harga barang lama yang sebelum dinaikkan. Sekarang harganya dah naik dan juga harga-harga *under counter* juga dah naik.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah langkah-langkah kementerian Yang Berhormat dah ambil supaya kita memastikan bahawa projek-projek ini tidak terbengkalai disebabkan oleh kos yang dah naik tetapi tender masih lagi berdasarkan kepada kos yang lama? Itu satu Yang Berhormat.

Kedua ialah bagaimana Yang Berhormat mengklasifikasikan tender dan runding terus?

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sedar dan faham tentang kaunter naik tidak naik ini semalam kaunter BSKL yang mencecah paras yang tertinggi dalam sejarah negara. Kaunter-kaunter lain naik turun itu saya tidak tahulah kerana kita tak mengikut perkembangan tentang kaunter-kaunter lain, tetapi soalan Yang Berhormat sebutkan ini, apakah keprihatinan kerajaan ini. Saya faham dan sedia maklum bahawasanya perancangan projek sebagai contoh bila saya sebut hampir 56.9% projek pula sedang dalam peringkat perancangan. Maknanya kalaunya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *running smooth*, dia pun *takeoff* dalam tempoh dua tahun. Itu pun semua pengambilan tanah dah selesai. Masa itu dia punya *cost inflation, have to be factored in*. Jadi kalau contohnya sekarang ini projek-projek yang *takeoff* sekarang, harga yang seperti Yang Berhormat sebutkan ini harga dua tahun, tiga tahun dahulu. Jadi dengan sekarang ini dia berbeza.

Untuk itu Yang Berhormat, kerajaan telah pun sekarang ini di peringkat kementerian sendirilah saya bercakap dari segi kementerian, Menteri pun mengarahkan dalam mesyuarat oleh *Post Cabinet* supaya pihak JKR terutama Unit Ukur bahan ini membuat kajian kedudukan barangan yang terkini supaya kita boleh merumuskan apakah bentuk yang boleh kita kemukakan kepada pihak kerajaan melalui EPU. Saya dimaklumkan semalam pihak EPU telah pun memanggil dengan izin, *the industry players* supaya mengemaskinikan kedudukan harga barangan. Mungkin beberapa pendekatan contohnya sekarang ini saya tidak hendak menyebut perkara-perkara yang belum menjadi keputusan. Kita pun melihat kaedah perolehan yang berasaskan kepada dengan izin, *press adjustment*, dia sebut *cost plus fees*. Kos yang melibatkan harga barangan meningkat dan juga kos manusia yang melibatkan dengan izin, *profesional services* pun di ambil kira.

■1020

Itu yang berhubung kait soalan tentang, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan terhadap keprihatinan kenaikan harga kos pembinaan. Yang itu, Yang Berhormat, kerajaan sedang menimbangkan perkara ini dengan penuh serius dan saya percaya dalam waktu yang terdekat ada beberapa pengumuman rasmi yang akan dibuat mengenai perkara tersebut.

Yang kedua, apakah dia dasar ataupun dengan izin, *to draw the line* satu-satu projek yang hendak dibuat secara orang kata tawaran terbuka, tawaran terhad ataupun *direct negotiation*.

Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana projek yang telah pun ditetapkan dalam senarai Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah pun diluluskan oleh Kumpulan Wang Disatukan, *Consolidated Fund* melalui Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan senarai projek itu ada dalam senarai projek kementerian mengikut Arahan Perbendaharaan.

Syarat-syarat perolehan yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan hendaklah diterima pakai. Jadi di peringkat kementerian, kita melaksanakan arahan tetap yang telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan tetapi pihak Kementerian Kewangan juga boleh dengan izin, meluluskan waran ataupun peruntukan dan projek yang ada dia punya agensi dan kaedah perolehan adalah mengikut budi bicara pihak Kementerian Kewangan sama ada melalui, dengan izin, *direct negotiation* ataupun tawaran runding terus ataupun tawaran terhad. Sekian.

3. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak-pihak berkuasa tempatan terhadap vandalisme yang dilakukan terhadap tempat-tempat awam sebagai contoh tulisan conteng, semburan warna dan pelekat-pelekat iklan yang tidak berlesen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bagi membendung aktiviti vandalisme, Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai Undang-undang Kecil Vandalisme yang menggariskan aktiviti yang boleh dikategorikan sebagai vandalisme serta tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh PBT bagi menanganinya.

Antara aktiviti vandalisme berkenaan adalah lukisan, lakaran, slogan, karikatur, kiasan yang tidak dibenarkan serta perbuatan mengubah, mengalih dan merosak harta milik PBT. Denda dan penjara boleh dikenakan atas individu ataupun pihak yang terlibat dengan vandalisme tersebut. Selain daripada aspek penguatkuasaan, kempen kesedaran juga dijalankan dari semasa ke semasa bagi memupuk kesedaran awam mengenai pentingnya menjaga harta awam.

Bagi tujuan pemantauan, kementerian ini amat menggalakkan peranan jawatankuasa penduduk bagi sama-sama membantu PBT menangani isu vandalisme di kawasan PBT. Selain itu kementerian juga memperkenalkan pelaksanaan konsep pegawai kawasan di mana salah satu peranannya adalah memantau dan melaporkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan kemudahan awam di kawasan PBT. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Ikhwan Salim, Dato' Yip dan Dr. Puad.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah sehingga sekarang berapa ramai kah pesalah yang telah dihukum berkaitan dengan masalah vandalisme di negara ini? Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat tentang seluruh negara tetapi sebagai contoh butiran tentang tiga majlis perbandaran iaitu di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2003 -198 orang, 2004 – 207 orang, 2005 – 318 orang, 2006 – 323 orang dan tahun ini sampai sekarang 364 orang.

Jenis-jenis kesalahan, pelbagai jenis daripada merosak tandas awam dan tong-tong sampah, merosak lif dan pelbagai jenis yang lain. Saya ada butir-butir untuk dua majlis yang lain tetapi kalau Ahli Yang Berhormat memerlukan butiran tentang seluruh negara, kita akan dapat mengadakan untuk Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Vandalisme adalah satu cetusan perasaan atau emosi remaja serta kekurangan input, dengan izin, pembangunan insan untuk golongan remaja. Memandangkan pembangunan di PBT hanya memerlukan kemudahan untuk taman kanak-kanak selalunya, adakah kementerian mempunyai rancangan mengenakan syarat-syarat kemudahan riadah untuk remaja? Sanggup kah kementerian mengarahkan PBT menambah peruntukan untuk pembangunan insan melalui secara pentadbiran? Sekian, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Pandangan bahawa PBT cuma memberi bantuan untuk membina taman kanak-kanak sahaja bukan satu pandangan yang menyeluruh kerana ada PBT bergantung kepada kemampuan kewangan mereka yang telah menyediakan pelbagai jenis kemudahan untuk pembangunan remaja dan pembangunan insan pada keseluruhannya seperti ada PBT yang menyediakan *community library*, ada PBT yang menyediakan taman awam dengan pelbagai jenis kemudahan, ada PBT yang menyediakan gimnasium. Ini terpulang kepada kemampuan kewangan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan bantuan yang mereka minta dari pihak kementerian, tetapi daripada dasar, tidak ada halangan untuk Pihak Berkuasa Tempatan untuk menambahkan dan meluaskan kemudahan ini.

Pembangunan insan ialah tanggungjawab, bukan sahaja Pihak Berkuasa Tempatan tetapi kepada semua peringkat kerajaan yang mula daripada sekolah sampai mereka di IPTA dan di dalam mana-mana institusi yang lain. Pembangunan pada keseluruhannya akan memastikan bahawa seorang insan yang berguna dan bertanggungjawab akan wujud daripada sistem pemerintahan ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu tempat kemudahan awam yang sering menjadi mangsa vandalisme ini ialah tandas awam khususnya

tandas lelaki yang sering diconteng dengan ayat-ayat yang lucu. Kadang-kadang nama orang politik dan pelakon seperti Maya Karin pun ditulis.... *[Ketawa]* Oleh itu, tidakkah wajar...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak peminatlah itu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun minat Maya Karin.... *[Ketawa]* Oleh itu tidakkah wajar untuk tandas lelaki sahaja dibina tandas *transparent* dan dipasang CCTV dan kalau didapati mereka ini menconteng... *[Disampuk]* Wanita jangan, lelaki sahaja sebab yang selalu melakukan ini lelaki dan kalau didapati mereka menconteng, maka ambil tindakan, bagi penyapu kepada mereka, suruh bersihkan balik. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat tentang cadangan yang kontroversial ini...*[Ketawa]* ...Kerana bagi kita untuk mengawal supaya vandalisme dan contengan boleh dikurangkan tetapi kita pun kena menghormati *privacy* orang yang menggunakan tandas.

Kalau untuk tujuan ini sahaja, meletak CCTV tetapi masa mereka gunakan tandas, kita kena tutupkan CCTV. So, di dalam hal itu, di dalam pengamalan sistem ini mungkin sukar tetapi kita akan kaji sistem-sistem yang lain yang boleh mendapat tujuan yang sama. Terima kasih.

4. **Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan, bagaimanakah sambutan untuk Sekolah Menengah Teknik setakat ini dan berapa peratuskah pelajar dari sekolah aliran ini yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti Politeknik ataupun Universiti Teknikal Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Perlembagaan Negara memberi Yang Berhormat hak untuk menjawab bagi pihak dan Peraturan Mesyuarat membolehkan saya benarkan.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan modal insan selain daripada menekankan aspek nilai disiplin, sahsiah dan jati diri, kerajaan juga berhasrat melahirkan pelajar yang kompeten dalam sains dan teknologi, inovatif dan kreatif serta kebolehpasaran. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 juga telah menekankan kepentingan kemahiran teknik dan vokasional di kalangan murid. Sehingga tahun 2007, terdapat sebanyak 90 buah sekolah menengah teknik di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang teknik dan vokasional telah menunjukkan peningkatan penyertaan murid dari tahun ke tahun. Sebagai contohnya, perbandingan antara tahun 2006 dan 2007 berkaitan enrolmen dan bilangan kelas telah menunjukkan peningkatan.

■1030

Enrolmen bagi tahun 2006 adalah seramai 37,885 orang dengan bilangan kelas 1,497 telah meningkat kepada 62,570 orang dengan bilangan kelas sebanyak 2,515 buah kelas pada tahun 2007.

Bagi permohonan kemasukan ke Tingkatan Empat pula di sekolah menengah teknik pada tahun 2008 ini, iklan kemasukan telah dikeluarkan pada 7 Oktober 2007 melalui borang ataupun laman web dan tarikh tutup permohonan adalah pada 1 Januari 2008. Sehingga kini November 2007 seramai 43,895 calon telah memohon. Perlu dimaklumkan kapasiti untuk pengambilan kemasukan ke sekolah menengah teknik tahun 2008 ialah seramai 49,800 murid.

Berhubung dengan peratus murid aliran teknik, vokasional dan kemahiran ke pusat pengajian tinggi, Kajian Jejakan Lulusan Sekolah Menengah Teknik 2002/2003 yang mana *cohort* nya yang telah melanjutkan pengajian ke pengajian tinggi telah dijalankan pada tahun 2005 mendapati 36% murid aliran teknik melanjutkan pelajaran ke aliran politeknik dan 34% ke IPTA.

Bagi murid aliran vokasional pula sebanyak 52% ke politeknik dan 15% ke institusi latihan kemahiran. Bagi murid dalam kemahiran pula seramai 41% ke institusi latihan kemahiran dan 18% ke politeknik. Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menjalankan Kajian Jejakan Lulusan Sekolah Teknik Tahun 2004/2005 dan keputusan hasil kajian tersebut dijangka akan diperolehi pada bulan Mac 2008. Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha untuk merealisasikan pelan induk perindustrian yang merangkumi strategi dan langkah-langkah yang boleh membawa Malaysia dalam era sebuah negara perindustrian dan seterusnya menjadi sebuah negara maju, bagaimanakah pihak kementerian ingin mempromosi ataupun melakukan *re-branding* untuk lebih kurang 90 buah sekolah teknik yang sedia ada supaya menjadi sekolah pilihan para pelajar setaraf dengan sekolah-sekolah berasrama penuh atau MRSM dan yang bukannya sebagai sebuah sekolah untuk pelajar yang mempunyai tahap pelajaran yang rendah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat diberikan maklumat-maklumat latar belakang memandangkan Yang Berhormat menjawab bagi pihak kementerian yang lain.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Ada sedikit sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada pelan tindakan PIPP bagi pihak kementerian, bagi pihak sekolah menengah teknik dan vokasional pun menyediakan Pelan Tindakan Pendidikan Teknikal dan Vokasional 2006-2010 yang mana dalamnya terkandung pelbagai perkara yang boleh menjadikan sekolah menengah teknik itu menjadi pilihan kepada pelajar-pelajar sama ada dalam bidang teknik, vokasional ataupun kemahiran.

Untuk melaksanakan *rebranding* ataupun memperkenalkan sekolah ini di mata pelajar-pelajar, beberapa program yang khusus seperti memperkenalkan kursus-kursus baru yang

menarik perhatian supaya boleh disalurkan ke pihak industri seperti program-program pengurusan teknologi pejabat, pelancongan, multimedia kreatif, sistem sokongan komputer dan rangkaian ditambah bagi memastikan mereka yang meminati program-program melalui kemahiran vokasional dan teknik ini dapat diperkenalkan di sekolah menengah teknik.

Jumlah guru yang dipertingkatkan serta bilangan kelas yang menunjukkan bahawa minat pelajar-pelajar ke sekolah menengah teknik ini telah bertambah dari tahun 2006 hingga 2007. Ini menunjukkan bahawa terdapat aliran semasa yang menunjukkan minat pelajar-pelajar ke sekolah menengah teknik itu bertambah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian mempunyai data mengenai peratusan pelajar mengikut kaum di sekolah menengah teknik ini dan begitu juga dengan tenaga pengajarnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya mohon notis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat mohon notis.

5. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sama ada perjanjian dua hala yang semakin banyak ditandatangani oleh negara-negara di dunia akhirnya akan menghakis kewajaran sistem perdagangan multilateral dan menjadikannya tidak kurang relevan. Di manakah letaknya kekuatan WTO dalam landskap ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, sistem perdagangan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia, WTO merupakan teras peraturan perdagangan antarabangsa merangkumi liputan subjek yang lebih meluas daripada rundingan pelbagai hala sebelumnya. Sistem ini berasaskan peraturan yang konsisten, telus dan seragam yang dapat memastikan keadilan dalam perdagangan dunia. Sistem ini juga memastikan bahawa faedah-faedah liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan hasil rundingan di bawah WTO akan dapat dinikmati oleh semua negara ahli.

Selain daripada aspek pembukaan pasaran, isu-isu utama rundingan pelbagai hala melibatkan anti lambakan, pengurangan subsidi domestik dan pemansuhan subsidi eksport. Rundingan Doha diharapkan dapat memperoleh persetujuan antara 151 ahli-ahlinya. WTO juga mempunyai peruntukan yang membenarkan negara-negara ahli menjalankan rundingan perdagangan bebas dua hala dan serantau. Ini bermakna sebarang rundingan dua hala dan serantau boleh dilakukan selagi tidak melanggar peraturan WTO sedia ada.

Proses untuk meliberalisasikan pasaran di WTO memakan masa yang panjang. Ahli-ahli yang terdiri daripada 151 buah negara berada pada tahap pembangunan yang berbeza. Oleh yang demikian, proses mencapai kata sepakat akan mengambil masa. Malaysia akan terus aktif dalam WTO bagi memastikan sistem perdagangan pelbagai hala terus adil dan saksama untuk semua ahlinya. Penglibatan negara dalam WTO akan kekal menjadi agenda utama negara.

Malaysia akan menimbang dan menjalankan rundingan perdagangan di peringkat dua hala dan serantau dengan negara-negara yang Malaysia mempunyai kepentingan perdagangan terutamanya untuk mendapatkan pembukaan pasaran yang lebih besar untuk barangan dan perkhidmatan, membantu dan mempromosi perdagangan, pelaburan dan pembangunan ekonomi, meningkatkan daya saing negara dan mewujudkan program bina upaya melalui usaha sama ekonomi dan kerjasama teknikal dengan rakan dagang. Inisiatif ini adalah sebagai pelengkap kepada proses liberalisasi perdagangan di bawah WTO.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa kita semua fahami bahawa WTO adalah untuk semua negara, tetapi yang menghairankannya ialah tiap-tiap perjanjian dua hala, tentunya berteraskan segala yang dipersetujui di bawah *World Trade Organization* atau WTO.

Perundingan dua hala ini juga adalah antara negara-negara yang berbeza tahap pembangunan mereka. Ia tidak berlainan daripada *Multilateral Trade Negotiation* di bawah WTO. Kenapakah di bawah perjanjian, *bilateral agreement* kedua-dua pihak kita dapat persetujuan tetapi sukar mendapat persetujuan di bawah perundingan WTO? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu perundingan di bawah WTO ia menuju kepada mendapat persetujuan semua negara. Sekarang ada 151 buah negara. Sebenarnya saya menyatakan tahap pembangunan yang berbeza dan tentunya tujuan untuk mendapat 151 buah negara bukan suatu yang mudah kerana WTO berbentuk konsensus manakala dua buah negara secara bilateral hanya melalui dua buah negara.

Hak FTA bilateral atau serantau dijalankan kerana negara yang terlibat mahu mendapat kelebihan daripada apa yang dicapai di bawah WTO biasanya di bawah FTA dua hala dan serantau, komitmen-komitmen berbentuk WTO *plus* umpamanya kalau dari segi tarif secara purata di bawah WTO pada kadar tertentu dan bagi antara dua negara mereka boleh mendapat tarif yang lebih rendah. Jadi, mengapa sukar? Ia kerana lebih banyak ahli yang terlibat dan ini hanya melibatkan dua hala ataupun serantau.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah bila banyak dia ada blok-blok?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Dari sudut negara terbahagi kepada tiga iaitu negara maju, negara membangun dan negara miskin dan di dalam itu ada pelbagai blok seperti mana yang Tuan Yang di-Pertua nyatakan ada *the kings group*, ada negara maju dan ...

Tuan Yang di-Pertua: Dua hala dia tidak mungkin ada blok.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Dua negara sahaja.

Tuan Ir. Hiang A. Li: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masa yang begitu panjang atau lama untuk rundingan dalam hal ini dan masih belum mencapai tahap untuk menandatangani perjanjian dua hala,...

■1040

Soalan tambahan saya ialah apakah pendekatan kerajaan tentang perkara ini. Adakah kita hendak melanjutkan lagi perundingan atau kita hendak memperlahankan? Sekiranya kita memperlahankan perundingan, apakah sebab-sebabnya kalau ada? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat bertanya tentang perundingan dua hala, dua hala kah atau WTO?

Tuan Ir. Hiang A Li: WTO.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: WTO, okey. Sebenarnya Yang Berhormat, WTO telah ditubuhkan pada tahun 1995 dan supaya ada satu badan untuk mengawasi peraturan-peraturan perdagangan dunia. Apa yang berlaku sekarang, WTO melaksanakan *trading rules* yang telah dicapai melalui *Uruguay Round* maknanya *Uruguay Round* sekarang ini merupakan dasar dan peraturan kepada perdagangan dunia. Apa Yang Berhormat nyatakan tadi ada *Doha Round* yang tercipta daripada *Ministerial Meeting* pada tahun 2001 meliputi soal pertanian, soal *non-agriculture market asset*, barangan bukan pertanian, perkhidmatan, *trips related issues*, ini perkara-perkara yang utama. Maknanya rundingan Doha ini akan berterusan pada peringkat sekarang, ketua kumpulan atau pengerusi kumpulan rundingan pertanian dan NAMA - barangan bukan pertanian telah pun mengemukakan *modalities* untuk perundingan seterusnya.

Untuk pertanian, ahli menerima secara dasar asas untuk perbincangan tetapi masih ada lagi perbezaan-perbezaan dari segi tarif. Ini kerana negara-negara maju mahu mengurangkan tarif *cut*, tidak mahu banyak, negara membangun mahu banyak. Dari segi NAMA - *Non-Agriculture Market Asset*, pihak negara membangun tidak mahu menerimanya kerana sukar untuk dilaksanakan. Jadi rundingan ini akan berterusan. Dari segi WTO diharap dapat tercapai pada hujung tahun 2007, tetapi dijangka tidak akan tercapai. Apa yang akan berlaku pada bulan Januari nanti, *World Economic Forum* akan mengadakan mesyuarat menteri-menteri ekonomi untuk membincangkan seterusnya isu-isu WTO tersebut. Saya, seperti mana saya nyatakan dalam jawapan awal tadi, Malaysia terus memberi komitmen kepada WTO kerana WTO merupakan peraturan perdagangan yang meliputi seluruh dunia merangkumi 151 buah negara dan ini amat menguntungkan.

Seperti mana Yang Berhormat maklum, kita ada FTA, rantau di peringkat ASEAN, kita ada FTA bilateral di peringkat di Jepun dan Pakistan. Bermakna bahawa perdagangan yang telah kita capai tahun lalu sebanyak RM1.07 trilion adalah datangnya dari negara-negara yang kita tidak mempunyai FTA, bermakna bahawa peraturan yang ditetapkan oleh WTO kita itu menguntungkan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Majid bin Mahap.

6. **Tuan Maijol bin Mahap** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada kerajaan berhasrat mewajibkan Badan-badan Berkanun mengamalkan *Corporate Governance* dan *Best Practices* seperti dibuat terhadap *Government Linked Companies (GLC)*.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya Badan-badan berkanun adalah badan-badan kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Parlimen masing-masing. Keduanya, badan-badan ini juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sama yang dibuat oleh kerajaan seperti Arahan Perbendaharaan mengenai Tatacara Kewangan, Perintah Am, *General Order* dalam hal pengurusan personel, pengurusan aset, kaedah pelaburan yang selamat.

Ketiganya, laporan tahunan dan penyata kewangan badan-badan berkanun mestilah diaudit dan dibentangkan dalam Parlimen. Oleh itu badan-badan berkanun tidaklah tertakluk secara khusus kepada keperluan *Corporate Governance* syarikat seperti yang ditadbirkan oleh SC atau SSM kerana mereka ini bukan syarikat, mereka ini badan-badan yang mempunyai tatacaranya sendiri dan seolah-olah ataupun yang banyak menyerupai badan-badan kerajaan.

Namun begitu seperti juga langkah-langkah dan tindakan kerajaan untuk membawa perubahan kepada cara pengendalian urusan kerajaan untuk memperbaiki sistem penyampaian, *delivery system*, kerajaan ingin menjadi lebih telus, lebih mesra pelanggan. Begitulah juga dengan badan-badan berkanun perlu mengikut amalan-amalan baru, amalan terbaik, *best practices* dalam urusan mereka, perlu juga ketelusan dan integriti yang tinggi untuk lebih berkesan dan menepati sasaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Maijol Mahap, kemudian Dato' Wong.

Tuan Maijol bin Mahap: Pada masa ini, GLC-GLC di negara kita sudah pun mula melaksanakan apa yang dipanggil Program PINTAR iaitu *Promoting Intelligence, Nurturing Talents, Advocating Responsibility*, dengan izin, iaitu satu program untuk pengambilan sekolah angkat. Ini dibuat untuk tujuan menggalakkan modal insan di negara kita. Soalan saya ialah, apakah, adakah kerajaan juga mewajibkan atau menggalakkan badan-badan berkanun di negara ini melaksanakan Program PINTAR ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program CSR, *Corporate Social Responsibility* ini lebih ditujukan kepada syarikat-syarikat. Syarikat khususnya dan syarikat-syarikat GLC kerana syarikat-syarikat ini yang bertindak sebagai syarikat swasta yang lebih menumpukan perhatian kepada usaha-usaha membuat keuntungan. Ini supaya di dalam mereka membuat dan mencari keuntungan, mereka tidak alpa dan lupa kepada keperluan masyarakat. Oleh itulah syarikat-syarikat GLC ini diberi tumpuan oleh kerajaan untuk menjadi pemangkin, untuk menjadi pemimpin *to lead*, dengan izin, sektor swasta menunjukkan keprihatinan yang lebih dan kesungguhan untuk membantu rakyat dalam pelbagai program, *smart school* lah,

dengan sekolah anak angkat PINTAR, dengan universiti-universiti yang ditubuhkan oleh TNB, TM, Petronas dan pelbagai lagi, macam-macam.

Badan-badan berkanun ini, macam saya cakapkan tadi, ini macam kerajaan, memang tanggungjawab kerajaan yang prihatin dan kerajaan yang baik seperti kerajaan kita ini di Malaysia barangkali adalah kerajaan yang prihatin. Jadi nak adakan satu program khusus pula untuk badan-badan berkanun untuk mengendalikan CSR dan sebagainya, saya rasa tidak perlu.

Ini kerana ia adalah sebahagian daripada kerajaan sebab itu saya sebut satu, dua, tiga tadi untuk membezakan badan-badan berkanun ini daripada GLC atau syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan SSM atau SC yang semuanya tertakluk kepada *Corporate Governance*, CSR dan sebagainya tetapi badan-badan berkanun ini lain. Jadi kalau kita nak kata, mengapa badan berkanun sahaja? Memang kerajaan pun perlu buat sedemikian kerana ini adalah tanggungjawab kerajaan yang tidak dapat dipisahkan dengan badan-badan berkanun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang akta menubuhkan badan berkanun itu ialah sebagai satu respons kepada keperluan sosial. FELDA misalnya pada satu ketika.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Dengan izin, *I cannot put any better* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi hari ini kita dapat lihat syarikat-syarikat milik kerajaan iaitu GLC dengan izinnya, yang diterajui oleh golongan korporat yang berpengalaman, muda dan amanah telah menunjukkan prestasi yang baik serta membawa banyak keuntungan kepada syarikat-syarikat tersebut.

■1050

Di sebaliknya, ada badan-badan berkanun dalam pentadbiran kerajaan kita yang sepatutnya membawa keuntungan tetapi mengalami kerugian yang besar di sebabkan ia diterajui oleh mereka yang hanya mempunyai pengalaman pentadbiran tetapi tidak ada pengalaman korporat dan ada yang tidak amanah. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menempatkan golongan korporat yang berpengalaman dan beramanah di badan-badan berkanun yang mengalami kerugian. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Saya memang merasakan inilah di kehendaki oleh kerajaan. Dalam segala usaha pembaharuan, penyusunan semula, kita lihat umpamanya kejayaan untuk menyusun semula GLC dengan memberi tumpuan yang lebih kepada usaha-usaha membuat keuntungan menguruskan syarikat-syarikat GLC dengan lebih membawa hasil, bukan sahaja dari segi keuntungan, dari segi nilai tambah, *value creation* umpamanya. Ini semua adalah semakin berjaya. Apabila syarikat-syarikat ini semakin berjaya, maka kemampuan mereka untuk menjalankan kegiatan-kegiatan CSR juga semakin bertambah. Badan-badan Berkanun, barangkali susah sedikit berbanding dengan GLC kerana GLC ini semuanya berada di bawah satu

kementerian. iaitu Kementerian Kewangan secara langsung tetapi badan berkanun ini, walaupun berada dalam kerajaan tetapi di bawah pemerhatian dan pengawalan kementerian-kementerian yang berasingan.

Walaupun dasar kerajaan, walaupun mereka tertakluk kepada peraturan kewangan yang sama, walaupun mereka mesti telus dan dapat membawa faedah-faedah seperti mana yang disasarkan tetapi sudah tentu prestasi mereka ini berbeza-beza. Ada yang baik, ada yang kurang baik dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan melalui kementerian-kementerian ini untuk memastikan hanya yang baik sahaja yang dikekalkan dan yang tidak baik itu kita ketepikan. Terima kasih.

7. **Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapakah tulisan jawi yang melambangkan jati diri, kebanggaan dan martabat orang Melayu dan secara tidak langsung tulisan jawi juga melambangkan syiar Islam di Malaysia semakin kurang penggunaannya termasuk dalam sektor pendidikan; dan
- (b) mengapakah penggunaan tulisan jawi ini hanya terhad di peringkat sekolah rendah dan aliran agama sahaja dan bukan sebagai mata pelajaran teras kepada semua pelajar Melayu yang beragama Islam. Kenapa tidak diberi tempat di Institusi Pendidikan Tinggi negara.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada soalan yang telah dikemukakan.

- (a) Tulisan jawi adalah warisan bangsa dan telah digunakan sejak dahulu lagi. Dalam memperkasakan pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan tulisan jawi sebagai salah satu elemen penting khususnya dalam Program j-QAF.
- (b) Di peringkat rendah, tulisan jawi adalah salah satu komponen yang di ajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala di peringkat menengah, tulisan jawi diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam.
Selain daripada j-QAF Kementerian Pelajaran juga telah mengambil pelbagai inisiatif dalam mendapat dan memajukan tulisan jawi dalam kalangan rakyat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berikut:
 - (i) menyediakan buku teks Pendidikan Islam dalam buku tulisan jawi;
 - (ii) menggalakkan penerbitan bahan bacaan menggunakan tulisan jawi;

- (iii) membiayai penerbitan akhbar sisipan jawi dalam *Utusan Malaysia*;
- (iv) mengadakan pertandingan tulisan jawi dan khat dalam pelbagai aktiviti kokurikulum;
- (v) mewujudkan kelas jawi dan khat di sekolah-sekolah;
- (vi) menjalankan kursus-kursus tulisan jawi kepada guru; dan
- (vii) menggalakkan menggunakan tulisan jawi di sekolah-sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia dari semasa ke semasa akan sentiasa meneliti dan menilai keberkesanan dalam meningkatkan penguasaan tulisan jawi di kalangan murid-murid. Namun demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia berpandangan Program j-QAF yang dilaksanakan kini telah memberi fokus kepada murid-murid dalam mempelajari jawi sama ada membaca dan menulis jawi.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Armani kemudian Datin Paduka Nor Hayati, kemudian Puan Wan Hazani.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Puan Wan Ubaidah dan Datuk Sharipah Aminah.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Soalan tambahan saya, apakah usaha yang akan dijalankan oleh kementerian bagi peningkatan penggunaan jawi dalam penggunaan seharian dan tidakkah kementerian bercadang untuk mewujudkan kerjasama antara Kementerian Pelajaran dan KeKKWa untuk menyerlahkan kembali tulisan jawi. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu usaha yang kini kita telah usahakan. Bukan sahaja KeKKWa, kami akan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak dan berhasrat untuk membantu supaya tulisan jawi ataupun bacaan jawi dapat kita tingkatkan. Terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam akhbar-akhbar di Malaysia ini hanya Utusan Malaysia sahaja yang menggunakan tulisan jawi dan itu pun terhad. Jadi apakah langkah-langkah yang di ambil oleh kerajaan untuk menggalakkan akhbar-akhbar lain turut sama menggunakan tulisan jawi? Terima kasih

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca dan menulis jawi, inilah tanggungjawab bersama. Kementerian Pelajaran boleh memberikan kemudahan, boleh memberikan penggalakan dan itulah terpulang kepada masyarakat umum supaya dapat merasai bahasa Jawi adalah bahasa yang paling baik, yang

penting. Jadi maka dengan mempunyai perasaan itulah, maka usaha untuk meningkatkan bacaan dan tulisan jawi dapat kita jayakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Wan Hazani.

Puan Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang sebab jarang-jarang sekali bangun.

Puan Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd. Nor: Tidakkah kementerian bercadang mengadakan kempen yang meluas untuk menyuntik kesedaran masyarakat terutamanya umat Islam akan menggunakan tulisan jawi dengan pandai jawi, mudah membaca Al-Quran. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan banyak terima kasih cadangan itu dan sudah tentu cadangan Yang Berhormat akan dapat kita pertimbangkan. Sebenarnya saya ingin maklumkan Yang Berhormat di Dewan ini, bahawa pembelajaran Pendidikan Islam sudah diakui sebagai sistem yang terbaik dan para negara jiran juga minta kami untuk membantu mereka dari segi memberikan kurikulum dan juga melatih para guru untuk mengajar Pendidikan Islam di negara mereka. Jadi ini saya anggap ini adalah satu pencapaian yang sangat kita banggakan dan usaha itu akan kita teruskan. Terima kasih.

8. **Puan Noridana binti Datuk Haji Shafie** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah UiTM yang ditubuhkan untuk pelajar-pelajar bumiputera telah dibuka untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera dan asing bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ph.D dan apakah rasional dasar kementerian dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi Mara 1976. Sehingga kini dasar Kementerian Pengajian Tinggi adalah jelas iaitu UiTM ditubuhkan khusus untuk memberi Pendidikan Tinggi kepada pelajar bumiputera termasuk pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak di semua peringkat pengajian iaitu diploma, Ijazah pertama, Sarjana dan Doktor Falsafah.

Berhubung dengan persoalan penawaran program Pengajian di peringkat Sarjana PhD pada pelajar antarabangsa. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi pada ketika ini membenarkan UiTM menawarkan program pengajian di bidang ini kepada pelajar antarabangsa. Ini adalah selaras dengan dasar antarabangsa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi menarik 100,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2010.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengajian Tinggi pada masa ini hanya membenarkan UiTM mengambil pelajar antarabangsa dalam peratusan yang minima sahaja iaitu sebanyak 5%. Dasar kementerian dalam perkara ini adalah jelas iaitu membolehkan UiTM menyediakan pelajar-pelajarnya untuk bekerja dan bersaing dalam peringkat antarabangsa di masa hadapan. Input dan

maklum balas daripada pelajar antarabangsa yang belajar ketika ini boleh dijadikan panduan yang berguna di samping dapat membina *networking* ataupun jaringan dengan izin, pada peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Nordiana, kemudian Datuk Soon, kemudian Tuan Khoo Soo Seng.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya tidakkah ini bertentangan dengan dasar penubuhan UiTM itu sendiri dan apakah jaminan terhadap kedudukan bumiputera di UiTM?

■1100

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dasar kementerian dalam perkara ini ialah untuk memberikan UiTM menyertai sektor antarabangsa sama ada mereka menghantar pelajar-pelajarnya ke luar negara atau pensyarah-pensyarahnya ke luar negara untuk membuat kolaborasi atau pertukaran pelajar atau pertukaran pensyarah.

Pada waktu yang sama, kita juga menyatakan bahawa pendirian membenarkan sebanyak 5% pelajar-pelajar untuk belajar dalam bidang Ph.D dan Masters sahaja bukanlah satu yang membimbangkan. Ini kerana ianya membimbangkan perkara yang asas iaitu membina jaringan awal dalam komuniti UiTM yang meliputi 14 cawangan dan juga beberapa kampus kota yang telah pun dibina. Walau bagaimanapun, kita tetap akan memastikan bahawa penawaran UiTM terhadap 200 ribu pelajar menjelang tahun 2020 ini menjadi kenyataan, kita akan terus memastikan pelajar-pelajar bumiputera tidak ketinggalan untuk diberikan tempat, terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan daripada jawapan itu, 5% yang akan diambil oleh pihak Kementerian. Ingin saya tahu daripada pihak Yang Berhormat peratusan atau angka pelajar-pelajar asing ataupun pelajar bukan bumiputera yang ambil bahagian *participate*, dengan izin, dalam UiTM ini, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Kita hanya ada 208 orang pelajar antarabangsa dalam UiTM yang pada hari ini melebihi 100 ribu orang, bermakna peratus yang sangat kecil tidak sampai 5%. Ia adalah daripada negara Yaman, Mauritius, Saudi Arabia, Iran, Iraq, Sudan, Jerman, Afghanistan, Portugal, Libya, Brunei dan Thailand serta Indonesia yang mana mengambil bidang Master dan PhD. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bersetuju bahawa pengambilan penuntut berbilang kaum di institusi-institusi pengajian tinggi akan memupuk lagi semangat perpaduan daripada generasi muda di Malaysia. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Tujuan UiTM ditubuhkan adalah untuk memberikan akses yang luas kepada pelajar bumiputera terutama sekali meliputi Akta Universiti Teknologi Mara 1971. Walau bagaimanapun, kita memiliki 19 buah lagi IPTA yang

menawarkan pelbagai kursus yang diberikan kepada rakyat Malaysia; terutama sekali mereka yang berjaya di peringkat SPM yang akan mengikuti peringkat Diploma lepasan matrikulasi ataupun STPM yang boleh mengikuti program Ijazah.

Walau bagaimanapun, kita harus mengetahui bahawa permintaan pelajar-pelajar untuk ke peringkat pengajian tinggi, bukanlah meliputi UiTM sahaja, kita ada politeknik, kolej komuniti, institusi kemahiran lain yang boleh menawarkan banyak tempat kepada pelajar serta IPTS yang pada hari dibuka untuk menawarkan program-program yang bermutu tinggi, dengan adanya penyelarasan di bawah MQA atau *Malaysian Qualifications Agency* dengan izin, dengan adanya agensi kelayakan Malaysia yang akan mempertahankan kualiti bagi semua pelajar yang masuk ke pengajian tinggi.

9. **Datuk Chew Yun Ming** minta Menteri Kesihatan menyatakan, baru-baru ini terdapat laporan mengenai '*lead content*' yang berlebihan dalam kebanyakan barang permainan kanak-kanak di pasaran. Perkara ini tidak harus berlaku memandangkan negara mempunyai undang-undang bagi membendung daripada berlakunya perkara seumpama ini. Adakah kementerian bercadang membuat kajian tentang sejauh mana kesihatan rakyat, khususnya kanak-kanak di Malaysia telah dicemari dengan bahan '*lead*' ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa peka terhadap kesihatan rakyat terutamanya kanak-kanak. Kementerian ambil maklum perkara mengenai tahap plumbum berlebihan pada barang permainan kanak-kanak di Malaysia. Kawalan ke atas barang permainan tersebut adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tindakan sewajarnya telah pun diambil oleh kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kajian fokus mengenai tahap plumbum kepada penduduk berisiko tinggi ada dijalankan oleh pelbagai pihak di Kementerian Kesihatan dan juga pihak lain seperti di universiti-universiti dan institut penyelidikan. Beberapa kajian kepada penduduk berisiko tinggi yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui Institut Penyelidikan Perubatan adalah seperti berikut.

- (i) kajian pendedahan plumbum ke atas pekerja-pekerja pembuat *battery*;
- (ii) kajian pendedahan kanak-kanak sekolah terhadap asap kereta di Ranau Sabah;
- (iii) kajian tahap plumbum dalam darah dan rambut pada pelajar universiti di Kuala Lumpur; dan
- (iv) kajian kerosakan DNA pada anggota polis trafik akibat pendedahan kepada pencemaran udara.

Hasil kajian mendapati majoriti penduduk berisiko tinggi tersebut tidak mempunyai tahap plumbum yang membimbangkan dan kritikal. Di samping itu kajian di kalangan kanak-kanak pra

sekolah, Universiti Sains Malaysia telah menjalankan kajian tahap plumbum di negeri Sabah Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1996 hingga 2000. Hasil kajian mendapati majoriti kanak-kanak ini tidak mempunyai tahap plumbum yang kritikal iaitu melebihi 5 mikrogram setiap 100 mililiter darah, sekian terima kasih.

Datuk Chew Yun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu bentuk piawaian khusus atau undang-undang bagi melindungi orang ramai daripada terdedah kepada bahan yang berlebihan. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan barangan yang mengandungi bahan-bahan berbahaya ini dapat dicegah sepenuhnya daripada memasuki pasaran ini, sekian terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan telah mengambil banyak tindakan untuk mengawal keadaan plumbum di dalam peralatan mahupun di udara kita. Di negara kita tidak sudah ada *leaded petrol* misal kata. Pada masa seketika dahulu kita ada *leaded petrol* dan *unleaded petrol*. Untuk mengatasi cabaran ini, kita telah *face out*, dengan izin, *leaded petrol* di negara kita. Kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita di mana mereka masih ada *leaded petrol*. Kita juga mengawal berkaitan dengan tahap plumbum di dalam hasil-hasil yang lain seperti cat yang kita ada dan sebagainya. Pada masa sekarang saya rasa, kita tidak perlu lagi undang-undang yang lain, tetapi di bawah undang-undang yang sedia ada, kita memang sudah cukup untuk mengawal keadaan di negara kita. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum kita biasa dengan zaman sains dan teknologi, timah merangkumi *tin* dan *lead* tetapi sekarang timah khusus ialah *tin* dan *lead* ialah plumbum.

10. **Puan Mumtaz binti Md Naw** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapakah jumlah kes mengikut negeri yang dikendalikan oleh PERKESO berbanding nisbah pencarumannya dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes kemalangan yang dilaporkan ke PERKESO mengikut negeri dan jumlah kes yang berjaya diselesaikan adalah seperti berikut. Panjang sedikit, saya kena baca ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh panjang sedikit Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh, sebab dia tanya ikut negeri dan kawasan. Itu habis ringkas. Semenanjung Malaysia bilangan pekerja yang berdaftar dengan PERKESO 2006. Saya ringkaskan, mengikutkan pekerja yang berdaftar, kemalangan yang dilaporkan dan yang dapat diselesaikan.

■1110

Negeri	Pekerja Berdaftar dengan PERKESO (Jum/Ribu)	Kemalangan dilaporkan (Jum Kes)	Kemalangan Diselesaikan (Jum. Kes)
Perak	9,276	8,167	6,471
Johor	1, 582,644	9,725	7,569
Kedah	597,295	3,279	2,951
Kelantan	252,526	761	648
Melaka	344,187	1,753	1,374
Negeri Sembilan	362,901	2,523	2,069
Pahang	412,386	2,294	1,778
Perlis	66,689	290,000	223

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lupa sebut Terengganu, sebab saya percaya Ahli Yang Berhormat bertanya itu sebab dia datang daripada Terengganu dan dia hendak tahu sangat angka Terengganu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hendak sampailah ni, dah dekat dah. Pulau Pinang, 1,48,200,53...

Tuan Yang di-Pertua: Kelantan, Kelantan minta maaf.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kelantan boleh, tok soh bimbe lah... *[Berucap dalam loghat Kelantan]*

Negeri	Pekerja Berdaftar dengan PERKESO (Jum/Ribu)	Kemalangan dilaporkan (Jum. Kes)	Kemalangan Diselesaikan (Jum. Kes)
Pulau Pinang	1,048,253	5,947	4,477
Selangor	2,037,349	11,175	8,367
Terengganu	254,400	773	648
W. Persekutuan Kuala Lumpur	2,389,434	4,432	2,963
Labuan	24,136	74	59
Sabah	642,707	1,206	878
Sarawak	823,374	5,477	3,891
Kelantan	252,576	761	648

Ulang suara, Kelantan jumlah yang berdaftar 252,576, yang dilaporkan 761, yang selesai 648. Jumlah keseluruhan besar yang berdaftar...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah angka-angka tersebut menampakkan sedikit sebanyak ada diskriminasi dalam penyelesaian?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak sama sekali Tuan Yang di-Pertua. Adil dan saksama. Jumlah besar yang berdaftar seluruh negara dengan PERKESO 11,747,607 orang,

bilangan kes kemalangan yang dilaporkan keseluruhan 58,321, bilangan kes kemalangan yang berjaya diselesaikan seluruh negara 44,361. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz, kemudian Tuan M. Munusamy, kemudian Puan Siw Chun.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan semua institusi swasta dan begitu juga dengan KWSP menghantar penyata caruman sekurang-kurangnya enam bulan sekali kepada pencarum untuk mengelakkan penipuan dan mengesahkan amaun caruman.

Soalan tambahan saya, kenapakah PERKESO tidak berbuat demikian memandangkan telah banyak kes-kes yang dilaporkan di mana majikan telah memotong gaji pekerja dan tidak memasukkan caruman ke dalam PERKESO. Soalan yang kedua, apakah sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi dan yang mendapat kes di PERKESO. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita memantau setiap bulan kepada pencarum-pencarum, malah pencarum-pencarum sendiri boleh akses setiap hari melalui laman-laman web PERKESO mengenai caruman mereka. Kita juga sedar bahawa ramai majikan yang terlibat memotong caruman tapi tidak dicarumkan. Ini kita sentiasa membuat tindakan, pendakwaan, denda dan sebagainya.

Kepada soalan yang kedua, antara sektor yang kita anggap mempunyai risiko ataupun kemalangan yang tinggi, termasuklah dalam sektor perkilangan. Itu pada tahun 2005 sahaja jumlah mereka yang terlibat dengan kemalangan ini seramai 23,350 orang. Namun demikian, sektor ini disebabkan pemantauan dan juga pemeriksaan yang berjadual dan kempen-kempen keselamatan yang begitu hebat kita laksanakan, maka statistik pada 2006 menunjukkan penurunan daripada 23,350 kepada 21,609 orang sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat di mana kes-kes pencarum PERKESO di mana panel doktor telah mengesahkan bahawa beliau ini tidak layak bekerja lagi dan layak untuk menerima faedah PERKESO. Beliau pun telah menerima surat, tetapi selepas surat itu ada juga pihak PERKESO merayu kepada Lembaga PERKESO supaya kes ini dipertimbangkan dan selepas itu beliau menerima surat pula dan tidak layak menerima faedah PERKESO.

Soalan tambahan saya, adakah ruang dalam prosedur pihak PERKESO ini supaya pihak PERKESO boleh membuat rayuan atas keputusan lembaga ataupun panel doktor. Sekiranya ada, adakah ini tidak adil dan saksama kepada si pencarum itu? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, secara keseluruhannya apa yang menjadi peraturan dasar serta mekanisme PERKESO sangat lancar dan licin, tapi ada jugalah satu, dua kes yang bersifat terpinggir. Di mana kes-kes yang diputuskan oleh panel-panel doktor

ini menyebelahi pekerja, tapi terdapat juga tindaan lapis yang tidak dipersetujui oleh pihak yang lain. Dalam hal ini dapat kita putuskan, kita selaras dan saya minta semua kes-kes yang bersifat begini dapat kita uraikan dan kita selesaikan dengan cara baik.

Saya sendiri pun ada menerima kes-kes ini, tapi kes-kes seperti ini tidak sampai pun 1%. Malah boleh saya katakan 0.01% dan sangat terpencil kerana secara keseluruhannya PERKESO memberikan pampasan kira-kira RM890 juta setahun terhadap pencarum-pencarumnya terlibat kira-kira 5.6 juta pekerja di Malaysia. Jadi kalau ada kes-kes seperti ini boleh dirujuk kembali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Berdasarkan jawapan atau penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bilangan kes tertunggaknya masih tinggi. Apakah sebabnya dan serta jumlah wang yang terbabit dan bagaimanakah pihak PERKESO menguruskan wang caruman yang tidak dituntut? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya bilangan yang disebutkan tertunggak tinggi itu tidak benar. Ini kerana kalau kita ambil bilangan dengan nisbah pencarum sebagaimana yang saya sebutkan tadi, 5.6 juta itu adalah nisbahnya atau *rationya* sangat rendah.

Kemudian mengenai dengan wang tertunggak ataupun caruman tertunggak ini, sebenarnya memang ada disebabkan oleh kematian pekerja, tidak ada tuntutan. Bukan berlaku dalam PERKESO sahaja malah dalam negara kita sendiri terdapat tuntutan-tuntutan yang tidak di *claim*. Oleh hal yang demikian caruman ini masih tersimpan dan boleh di *claim* oleh anak, isteri ataupun waris-waris terdekatnya, boleh. Terima kasih.

11. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah kerangka strategi kementerian untuk memastikan pembangunan sukan di akar umbi tidak terjejas terutamanya dalam mengatasi masalah ketandusan bakat atau kurangnya pemimpin yang berkaliber di peringkat pertubuhan sukan dalam usaha untuk membangun sukan di tanah air kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Belia dan Sukan sememangnya sentiasa mengadakan pelbagai langkah dan program yang bermutu untuk memastikan pembangunan sukan di akar umbi tidak terjejas.

■ 1120

Antara rangka strategi yang diguna pakai oleh kementerian ialah, menubuhkan pertama, Kelab Sukan Komuniti untuk melaksanakan Program Liga Sukan Komuniti di peringkat DUN Parlimen negeri dan kebangsaan. Pada tahun 2006, sebanyak 567 Kelab Sukan Komuniti peringkat DUN dan 11 Kelab Sukan Komuniti peringkat kawasan Parlimen telah ditubuhkan. Jenis sukan yang dipertandingkan ialah sukan futsal, bola jaring, badminton, bola keranjang, bola tampar

dan sepak takraw. Sebanyak 31,190 pasukan telah terlibat dalam pertandingan Liga Sukan Komuniti melibatkan penyertaan seramai 302,718 orang di seluruh negara.

Kedua, kementerian juga telah mengadakan Program Khidmat Latihan Sukan Teras di peringkat daerah dan negeri. Program ini diadakan pada hujung minggu selama sembilan bulan. Antara jenis sukan yang terlibat dalam sukan kelab ialah badminton, *tenpin bowling*, skuasy, gimnastik, hoki, olahraga, renang dan bola sepak. Serta yang mengikuti program kelas ini berumur tujuh hingga 12 tahun. Jumlah program seperti berikut:

- (i) kelas peringkat daerah sebanyak 60 program dan penyertaan sebanyak 1,800 orang; dan
- (ii) kelas peringkat negeri sebanyak 13 program melibatkan penyertaan seramai 1,200 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengadakan kerjasama dengan FELDA untuk melaksanakan Kursus Kejurulatihan Sukan FELDA bagi melahirkan jurulatih yang terlatih di peringkat akar umbi serta melahirkan pemimpin sukan di peringkat tersebut. Kursus yang dijalankan ialah Kursus Asas Kejurulatihan Sukan FELDA peringkat wilayah, jumlah program ialah sebanyak 44 program dan jumlah penyertaan sebanyak 1,320 orang peserta. Kursus Asas Kejurulatihan ini diadakan untuk memantapkan kejurulatihan di peringkat akar umbi.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Institut Negara melaksanakan Program Tunas Gemilang bertujuan mengenal pasti bakat kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun. Setakat ini kita telah menjalankan 118 sesi ujian di seluruh negara yang melibatkan 17,589 kanak-kanak. Mereka yang terpilih akan mengikuti program latihan di 159 pusat latihan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus juga diadakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk memantapkan kepimpinan persatuan sukan peringkat daerah dan kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad kemudian Puan Hajah Siti Rokiah dan Tuan Ismail Kassim.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sedarkah kementerian bahawa Liga Sukan Komuniti ini saya rasa tidak berkesan dan tidak....

Tuan Yang di-Pertua: Minta Maaf Dato' Hajah Siti Rokiah, Dato' baru.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: ...Boleh meningkatkan sukan dalam negara kita. Pertamanya, sukan yang dijalankan apa yang saya lihat dalam Sukan Komuniti pesertanya adalah peserta yang dah berumur daripada umur 30 tahun hingga 50 tahun dan sukan-sukan yang dipertandingkan kebanyakannya macam sukaneka. Walaupun dalam laporan kita melihat bahawa sukan yang dijalankan futsal, bola jaring ataupun badminton tetapi kebanyakannya di peringkat-peringkat DUN kita tengok sukan yang dijalankan hanyalah berbentuk sukaneka. Ini perlu dipantau oleh kementerian.

Jadi kalau kita tengok yang dibaca oleh wakil kementerian tadi, adakah strategi yang telah dirangka oleh pihak kementerian bagi mencungkil dan mengasah bakat kanak-kanak yang berumur di bawah enam tahun sebagaimana yang telah dibuat oleh negara-negara maju di dalam sukan. Sukan profesional yang ditumpukan termasuk sukan golf, tenis, bola sepak dan skuasy. Adakah strategi ini telah dirangka oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan cukup jelas, tidak adakah program untuk mencungkil *Tiger Woods* yang mula main umur empat tahun?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Program untuk mencungkil bakat di peringkat akar umbi bermula dari umur tujuh tahun. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan Sukan Komuniti. Sukan Komuniti ini bukan sahaja untuk mengenal pasti bakat di akar umbi tetapi juga untuk menggerakkan semua peserta dari umur tujuh tahun hingga 40 tahun dan lebih, membabitkan diri dalam sukan. Di bawah *Sukan Untuk Semua*, dengan izin *Sport For All*, Sukan Komuniti memang telah memberi banyak faedah. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat, untuk mengenal pasti atlet-atlet yang muda Sukan Komuniti bukanlah satu-satu yang dijalankan oleh kementerian. Kita di bawah Kementerian Belia dan Sukan kita ada *talent identity*, di mana kita mengenal pasti atlet-atlet yang muda dan membawa mereka kepada pusat-pusat di mana 149 pusat di seluruh negara untuk mencungkil bakat mereka.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan di bawah umur enam tahun, memang pada masa sekarang ini dasar kerajaan atau dasar Kementerian Belia dan Sukan tidak ada untuk di bawah enam tahun. Namun, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan dibawa kepada perhatian kementerian dan menteri supaya, untuk skuasy dan tenis kita ada tetapi bukan di peringkat akar umbi dan juga golf. Saya akan membawa cadangan ini kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah persatuan atau pertubuhan sukan yang tidak aktif contohnya tidak mengadakan mesyuarat agungnya ataupun memasuki beberapa pertandingan. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, angka yang ditanya oleh Yang Berhormat ini saya minta maaf, saya akan beri secara bertulis. Termasuk belia dengan sukan ini kita memang ada 2,500 lebih persatuan di negara kita ini. Persatuan-persatuan sukan yang lesu ini saya akan beri maklumat berkenaan persatuan yang tidak menjalankan mesyuarat agung dan sebagainya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah! Kepada pihak kementerian atas pelbagai usaha dan program bagi memastikan peningkatan mutu sukan negara.

Walaupun keputusan yang kita terima kadang-kadang kita seronok kadang-kadang kita tidak seronok. Apakah usaha-usaha yang boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Memanglah sukan kadang-kadang menang kadang-kadang kalah, mana ada selalu menang?

Dato' Ismail Kassim: Prestasi yoyo ni Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita ini sebagai peminat sukan yang mempunyai semangat jati diri yang kuat. Kita bangga apabila kita berjaya tetapi dalam bangga tiga hari lepas itu kita jadi tidak bangga balik. Jadi prestasi yoyo ini selalu berlaku.

Jadi bagi menjamin prestasi yang konsisten, apakah tindakan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian supaya dapat mempunyai sedikit kuasa bukan setakat menyalurkan peruntukan kewangan semata-mata kepada persatuan-persatuan sukan di negara kita ini.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, memang kita menyalurkan bantuan kepada persatuan-persatuan sukan di negara ini tanpa bantuan Kementerian Belia dan Sukan memang susah. Namun bukan setakat untuk menyenangkan persatuan-persatuan tetapi program-program yang dijalankan. Setelah seseorang atlet itu dikenal pasti, kita di bawah kementerian mendukung segala perbelanjaan mereka, seperti skuasy, badminton dan sebagainya. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kementerian pun memang ada kekangan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat punya *concern* tadi, setelah saya mencelah ialah konsistensi adakah itu menjadi matlamat dalam satu penekanan kementerian, konsistensi?

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Orang awam ada cakap yang konsistensi ini, ini memang kita pun hairan kadang-kadang kita menang kadang-kadang kita kalah ini memang sejarah sukan di mana-mana juga, ada yang kalah ada yang menang. Namun untuk menjadikan atlet-atlet kita konsisten, kita telah mengadakan dasar yang baru di mana kita menghantar mereka untuk *high performance* dan sebagainya. Mudah-mudahan pada tahun akan datang, kami berharaplah atlet-atlet kita ini akan konsisten dalam kemenangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bukan konsistensi menang kalah tapi konsistensi standard, mutu.

Tuan Sa. Vigneswaran: Mutu sukan dan konsistensi kalah menang ini sama juga tetapi ayat yang berbeza. Terima kasih.

■ 1130

12. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada peraturan baru untuk mewajibkan semua pekilang ubat-ubatan membuat pembungkusan maksimum tidak akan mengakibatkan kenaikan harga ubat-ubatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, isu *pack dispense* ini pesakit ini telah dibincangkan antara Kementerian Kesihatan dan pihak industri sejak tiga tahun yang lalu. Perkara ini timbul akibat sikap

ambil berat semua pihak terhadap keselamatan pesakit dan kualiti produk yang sampai ke tangan mereka. Walaupun pelaksanaan ini menyulitkan mereka, pihak industri telah menerima cadangan ini sebagai satu tanggungjawab dan bersedia memberi kerjasama penuh mereka.

Kementerian Kesihatan dan industri ubat-ubatan berpendapat bahawa penggunaan pek *dispense* ada kebaikan seperti berikut:

- (i) menjamin kualiti kestabilan dan keselamatan produk kekal sehingga ke pengguna dan pesakit kerana produk tidak dibuka terlebih dahulu;
- (ii) boleh mengelakkan risiko *contamination mikrob* dan kesilapan pelabelan;
- (iii) meningkatkan penjagaan pesakit dengan pengambilan produk yang berkualiti, selamat dan berkesan;
- (iv) adalah lebih menyenangkan, menjimatkan masa dan dapat mengelakkan pembaziran;
- (v) dapat meningkatkan pematuhan pesakit kerana maklumat lengkap yang terdapat mengenai *dosage*, cara penggunaan, kesan sampingan, amaran dan sebagainya;
- (vi) memulakan pemantauan kerana maklumat lengkap ada pada pek asal seperti tarikh luput dan nombor kelompok; dan
- (vii) menjadikan pengendalian ke atas aduan produk dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Di dalam rundingan-rundingan yang telah diadakan, pihak industri sendiri telah menekankan bahawa ubat-ubatan dalam pek untuk pesakit mungkin lebih ekonomi jika dibandingkan dengan pek pukal yang dibungkus semula. Pembungkusan semula walaupun nampak lebih murah dari segi harga produk, tetapi sebenarnya perbelanjaan yang lebih diperlukan dari segi tenaga kerja dan bekalan seperti botol, bekas penutup dan label yang pada hakikatnya hanya mempamerkan nama ubat dan cara mengambilnya tanpa maklumat lain seperti jangka hayat produk, nombor kelompok dan sebagainya. Sekian.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Kita tahu semua perlu ubat-ubatan dan kini menjadi sebahagian hidup kita. Kini banyak farmasi-farmasi di mana rakyat dapat membeli ubat-ubatan. Berdasarkan daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya kurang pasti adakah apabila rakyat pergi ke farmasi beli ubat-ubatan itu, kawalan harga itu kini dalam pek maksimum walaupun menjamin kualiti keselamatan, laminasi dan sebagainya, soal pokok, harganya akan naik atau tidak?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang mengambil berat berkaitan dengan harga ubat-ubatan yang dijual di farmasi-farmasi kita. Berkaitan dengan pek-pek baru yang kita kenakan, kita rasa kalau ada peningkatan harga, peningkatan itu tidak akan terlalu

berat kepada pengguna. Ini adalah kerana beberapa sebab pertama kos bungkusan itu cuma merupakan sebahagian daripada kos ubat yang kecil. Yang keduanya apabila kita gunakan pek, bungkusan yang baru ini, kita masih boleh beli ubat-ubatan mengikut keperluan kita. Misal kata, sekarang kita gunakan *blister pack*, bermakna dia ada satu biji dalam satu *blister* itu. Seperti kita beli *panadol*. Kalau kita hendak beli 10, kita beli 10. Kalau kita hendak beli lapan, kita boleh dapat lapan juga.

Dari segi itu, Kementerian Kesihatan dan juga dengan industri ubat-ubatan merasakan peningkatan kos yang dikenakan selepas pek ini dijalankan, tidak akan ketara. Sekian.

13. **Tuan M. Munusamy** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah kementerian di bawah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan satu program praktikal untuk melahirkan golongan pelajar bersatu padu daripada pelbagai aliran dalam usaha kita membina sesebuah negara bangsa yang utuh, dan di berapa buah sekolah program ini telah diperkenalkan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau nama singkatan RIMUP merupakan program yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, pada 1986 semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran.

Program tersebut melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama di antara pelbagai aliran sekolah di negara ini iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Bahkan nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk di kalangan murid sekolah. RIMUP juga merupakan antara komponen utama dalam TERAS 1 - Membina Negara Bangsa, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010.

Bagi memastikan RIMUP dilaksanakan dengan berkesan dan lebih menyeluruh di pelbagai aliran sekolah dalam negara, Kementerian Pelajaran telah mengadakan sesi taklimat kepada semua pihak yang terlibat dan menyediakan buku panduan rancangan integrasi murid untuk perpaduan bagi membantu jabatan pelajaran negeri, pejabat pelajaran daerah dan sekolah merancang dan membuat pengisian bagi mencapai matlamat program ini.

Selain daripada aktiviti-aktiviti bersama yang melibatkan pelbagai aliran sekolah seperti sukan dan permainan, lawatan dan perkhemahan, perayaan dan perhimpunan serta aktiviti untuk kecemerlangan akademik, RIMUP juga memberi ruang kepada penglibatan masyarakat setempat dan ibu bapa di peringkat perancangan dan pelaksanaan.

Aktiviti-aktiviti bersama yang dianjurkan di bawah RIMUP juga mampu menyemai sikap kerjasama, tolong-menolong dalam suasana muhibah di kalangan pelajar daripada aliran sekolah yang berbeza. Pelaksanaan RIMUP juga melibatkan komponen teknologi komunikasi maklumat iaitu ICT untuk menerusi pelaksanaan e-integrasi yang melibatkan satu sistem interaktif visual dan

fizikal yang berasaskan tema-tema perpaduan untuk menggalakkan pembelajaran merentasi budaya, persefahaman, saling hormat-menghormati, dan semangat toleransi di kalangan peserta.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, program RIMUP dilaksanakan secara kelompok dengan mengambil kira kriteria atau jenis sekolah berhampiran. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan aktiviti RIMUP dalam konteks sekolahnya sendiri kerana faktor lokasi yang menyukarkan untuk mengadakan aktiviti secara berkelompok seperti sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman. Di peringkat sekolah rendah, jumlah kelompok yang telah melaksanakan program RIMUP adalah sebanyak 1,415 kelompok melibatkan sebanyak 3,517 buah sekolah iaitu:

Kelompok A	322
Kelompok B	927
Kelompok C	142
Kelompok D	14

Sementara jumlah sekolah rendah yang akan melaksanakan RIMUP dalam konteks sekolahnya sendiri adalah sebanyak 4,044 buah sekolah. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih atas jawapan yang begitu komprehensif. Nampaknya program yang dilaksanakan pada tahun 1986 ini, telah pun dilaksanakan di banyak sekolah. Namun selepas program ini dilancarkan, khasnya untuk melahirkan integrasi dan perpaduan kaum di kalangan para pelajar, masih juga ada keraguan bahawa semangat perpaduan itu tidak begitu kuat di kalangan pelajar-pelajar sekarang berbanding dengan pelajar-pelajar pada tahun 50an, 60an, 70an dan sebagainya.

■ 1140

Adakah kementerian memantau program ini bagi mengesahkan *effectiveness*, dengan izin dan juga, adakah pihak kementerian menggubal polisi-polisi baru mengikut trend masa kini. Sekian, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal perpaduan adalah satu perkara yang cukup penting. Oleh kerana itu, usaha untuk mewujudkan perpaduan tidak ada habis tempohnya. Ini bermakna dengan kata lain bahawa usaha untuk mewujudkan perpaduan sentiasa dapat kita galakkan dan dapat kita laksanakan. Dari segi pelaksanaan RIMUP buat sementara waktu kita memang mengadakan kajian dari semasa ke semasa dan didapati bahawa program RIMUP itu cukup menggalakkan. Saya bagi contoh satu program iaitu '*F1 in School*' melibatkan sekolah, ada beberapa pasukan melibatkan sekolah berlainan jenisnya umpamanya satu kelompok di sekolah Pulau Pinang melibatkan sekolah agama dengan sekolah bisa. Kebanyakan muridnya keturunan Cina.

Jadi ini menunjukkan bahawa program RIMUP memang telah memberikan peluang kepada murid-murid yang datang daripada berbeza latar belakangnya dapat melibatkan diri dalam satu usaha supaya dapat menjalankan program dan juga memberi peluang kepada mereka untuk mengenali di antara satu sama lain dengan tujuan untuk mewujudkan perpaduan antara berbilang bangsa dan agama di negara kita ini. Jadi saya rasa program RIMUP ini sudah dapat sambutan yang cukup baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam memberi laluan kepada soalan tambahan, saya juga perlu tumpu kepada perpaduan ini. Selepas Tuan M. Munusamy, Puan Heng Seai Kie dan Datin Paduka Nor Hayati. Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan RIMUP satu program atau rancangan yang ternyata begitu praktikal dan memanfaatkan perpaduan negara, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang agar program ini terus diperkenalkan dan dilaksanakan di semua peringkat dan aliran sekolah di seluruh negara. Sekian.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih. Sememangnya program RIMUP melibatkan semua sekolah tak kira letaknya dari mana dan dia dilaksanakan secara kelompok. Maksudnya sekolah mesti mempunyai aliran berlainan. Misalnya kelompok 'A' melibatkan sekolah kebangsaan dan juga sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Jadi ketiga-tiga sekolah berlainan aliran itu dapat kita laksanakan aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam program RIMUP. Jadi sudah tentu semua sekolah juga akan terlibat. Terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan bahawa perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia ini amat penting sekali dan patutnya ia dibuat ataupun diajar daripada sejak kecil dari tadika dan melalui mengenali sejarah Malaysia itu sendiri supaya tidak menimbulkan masalah di kemudian hari kelak. Tidakkah kementerian bercadang supaya pembelajaran Sejarah Malaysia dipelajari secara lebih efektif ataupun dapat menarik minat para pelajar dengan cara lebih melalui cakera padat ataupun filem sejarah berbentuk animasi supaya kanak-kanak ini mudah mengingat dan pelajar-pelajar lain berbanding dengan menelaah sejarah dengan pembacaan buku yang membosankan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan. Saya anggap cadangan ini cukup baik. Pada pandangan saya bukan hanya seseorang memahami sejarah barulah mereka tahu menghayati semangat perpaduan. Ini saya anggap adalah salah satu faktor dan banyak usaha perlu kita laksanakan seperti RIMUP yang telah saya jawab tadi. Ini merupakan satu program yang cukup berkesan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerajaan memang memberi cukup banyak bantuan untuk pelaksanaan RIMUP dengan memberikan

peruntukan dan juga memberi bantuan dari segi perancangan dan pelaksanaan. Jadi saya harap dengan adanya pelbagai program termasuk menghayati faktor-faktor dari segi sejarah dengan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran maka negara kita sentiasa dalam tahap yang cukup baik dari segi soal perpaduan. Terima kasih.

14. Dato' Ismail Kassim minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah masih terdapat anggota polis di semua peringkat yang sedang menjalani siasatan terhadap kes rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penglibatan di dalam pelbagai jenayah termasuklah penyalahgunaan dadah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:

Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2007 sehingga bulan Oktober, masih terdapat anggota dan pegawai PDRM yang sedang menjalankan pelbagai siasatan di atas pelbagai kesalahan jenayah. Statistik bilangan anggota dan pegawai PDRM yang sedang dalam siasatan prosiding mahkamah dan dikenakan tatatertib adalah seperti berikut:

Statistik Bilangan Pegawai PDRM Dalam Siasatan Prosiding Mahkamah dan Dikenakan Tatatertib.

Jenis Kesalahan Pegawai	Bilangan Pegawai
Rasuah	77
Dadah	16
Jenayah	116
Dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib	157
Jumlah	366

Statistik Bilangan Anggota PDRM Dalam Siasatan Prosiding Mahkamah dan Dikenakan Tatatertib.

Jumlah Kesalahan Anggota	Bilangan Anggota
Rasuah	470
Dadah	316
Jenayah	1,208
Dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib	1,582
Jumlah	3,576

Pada keseluruhannya, jumlah besar yang terlibat dengan rasuah ialah:

Jumlah Kesalahan Anggota	Bilangan
Rasuah	547
Dadah	332
Jenayah	1,324
Dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib	1,739
Jumlah	3,942

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, benarkah wujud pecahan di dalam pasukan polis hingga berlakunya siasatan yang terpilih terhadap pegawai-pegawai tertentu dan wujud pula apabila disiasat dan dibuat hukuman dan dibebaskan oleh satu pasukan unit yang lain pula sehingga mengatakan bahawa apabila berlaku demonstrasi Hindraf dan juga BERSIH, maka polis seperti tidak dapat mengawalinya kerana perpecahan yang berlaku itu.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Setahu saya di dalam pihak PDRM kita tidak ada masalah-masalah seperti mana yang telah disebutkan masalah perpecahan atau masalah puak-puak. Itu tidak benar dan berkenaan dengan jawatankuasa atau mereka yang dihadapkan ialah berdasarkan kepada kesalahan yang dibuat tanpa dipilih siapa sahaja. Berkenaan dengan yang berlaku baru-baru ini saya rasa polis telah *handle* dengan baik berkenaan perhimpunan haram iaitu BERSIH dan juga Hindraf. Kita telah menanganinya dengan baik tanpa melibatkan kecederaan dan sebagainya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi prestasi kecekapan PDRM sehingga kini memang tidak dapat dipertikaikan oleh mana-mana pihak kerana kecemerlangan mereka telah pun diiktiraf di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa. Dari segi fakta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi *percentage* hanyalah sekitar 2.4% yang melakukan termasuk jenayahnya, dadahnya dan dalam proses tindakan tatatertib.

■ **1150**

Namun yang mengecewakan kalau dilihat persepsi terhadap imej polis agak terjejas lantaran tohmahan, anggapan, andaian yang dibuat oleh sesetengah pihak. Untuk itu bagi memastikan maruah, imej, nama baik pihak PDRM, tanggungjawab, beban tugas yang agak terlalu berat jika dibandingkan jumlah penduduk Malaysia. Apakah strategi secara holistik yang dirancang yang patut diambil oleh pihak kementerian untuk mempromosikan atau menaikkan semula maruah imej polis. Kadang-kadang terlebih dari yang digambarkan seolah-olah mereka berada dalam situasi yang agak tertekan. Apa strategi kementerian? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan pegawai-pegawai polis yang terlibat dengan rasuah. Memanglah kalau kita perhatikan daripada jumlah atau peratus yang terlibat dengan rasuah itu adalah terlalu kecil. Kalau kita tengok bagi tahun yang saya sebut di sini tahun 2004, yang terlibat dengan rasuah hanya 78 orang sahaja iaitu 0.09% daripada keseluruhan jumlah polis. Pada tahun 2005 - 0.06% sahaja dan 2006 tidak sampai 1% daripada apa yang telah berlaku.

Malangnya kerana polis ini sentiasa menjadi perhatian dan mengadakan tindakan-tindakan seperti mana sekarang ini ialah dalam keadaan-keadaan yang tertentu sekarang ini memanglah polis menjadi sasaran dan kalau kita tengok kemalangan jiwa yang melibatkan pihak polis pun ramai. Banyak lagi kemalangan-kemalangan yang melibatkan anggota keselamatan yang tidak pernah diambil kira. Berkenaan dengan kempen dan kesedaran memang kita ada di dalam polis dan kita sentiasa mengadakan kursus-kursus berkenaan dengan salah guna kuasa, berkenaan dengan tata tertib kepada semua pegawai-pegawai.

Di samping itu juga kita sekarang ini akan mewujudkan sebuah unit baru iaitu unit agama dalam PDRM khas untuk memberi kesedaran kepada anggota polis berkenaan dengan agama dan juga berkenaan dengan ajaran dan benda-benda yang baik berhubung dengan tingkah laku, tugas dan tanggungjawabnya. Jadi walau bagaimanapun pada keseluruhannya bagi sayalah, saya amat berpuas hatilah daripada apa yang berlaku. Kadang-kadang ini di *highlight* oleh akhbar yang keterlaluanlah.

Berkenaan dengan cara kita mengendalikan krisis-krisis yang ada sekarang ini, saya rasa apa yang berlaku dalam tempoh yang terdekat ini berkenaan dengan BERSIH dan juga Hindraf, polis telah menjalankan tugas dengan baik. Kalau kita berbanding dengan negara-negara lain memanglah kalau bila berlaku rusuhan kita hanya menggunakan gas dan air. Kita tidak pernah memukul, tembak dan sebagainya dan tidak ada kemalangan di mana-mana pihak. Walau bagaimanapun benda-benda ini dibesarkan oleh media-media antarabangsa dan juga kadang-kadang media kita sendiri yang telah membuat liputan yang kadang-kadang saya rasa agak berat sebelah. Terima kasih Yang Berhormat.

15. **Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan PATI memandangkan kesan-kesan sosial negatif yang dibawa oleh mereka di negara ini sebagaimana yang dilaung-laungkan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) merujuk kepada warganegara asing yang masuk dan tinggal di negara ini dengan melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Pasport 1956 atau Akta Imigresen 1969 dan 1963 serta peraturan-peraturan yang berkaitan mengenainya. Kajian

menganggarkan bahawa terdapat lebih kurang 500,000 PATI di Malaysia. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan atau membanteras PATI adalah seperti berikut:

- (i) melalui operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan RELA dari Januari 2007 hingga 31 Oktober 2007 sebanyak 49,315 orang PATI telah ditangkap dalam 5,107 operasi penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia;
- (ii) mewujudkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin, yang berfungsi sebagai jawatankuasa yang merangka dasar-dasar bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung isu dan permasalahan PATI;
- (iii) pada akhir tahun 2006, Mahkamah Seksyen PATI telah diwujudkan untuk membicarakan, menghukum dan mempercepatkan pengusiran PATI yang berjaya diberkas dan ditahan di 14 depot tahanan sementara imigresen di seluruh negara. Sehingga dari 30 September 2007, sejumlah 19,476 orang PATI telah dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan;
- (iv) kerajaan juga telah menggunakan aplikasi teknologi biometrik dalam mencegah kemasukan semua PATI yang telah diusir meskipun mereka berjaya menukar identiti di dalam dokumen perjalanan. Pengecaman identiti PATI yang telah dihantar pulang dapat dilakukan melalui kaedah biometrik sekiranya mereka memasuki semula negara ini; dan
- (v) media massa juga menjadi instrumen ataupun perantara yang penting bagi menyampaikan mesej kerajaan kepada orang awam. Selain itu kerajaan juga telah melancarkan program iklan mengenai isu PATI yang disiarkan di saluran televisyen utama iaitu RTM dan TV3.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Chee Keong selepas itu Dato' Saripah Aminah.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup kagumlah kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kita ada lebih kurang 500,000 orang PATI di Malaysia dan yang ditangkap untuk tahun ini sahaja 49,000, yang dihadapkan ke mahkamah ini 19,000. Jadi saya ingin tahu daripada yang ditangkap 49,000 lebih dan yang dihadapkan ke mahkamah 19,000 lebih itu, berapakah *percent* yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2005 seramai 31,677 PATI telah diusir atau dihantar ke negara asal mereka. Pada tahun

2006 seramai 34,186 orang PATI telah pun dihantar, diusir. Tadi saya pun sebut sehingga 31 Ogos tahun ini seramai 45,502 orang PATI pun telah diusir oleh kerajaan kita.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya hendak ucapkan teriman kasih kepada pihak kementerian tetapi dalam soal PATI ini ia telah menjadi satu masalah yang ngeri kepada rakyat tempatan dan juga pelancong-pelancong asing. Apa pendapat Yang Berhormat sekiranya saya berkata langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan PATI ini tidak membawa kesan dan juga jabatan penguatkuasaan seperti Imigresen dan Kastam ini juga tidak memberi sepenuh perhatian dalam membendung perkara ini sedangkan pintu-pintu masuk angkat tangan sahaja kereta boleh lepas, siapa yang ada dalam kereta siapa yang ada dalam van pun kita tidak tahu. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah jabatan penguatkuasaan ini yang menjalankan tugas mereka ini memberi penuh perhatian soal PATI ini.

▪ 1200

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian telah memberi perhatian yang serius terhadap masalah yang sentiasa dikatakan PATI atau isu PATI di mana pihak penguat kuasa khususnya anggota RELA dan penguat kuasa Imigresen telah meningkatkan pemeriksaan atau menjalankan operasi secara bersepadu untuk menangkap PATI di mana mereka telah melanggar peraturan-peraturan Akta Imigresen di negara kita.

Kita mempunyai anggota RELA seramai 470,000 di seluruh negara dan kita telah memberi latihan khasnya kepada mereka supaya mereka boleh menyertai operasi yang dijalankan dan setakat ini kita puas hatilah ke atas penguatkuasaan yang dilakukan oleh anggota RELA dan penguat kuasa Imigresen di mana di sebut pada tahun ini sehingga Ogos 2007, seramai 45,502 PATI telah ditangkap dan di samping itu untuk menghantar pulang PATI ke negara asal mereka, mahkamah khas telah ditubuhkan di semua depot pertahanan Malaysia di mana kita telah mencepatkan perbicaraan terhadap pekerja asing yang tidak sah atau PATI. Jadi apabila kes-kes mahkamah telah diputuskan, mereka akan dihantar balik. Jadi, semua langkah-langkah yang telah diambil adalah untuk membanteras atau mengurangkan PATI di negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 2007(2007)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[5 Disember 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Tuan Munusamy untuk menyambung ucapan.

12.03 tgh.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sambung ucapan saya dari semalam dan sebelum itu saya akan cuba respons kepada pandangan-pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Datuk Wong. Saya ingat boleh jawab ke tak payah jawab? Tetapi beliau berharap bahawa saya perlu menjawab semua pandangan-pandangan daripada beliau tetapi saya ingin beritahu kepada beliau bahawa saya bukanlah menteri untuk menjawab semua soalan dan kita bagilah peluang kepada menteri untuk menjawab. Kadang-kadang menteri pun tak dapat semua soalan beliau juga kerana mendapatkan fakta-fakta dan sebelum menjawab. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya meneruskan ucapan saya berhubung dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Satu perkara yang saya ingin bangkitkan adalah berhubung dengan barangan tulen dan tiruan. Saya memang memahami bahawa pihak ...

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila, sila.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Saya sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh, saya tertarik semalam itu tentang gores dan menang dan sepatutnya saya pun timbulkan dalam soalan yang pertama tadi tapi tak ada tapi tak apa, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat. Mengenai majalah *Readers Digest* yang saya rasa menjalankan juga seolah-olah peraduan gores dan menang sebab kalau, saya mendapat aduan ramai daripada rakan-rakan saya yang melanggan majalah *Readers Digest* ini, dia bagi kita surat lepas itu dia suruh kita tampal kereta untuk menang kereta. Lepas itu suruh kita gores ada tak dapat kunci dalam itu. RM70,000 kereta, kita kena pilih RM50,000 ke kita hendak, RM60,000 ke ataupun RM80,000 kereta yang kita hendak. Lepas itu ya lah, kadang-kadang bukan orang kampung saja, kita kena tawarkan RM80,000 punya kereta pun kita hantar cepat. Hantar cepat pun dapat saya rasa tawaran RM15,000.

Lepas itu kita juga akan dapat menyertai pertandingan untuk memenangi hadiah RM20,000 dan akhir sekali sebelum memenangi hadiah ini, kita kena membeli barang dia. *Say yes. Apply, say yes*, dapat kita pun beli dua tiga barang dia lepas itu kita tunggulah jawapan dapat menang RM20,000 ataupun dapat kereta. Setahun kita tunggu pun tak dapat. Lepas itu dia hantar lagi suruh langgan dia punya majalah lagi setahun. Potong pula melalui kad kredit. Jadi saya nak minta juga pandangan daripada Yang Berhormat, adakah benda ini kena pada Yang Berhormat ataupun ada aduan terhadap ini dan kita minta jugalah Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini dapat menyasat *Readers Digest* ini sama ada benda itu betul atau tidak. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Memang saya pun dah kena juga. Saya *subscriber Readers Digest*. Saya masih ingat satu kes, agak 15 tahun dahulu, seorang pengerusi cawangan, masa itu bukan kereta mewah, masa itu tiket untuk luar negeri. Mereka telah dapat beli, beli lepas itu dia dapat juga. Dia kata berjaya dapat, *You* akan pergi ke situ dan kita akan keluarkan tiket. Rakan saya pengerusi itu sibuk pergi ke pejabat Imigresen, ambil pasport antarabangsa, cari duit untuk pergi, semua dah simpan. Tunggu, tunggu tak dapat tiket. Lepas satu bulan, lepas dua bulan, dia tulis surat tak ada jawab. Telefon tak ada jawab. Dia kata apalah saya belanja RM20, masa itu RM20, satu buku RM20, sekarang RM15. Tak ada apa juga. Begitulah *trend* sekarang, *trend* sekarang kereta mewah tetapi kadangkala saya ada juga nampak dalam *paper*, ada juga orang yang menang tapi bukan selalulah. Mungkin dua tahun, tiga tahun sekali. Itu adalah strategi merekalah, mungkinlah.

Saya rasa patutlah pihak kementerian juga mengambil tindakan ke atas perkara-perkara seperti ini. Ini pun juga adalah satu penipuan kepada rakyat. Saya rasa walaupun ini adalah satu galakan untuk mereka lebih membaca tetapi apabila.. ada juga orang saja *subscribe* tanpa baca sebab dia orang nak menang kereta itu.

▪ **1210**

Oleh itu saya rasa tepatlah kementerian mengambil tindakan berkenaan dengan isu-isu seperti ini di samping mengharamkan gores dan menang di kalangan pasar.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Minta laluan, Yang Berhormat setuju tidak kalau kita minta Kementerian Perdagangan Hal Ehwal Pengguna ini menyasat. Kalau benar berlaku penipuan, kita minta supaya *Readers Digest* ini dibatalkan perमितnya dalam Malaysia.

Kedua, kita hendak kena siasat juga ini sama ada yang diminta dikeluarkan di surat khabar ini betul ataupun tidak. Jadi kalau tidak saya rasa penipuan ini berlaku berterusan, yang kena tipu bukan sahaja rakyat kampung tapi Yang Berhormat-Yang Berhormat ini kadang-kadang mabuk juga hendak dapatkan kereta dengan RM200 ribu ini. Jadi saya fikir kalau boleh penyiasatan dibuat oleh kementerian mengenai hal ini.

Tuan M. Munusamy: Yang Berhormat, saya setuju dengan kajian dibuat, tindakan diambil terhadap *Readers Digest* itu untuk mengkaji adakah benar peraduan-peraduan seperti itu berlaku.

Tetapi tidak bersetuju berkenaan dengan haramkan keluaran *Readers Digest* di negara ini. Sebab *Readers Digest* itu kita boleh dapatkan banyak *information*. Kalau anak-anak saya, kalau saya pergi kata saya setuju mesti dia hentam saya balik. Biar saya teruskan, berhubung dengan barang-barang tulen dan tiruan, saya rasa pihak FOMCA telah menjalankan banyak program untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum terhadap barang-barang tulen dan tiruan.

Saya juga di undang untuk merasmikan beberapa seminar, apabila saya pergi ke seminar dia orang ada bawalah macam-macam barang menunjukkan ini tiruan, ini tulen dan sebagainya. Juga pihak kementerian juga telah menubuhkan kelab-kelab *consumer*, kelab-kelab pengguna di kalangan pelajar-pelajar di sekolah. Saya tidak tahu bagaimana efektifnya untuk memberi kesedaran kepada para pelajar ataupun golongan muda ini supaya mereka akan menjadi pengguna yang lebih bijak apabila besar tetapi peranan kementerian juga saya rasa boleh diperluaskan supaya kesedaran terhadap barang-barang tulen dan tiruan ini boleh di dapat tahu di kalangan masyarakat umum. Bagaimana kita hendak *identify*. Saya ingin *quote* satu insiden yang baru berlaku dua, tiga hari lalu. Saya sendiri, saya telah pergi ke kedai untuk membeli *ear piece*, isteri saya kata, "Malam kita hendak lagu." Saya tidak bawa *ear piece*, mungkin *ear piece* pun saya sudah tidak tau pergi mana. Selalu dekat kereta, saya cari-cari tidak dapat. Habis saya kata, "Okey lah, kita pergi beli" Di sebelah depan hotel saya.

Saya bawa dia pergi beli, mahu mencari *ear piece* itu. Jumpa juga anak-anak saudara saya dekat situ dan kita juga pergi carilah. Lepas makan kita pergi cari dan model saya Nokia, kena pakai *ear piece* baru boleh dengar radio bukan macam telefon bimbit yang canggih-canggih lagi, ini lama punyalah tetapi apa yang berlaku, apabila kita pergi lihat, sebelum saya pergi beli anak saudara saya, dia pun mempunyai satu telefon bimbit seperti ini juga. Dia menunjukkan sama saya dia kata "*Uncle you pakai ini dululah, tidak payah pergi beli*". Saya kata "*Tidak apalah, saya punya pun dah hilang*" Jadi saya hendak beli juga. Dia tunjuk sama saya, memang itu *original*, saya tau, saya pun ada pakai itu, datang dengan *package* ini.

Masa kita pergi kedai, hendak beli dia tunjuk satu warna putih, biasanya warna hitam ataupun warna *grey* sikit, gelap tapi dia tunjuk warna putih. Dia kata memang inilah model sekarang, saya ingat sekarang trend warna lain pula. Saya cakap "Okey lah, ini berapa?". Dia kata RM55. Saya kata tidak boleh tawarkah? Dia cakap tidak boleh. Saya kata tawarlah sikit, dia kata boleh "*You boleh ambil lagi satu, lain jenis, duplicate punya.*" Saya cakap "Okey lah tengok, kita mahu tengok juga.". Tengok itu warna hitam tapi sama juga dia punya tali, dia punya ini semua sama. Tulisan semua tidak ada nampak beza. Sama! Dia punya *weight*, semua sama. Saya tanya sama dia, "*Apa beza dia?*". Dia kata "*Kualiti sound.*" dengan izin. Okey lah saya cubalah, kita cuba. Kualiti *sound* sama juga. Saya tanya sama dia, "*Saya tidak nampak dia punya beza.*".

Apa dia cakap, "*Memanglah, ini original, ini duplicate.*". Tetapi anak saudara kata dua-dua itu *duplicate*, sebab original itu yang dia pegang. Saya pun tidak tahu. Itu memang *original*. Kalau

saya beli itu, saya bayar wang patut bayaran untuk *original* untuk membeli barangan tiruan. Oleh itu saya percayalah, sekiranya perkara-perkara itu berlaku, ramai orang tidak sedar dan pekedai-pekedai itu pun tidak akan memberi penjelasan yang benar kepada kita. Mungkin sudah sampai masa, pekedai-pekedai itu perlu letak tanda “barang tiruan”, “barang original”. Ini harga original, apa beza. Saya rasa bolehlah itu. Kita boleh sedar. Kalau hendak beli *duplicate*, belilah *duplicate* harga murah. Kalau *you* hendak cari *original*, bayarlah lebih sikit. Belilah *original*. Itu pandangan saya. Saya harap kementerian sekiranya cadangan itu bernas, boleh dilaksanakan saya cadangkanlah supaya ini dilakukan untuk barang-barang yang boleh dipamerkan seperti itu. Bukan semua baranglah. *Hundred percent*, untuk semua barang, itu memang tidak mungkinlah.

Satu lagi perkara berkenaan dengan kementerian ini juga adalah berkenaan dengan *petrol kiosk*, pam-pam minyak. Di mana pada satu ketika kementerian telah memperkenalkan layan diri, *self service* dan pada permulaannya ramai orang tidak terima tetapi selepas kita dah biasalah. Kita pergi *park* kereta, turun kita masuk kad ataupun pergi bayar dekat kaunter tetapi sekarang sudah ubah sedikit, nampaknya ramai *pump attendant* daripada luar negeri, *pump attendant* pekerja asing. Kerja dia pun, dia tidak *serve* kita. Dia kata, “*Mahu bayar, encik bayar dekat kaunter*”. Ada juga *pump attendant* yang tunggu depan jalan ini dengan, *flag bearer*, masuklah sini, masuklah sini. Saya ingat itu tidak payahlah, orang yang memandu kereta taulah mana satu pam minyak dia mahu isi. Petronas kah, Shell kah, Caltex kah, dia boleh isi. Tidak payahlah *employ* seorang daripada pekerja asing itu untuk berhenti satu hari terus tunjuk tangan, masuk-masuk mempelawa kereta-kereta.

Sekarang apabila kita lihat dalam sektor perkhidmatan, *you name it, they are there*, dengan izin. Saya rasa *petrol pump* ini kita perlu mengambil kira, ramai sekarang tiap-tiap *petrol pump* ada empat, lima orang.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Berapa ramai akan ada? Apa sudah jadi program *self service* itu? Sekarang mungkin kita dah jadi malas semula dan tidak mahu turun daripada kereta ini. Oleh itu saya memintalah supaya kementerian ini mengkaji semula program yang telah kita jalankan, mungkin beberapa tahun itu tetapi sekarang nampaknya sudah kurang.

▪ **1220**

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit berkenaan dengan layan diri di stesen-stesen minyak. Kalau Yang Berhormat sebagai tuan punya stesen-stesen minyak ini, yang mana Yang Berhormat akan pilih? Stesen minyak Yang Berhormat dengan mengamalkan layan diri dan kurang kereta yang masuk mengepam minyak dibandingkan dengan stesen minyak Yang Berhormat dengan menggunakan pekerja-pekerja sama ada pekerja-pekerja tempatan ataupun pekerja-pekerja asing yang mana dapat menarik ramai pelanggan mengisi minyak. Yang mana satu Yang Berhormat pilih?

Tuan M. Munusamy: Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak akan timbul sekiranya semua *petrol kiosk* mengamalkan program ataupun sistem layan diri, tidak payahlah adakan stesen minyak yang mana ada *pump attendant*, ada stesen minyak tidak ada *pump attendant*. Kalau semua stesen minyak tidak ada *pump attendant*, kita mesti isi minyak. Kita mesti bawa kereta, turun dari kereta, pergi bayar dekat kaunter, kita mesti tuang minyak. Apalah tidak boleh jadi budaya masyarakat kita? Boleh. Saya masih ingat, memang kita sudah dalam *mood* itu, sudah pun jadi satu amalan tetapi *suddenly* nampak ramai orang. Habis kita baliklah kepada yang asal dahulu, tidak payah turun, pergi sahaja, hon-hon, RM20 isi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mengemukakan soalan itu kepada Yang Berhormat untuk *lead*, dengan izin, supaya kerajaan tahu hala tuju yang lebih jelas yang perlu diambil tindakan supaya ada penyelarasan dari segi peraturan-peraturan tadi.

Tuan M. Munusamy: Terima kasihlah Yang Berhormat telah memberi pandangan yang begitu penting. Sebenarnya saya pun sudah terlupa untuk mencadangkan perkara itu. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya akan alih kepada Kementerian Pelajaran iaitu P.41. Ini berkenaan dengan latihan kemahiran. Pagi tadi pun kita ada dengar penjelasan sedikit daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan dengan latihan vokasional, latihan teknikal. Sekarang, anggapan daripada pelajar-pelajar dan juga daripada ibu bapa bahawa latihan vokasional, latihan kemahiran ini adalah bagi pelajar-pelajar yang *dropout*, yang tercicir. Itulah sebabnya kita dapat peminat-peminat yang kurang untuk memasuki institusi-institusi seperti ini apabila mereka keluar daripada institusi itu. "Dari mana? Giat MARA. Oh, ini bukan pencapaian akademik yang tertinggi. Ini *dropout* punya kes." Ini adalah satu *social stigma*. Oleh itu saya mencadangkan kepada kementerian...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya ingin mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Sila, sila, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Munusamy tadi adalah sesuatu yang benar tetapi hakikat kita mewujudkan *vocational schools* untuk *dropout*, dengan izin, ialah kerana kita memberi peluang kepada mereka ini mendapati apa jua *expertise* ataupun kemahiran untuk terus hidup di dunia ini mencari rezeki yang halal. Seseengah daripada pelajar kita adalah mereka yang tidak begitu berjaya berdaya maju dari segi akademik tetapi dari segi vokasional, salahnya hanya *mindset* masyarakat tetapi kesalahan *mindset* masyarakat tidak harus dibebankan kepada pelajar-pelajar yang sebenarnya apabila mereka mendapat *certificate* ataupun kelulusan vokasional itu, harus dilihat dari segi *certificate* ataupun diploma yang diperoleh itu.

Jangan kita paling ke belakang pula melihat kepada, "Oh, mereka itu adalah *dropouts*." Ini adalah satu peluang keemasan untuk anak-anak yang tidak dapat maju dari segi akademik tetapi

berguna sebagai rakyat dalam segi vokasional. Jadi sebelum Yang Berhormat membuat saranan kepada Kementerian Pelajaran, saya rasa kita harus membuat saranan kepada masyarakat itu sendiri supaya menukar *mindset* sebab mereka ini selepas mendapat diploma vokasional adalah *human resource* yang berguna untuk negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Yang Berhormat, sebenarnya saya belum habis teks saya. Saya juga ada cadangan. Saya berhasrat bukan untuk katakan cadangan kepada kementerian....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau tidak habis lagi, jangan bagi laluan.

Tuan M. Munusamy:Tetapi saya bagi laluan jugalah. Memang benar, inilah yang berlaku sebab sekarang sosial stigma itu adalah institusi-institusi ini bagi pelajar-pelajar yang tercicir. Cadangan saya juga adalah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Itulah saya kata cikgu-cikgu di sekolah apabila di sekolah rendah sahaja, cikgu-cikgu ini boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang tidak akan berjaya, tidak akan mencapai markah yang tinggi sebab mereka berada dengan pelajar-pelajar ini selama enam tahun.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya mohon laluan.

Tuan M. Munusamy: Biar saya jelaskan sedikit sebelum itu. Saya akan bagi peluang. Apabila enam tahun ini dalam UPSR, mereka dapat semua 'D', dia masuk ke Tingkatan 1, dia memang dalam PMR akan gagal juga, terus akan gagal. Selepas dia gagal, kita suruh dia masuk kolej atau institusi-institusi seperti ini. Cadangan saya, kita janganlah tunggu sampai dia masuk ke PMR, masuk ke SPM, tengok dia punya *result*, dia tidak boleh masuk ke institusi pengajian tinggi, baru kita pujuk dia masuklah institusi ini. Kita kenal pasti pelajar-pelajar seperti ini. Kita panggil ibu bapa mereka, terangkan kepada ibu bapa, "Lebih elok anak *you* jangan masuk sampai ke PMR. Beri dia peluang untuk meningkatkan diri dalam institusi-institusi seperti ini. Dia mungkin akan gagal dalam PMR, dia mungkin akan gagal dalam SPM. Selepas itu dia punya semangat juga akan menurun. Dia akan dilabelkan sebagai seorang yang tercicir, *dropout*. Janganlah sampai ke peringkat itu."

Dari kecil sahaja, okeylah, kita bagi peluang. Ini dia boleh buat, itu dia boleh buat. *Change mindset*, saya setuju, *change mindset*. Bukan sahaja pelajar tetapi juga ibu bapa. Memang ramai ibu bapa tidak akan sanggup. Ramai ibu bapa akan kata, "Anak kepada saudara saya, dia boleh sampai PMR, dia boleh sampai SPM. Ada jiran saya, dia boleh sampai PMR, boleh sampai SPM. Anak saya bukanlah bodoh.". Boleh, tetapi kita kena paksa menukar *mindset* ibu bapa. Kementerian mesti adakan satu program untuk menjalankan kursus-kursus untuk menggalakkan ibu bapa-ibu bapa ini supaya mereka boleh tukar *mindset*. Mereka boleh faham apa itu *skill training*. Mereka boleh faham bagaimana *skill training* ini boleh membantu anak-anak mereka.

▪ 1230

Oleh itu kita boleh ada satu golongan masyarakat yang *skill trained*, yang telah mendapat latihan kemahiran ini di kalangan masyarakat yang bekerja *blue collared job*, boleh dapat diploma

tetapi ingatannya sama dengan orang yang dapat ijazah daripada universiti. Mungkin itu akan memakan masa yang panjang tetapi sudah sampai masanya kita mulakan sekarang. Ini kerana kita dapat setiap tahun yang *dropout* itu meningkat. Ramai juga yang tidak dapat kerja. Prestasi mereka tidak cukup. Pihak swasta tidak akan ambil dia. Pengangguran itu meningkat.

Saya rasa ini adalah satu cadangan yang boleh kita cuba amalkan supaya golongan-golongan seperti ini tidak akan tertinggal daripada aras pembangunan. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekarang ini nampak lebih hebat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang ingin saya katakan tentang *mindset* itu ialah *mindset* untuk mengubah pandangan kita terhadap mereka yang mendapat latihan vokasional, latihan kemahiran sungguhpun ia tercicir tetapi kalau pun kita, ini pandangan saya, saya inginkan pandangan Yang Berhormat. Kalau pun kita memulakan pengambilan mereka ini daripada awalan, umur 12 tahun masuk kepada *stream* kemahiran, stigma itu masih sama. Ini bermakna mereka ini tidak dapat meneruskan pelajaran kerana terlalu lemah dalam bidang akademik, maka terpaksa disalurkan kepada sektor ataupun aliran kemahiran.

Stigma itu masih ada. Yang kita hendak tukarkan sekarang ialah *mindset* ibu bapa jangan putus harapan terhadap anak-anak. Ini *mindset* saya inginkan kita semua juga ada. Di kalangan kita ini, Tuan Yang di-Pertua, ada *night-bloomers*, dengan izin dan ada *morning glories*. Ada di antara mereka semasa di sekolah rendah, *primary brilliant*, berjaya segala-galanya tetapi apabila meningkat ke sekolah menengah atau *secondary school*, dan ke universiti lemah. Ini yang *morning glories*, yang *night bloomers* pula dalam darjah satu, darjah enam, tingkatan satu sampai tiga tidak begitu nampak menyerlah tetapi apabila naik ke tingkat empat dan lima mereka menyerlah hinggalah ke universiti.

Jadi, kita tidak dapat buat pilihan di kalangan murid-murid ini kerana mereka lemah dalam tahun satu dan enam, katakanlah sampai ke tingkatan dua atau tiga sebahagian mereka lemah sebab ada cetusan yang akan berlaku seketika waktu berumur katakanlah 12 tahun, 13 tahun hingga 15 tahun mereka menjadi pelajar-pelajar yang cemerlang. Jadi, saya tidak begitu bersetuju bahawa kita buat aliran kemahiran itu daripada awalan umur mereka sebab ramai daripada mereka itu ada yang *night bloomers*. Saya dulu pun *night bloomers* juga, tidak begitu cemerlang tetapi meningkat. Semakin tua semakin menjadi, orang kata... [Ketawa] Bukan dalam erti kata miang-miang itu, bukan tetapi dari aspek positif. Kita semua harus mempunyai minda yang positif, Yang Berhormat.

Apa pandangan Yang Berhormat sebab *basic education* itu iaitu fundamental daripada darjah satu hingga tingkatan dua dimestikan ada. Kalau dia tidak lulus peperiksaan pun tetapi dalam tujuh tahun dia dalam pembelajaran dia akan dapat menimba beberapa ilmu juga tetapi kalau kita masukkan dia ke dalam aliran vokasional dari awalan lagi dia tidak mempunyai *basic*

education yang amat diperlukan sebagai asas atau *foundation*, yang amat penting kepada pendidikan kepada apa yang kita katakan pewujudan *human resource* yang berguna. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu pandangan Yang Berhormat, ini pandangan saya. Sekiranya Yang Berhormat tidak bersetuju, itu terpulanglah kepada kementerian, tetapi saya ingin menjelaskan satu perkara berkenaan dengan fundamental *basic education* itu. Sekiranya kurikulum dalam institusi-institusi latihan ini ditukar juga seperti dan mengikut fundamental *basis curriculum* daripada sekolah-sekolah biasa termasuk juga supaya fundamental itu tidak ditinggalkan. Mungkin itu juga akan membantu. Terima kasih, Yang Berhormat. Biar saya teruskan.

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana banyak menimbulkan isu-isu yang memberi faedah kepada pembangunan modal insan. Bila kita lihat peranan pelajar-pelajar daripada sekolah rendah untuk diberikan pendedahan tentang kerjaya. Kita tahu bahawa di sekolah sudah ada guru bimbingan dan kaunseling ataupun yang disebut ialah kaunselor. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini supaya peranan kaunselor perlu dipertingkatkan di mana kita tahu peranan kaunselor bukanlah memberi motivasi sepanjang waktu tetapi dia memberi bimbingan kerjaya daripada peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah.

Jadi, kalau tanggungjawab yang besar ini diberi kepada kaunselor daripada darjah satu, apakah peranan yang perlu dimainkan oleh guru-guru dalam merentasi kurikulum, dalam mewujudkan minat kerjaya dalam apa juga bidang. Jangan diberi fokus, supaya dia memberi pelajar-pelajar ini ruang untuk dia memilih di satu masa akan datang cita-citanya seperti kita di waktu kecil dahulu. Kita sewaktu kecil dulu ditanya tiga cita-cita yang paling besar. Darjah 1 - tiba ke Darjah 2 berubah lagi, ada tiga lagi. Sampai ke Tingkatan 6 pun, berpuluh pilihan kerjaya kita. Akhirnya kerjaya kita lain bila kita dewasa seperti mana Yang Berhormat katakan, makin tua makin menjadi. Mungkin kita juga begitu. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah peranan kaunselor ini di sekolah-sekolah terutama di sekolah rendah ini diberi tanggungjawab yang lebih atau ditingkatkan tahap profesionalismenya. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetujulah. Peranan kaunselor di sekolah-sekolah ini adalah peranan yang penting. Saya percaya guru-guru kaunselor ini bukan sahaja tumpukan kepada pelajar-pelajar tetapi mereka juga boleh memberi kaunseling kepada ibu bapa-ibu bapa, memberitahu apa kebajikannya bagi mengikuti latihan-latihan seperti ini. Tukarkanlah *mindset* ibu bapa. Mungkin boleh ditukar. Kalau ramai ibu bapa di kalangan masyarakat kita boleh menukar *mindset*, dalam jangka panjang *mindset* antara semua masyarakat dalam negara ini akan bertukar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa mereka

yang keluar daripada institusi-institusi ini juga adalah orang-orang yang pandai, bukan orang yang *dropout*...

Dato' Omar bin Faudzar: Minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah bahawa sekolah vokasional dan teknikal sepatutnya dijalankan selepas sekolah rendah dan sekolah menengah. Masalahnya sekarang yang saya lihat kebanyakan sekolah-sekolah vokasional ataupun sekolah-sekolah teknikal ini diletakkan di bawah terlalu banyak kementerian. Kita ada satu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu Institut Giat MARA. Kita ada satu di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu IKBN dan kita ada banyak lagi. Apabila kita letakkan terlalu banyak, maka kurikulum yang diajar di kementerian-kementerian itu berlainan daripada kurikulum yang diajar oleh Kementerian Pendidikan itu sendiri.

■1240

Jadi apabila kita letak di bawah terlalu banyak kementerian maka publik merasakan bahawa institusi-institusi ini adalah institusi-institusi untuk pelajar-pelajar yang gagal, institusi *for failures*. Kalau kita letakkan semuanya sebab ini *education* Yang Berhormat, pelajaran ini sepatutnya kita letakkan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelajaran, kita tidak boleh letak di kementerian-kementerian lain supaya kita dapat ubah *public mind set* mengatakan bahawa kolej-kolej ini adalah kolej-kolej untuk orang-orang yang berjaya juga, bukan kolej-kolej untuk orang-orang yang gagal. Hari ini kalau seorang *student* yang telah mendapat *certificate* datang *interview* di pejabat sayalah dengan satu orang lain daripada universiti daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, mungkin diploma. Saya sudah tentu memilih daripada Institut Pengajian Tinggi, institut daripada Kementerian Pendidikan Tinggi sebab saya merasakan mereka ini lebih pandai sebab saya sendiri dan *mind set* saya mengatakan bahawa ini adalah institusi *for failure* jadi saya tidak hendak ambil pelajar-pelajar ini.

Jadi kerajaan sepatutnya ubah cara ini supaya kita letakkan semua ini di bawah satu kementerian dan kita ubah *mind set* rakyat kita bahawa kolej-kolej ini bukan lagi *college for failures*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat, ini adalah satu cadangan yang sungguh baik sebab itulah tadi saya kata mungkin institusi-institusi ini boleh menyerapkan kokurikulum daripada sekolah-sekolah yang biasa. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi, sekiranya semua institusi ini diletakkan di bawah satu kementerian, mungkin di bawah Kementerian Pelajaran, lebih senang bagi institusi-institusi ini menyerap kokurikulum-kokurikulum fundamental daripada sekolah-sekolah supaya ia adalah selaras dengan *educational system* di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Satu lagi perkara berkaitan dengan - saya pun sudah tertinggallah. Satu perkara berkaitan dengan Kementerian Pelajaran juga, pagi tadi saya juga telah meminta soalan lisan saya berkenaan program RIMUP bagi sekolah-sekolah yang dilaksanakan untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum di sekolah tetapi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau telah menerangkan bagaimana program ini dilaksanakan di sekolah-sekolah di negara ini di beberapa kelompok dan sebagainya. Dengan menyerap program-program bagi sekolah-sekolah vernakular dan sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah agama dan sebagainya. Bagaimana pula program untuk meningkatkan perpaduan, integriti kaum untuk memahami cara, gaya hidup antara satu sama lain di sekolah-sekolah kebangsaan yang juga terdapat pelajar-pelajar berbilang kaum berada, sepanjang masa bila dia masuk darjah satu sampai darjah enam. Program-program bagi memupuk semangat dan juga *spirit* kepada perpaduan. Menghormati satu-satu kaum perlulah ditanam pada waktu mereka muda.

Oleh itu, saya rasa Kementerian Pelajaran mestilah mempertingkatkan program-program bagi menumpukan kepada pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan, itu sangat mustahak. Walaupun sekolah itu tidak ada ramai bilangan pelajar-pelajar daripada bukan bumiputera. Program itu juga boleh dijalankan, memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar bumiputera bagaimana kehidupan dalam negara ini, apa kita punya kontrak sosial? Bagaimana datuk, nenek kita hidup? Bagilah tunjuk ajar kepada mereka seperti juga bagi sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina, bagaimana masyarakat lain dalam negara ini? Apa situasi sekarang? Apa akan jadi 50 tahun akan datang? Kita harus ingat perkara perpaduan ini adalah sangat mustahak. Semenjak 50 tahun ini semasa kita masih kecil lagi, sikap perpaduan ini telah ditanam dalam hati kita. Itulah sebabnya kita boleh apa sahaja faktor-faktor yang jadi, apa sahaja terjadi, kita boleh terima dengan hati terbuka, semua rakyat boleh terima.

Ini adalah perkara begini, kita boleh atasi, kita boleh bermuafakat, kita boleh duduk bincang, selesaikan tetapi ini mustahak ini perlu diajar kepada anak-anak kita, semua anak Melayu, India, Cina, semua suku kaum. Ini sangat mustahak, kalau tidak apabila mereka besar, dia tidak peduli perpaduan, dia sama dia sahaja, India sama India saja, Cina sama Cina saja, Melayu sama Melayu sahaja.

Tuan Khoo Soo Seng: *[Bangun]*

Tuan M. Munusamy: Apa akan jadi pada negara kita? Saya rasa pihak kementerian perlu..., bagi saya satu minit lagi... *[Berucap mengarah kepada Tuan Khoo Soo Seng]* Perlu mempertingkatkan program, saya tahu sekarang ada program tetapi program itu efektif kah? Program itu dijalankan dengan terus menerus kah? Adakah latihan-latihan khas, panduan-panduan tertentu diberikan kepada cikgu-cikgu? Saya juga ada buat cadangan dalam Dewan yang mulia ini supaya buku-buku panduan terhadap perpaduan diedarkan kepada pelajar-pelajar di institusi tinggi tetapi sudah sampai masa, panduan-panduan ini juga ditunjukkan, diedarkan kepada kanak-kanak

kita, mungkin dari pra-sekolah. Oleh itu saya mintalah supaya kementerian mengambil serius dalam perkara ini. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Saya beri kepada Yang Berhormat Tuan Khoo.

Tuan Khoo Soo Seng: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya terpaksa berdiri oleh sebab mungkin Yang Berhormat Tuan Munusamy sudah lama meninggalkan sekolah. Sebagai seorang bekas pendidik, saya ingin buat ulasan sedikit berkenaan dengan program-program sekolah, kokurikulum sekolah untuk memupuk perpaduan. Sebenarnya Kementerian Pelajaran kita memang mengamalkan nilai murni merentasi kokurikulum. Jadi kita ada mata pelajaran seperti pendidikan moral dan sebagainya dan sebenarnya pelajaran pendidikan moral bahkan semua mata pelajaran ada masukkan nilai-nilai murni. Jadi perpaduan merupakan satu nilai murni yang amat penting. Jadi sebenarnya selama ini memang kita ada amalkan. Kalau tidak ada saya ingat kita tidak dapat duduk sama-sama di sini. Itulah penjelasan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat, saya tahu memang kementerian ada menjalankan program ini, program RIMUP ada dijalankan semenjak 21 tahun, tadi pagi Timbalan Menteri telah menjawab. Semenjak Perdana Menteri kita menjadi Menteri Pelajaran itu, program ini telah pun dimulakan, dilancarkan tetapi bagaimana *effectiveness*, adakah ini berkesan? Adakah ini berterusan. Saya setuju memang kementerian ada menjalankan banyak program bagi meningkatkan nilai murni di kalangan murid-murid kita tetapi apa yang jadi sekarang ini nampaknya di kalangan murid-murid, di kalangan pelajar-pelajar institusi tinggi, di kalangan pelajar-pelajar di universiti, merekalah yang datang dari bangku sekolah. Perpaduan itu tidak begitu erat lagi. Ini adalah satu realiti yang kita perlu terima. Ini kita telah lihat.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Tidak cukup lagilah perpaduan yang kita ada itu, tidak cukup. Kita kena eratkan lagi, kita kena cari mekanisme untuk mengeratkan lagi perpaduan supaya apabila ada apa juga *problem*, kita senang, rela. Oh, kita faham satu sama lain, tidak ada *problem*. Sila Yang Berhormat Dato'

■1250

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Perpaduan ini memanglah sesuatu perkara yang paling penting Yang Berhormat. Semasa kita menuntut kemerdekaan, kita berjaya disebabkan oleh perpaduan dan disebabkan oleh persetujuan di antara kaum-kaum yang ada dalam negara kita. Di atas persetujuan itulah, maka wujud satu perpaduan dalam negara kita. Kita ada syarat-syarat persetujuan untuk mendapatkan perpaduan di antara kaum dalam negara kita, tetapi akhir-akhir ini bukan kata di peringkat kanak-kanak, peringkat orang-orang tua ini yang dah tak sedar syarat-syarat perpaduan yang kita capai semasa kemerdekaan. Jadi kalau

kita hendak bercakap tentang perpaduan di peringkat sekolah dan sebagainya, isu-isu ketidakpuasan hati dan sebagainya itu dibangkitkan semula Yang Berhormat.

Jadi yang paling penting Yang Berhormat, kita mesti selalu mengingatkan rakyat Malaysia, apakah syarat-syarat, pencapaian, perpaduan kemerdekaan yang kita capai melalui perpaduan ini. Syarat-syarat yang bagaimana? Jadi kalau semua orang dapat faham, maka saya rasa kita dapat kekalkan perpaduan itu. Kalau tidak, kita selalu akan mempertikaikan isu hak dan sebagainya. Maka akan timbullah rasa ketidakpuasan hati di antara kaum. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan M. Munusamy: Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah sebut tadi. Memang perkara-perkara *social contract* yang telah dipersetujukan oleh datuk, nenek kita, perlu kita memberi tahu kepada masyarakat kita. Memperingatkan kepada masyarakat kita. Mungkin kita lupa. Mengingatkan kepada mereka tetapi saya langsung tidak kata tidak ada perpaduan dalam negara ini kalau seperti Yang Berhormat kata kalau tidak ada semangat perpaduan tak tahulah mana kita pergi, hancurlah kita. Ia memang ada. Tujuan saya menyuarakan perkara ini adalah supaya kita mempertingkatkan lagi supaya perpaduan ini akan menjadi satu perkara yang asas dalam perkara ini. Ia akan menjadi kekal. Kita tidak akan bimbang lagi. Tak payah bimbang. Apa sahaja berlaku dalam negara ini. Kita tahu perpaduan ini kita sesuatu yang kita boleh *follow*, kita ada perpaduan itu. Kita tidak akan untuk...

Puan Siw Chun a/p Eam: Yang Berhormat saya minta laluan.

Tuan M. Munusamy: Laluan pula lagi. Terima kasih inilah... Silakan, silakan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kerajaan mewujudkan kempen kahwin campur. Maksudnya kalau anak saya kahwin dengan anak Yang Berhormat Munusamy dan anak Yang Berhormat Munusamy pula berkahwin dengan anak kepada Datuk Azizah. Anak kepada Datuk Azizah pula kahwin pula kepada Yang Berhormat Lee Chee Keong... *[Ketawa]* Kalau dengan cara ini, saya rasa perpaduan tidak akan hilang. Jadi lebih mengeratkan perhubungan di antara kaum. Di mana pun jadi adik beradik. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy:*[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob semalam. Dalam negara ini kita tidak ada halang untuk kahwin siapa-siapa. Ini terpulanglah kepada individu. Kerajaan tak payah buat kempen... *[Ketawa]* Kalau hendak kahwin, kerajaan tidak buat had. Itu hak seseorang itu. Kalau dia hendak kahwin dengan seseorang itu daripada keturunan Siam kah, itu terpulanglah. Kalau anak saya hendak kahwin dengan anak dia, kalau dia orang *love each other* terpulanglah. Saya memang....., 'peringatan' saya memang bebas, Sebab merekalah yang akan mewujudkan institusi keluarga.

Biar saya teruskan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya ada dua, tiga perkara yang...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sikit sahaja Yang Berhormat. Sikit sahaja.

Tuan M. Munusamy: Okeylah, saya beri *chance* kepada Kelantan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Cuma saya ingin menyatakan Kerajaan Negeri Kelantan ada menggalakkan tawaran kahwin campur. Iaitu siapa-siapa yang kahwin dengan Orang Asli akan diberi ganjaran RM10,000. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Memang ada juga. Saya juga ada nampak daripada masyarakat Orang Asli. Seorang sekiranya ada orang hendak kahwin dengan Orang Asli ada juga kerajaan hendak bagi RM10,000 kah?... *[Ketawa]* Ini galakkan, saya ingat penggalakan itu tak payahlah kepada masyarakat umum. Kalau Kelantan ada jalankan, tak tahu bagaimana dia punya program. Itu terpulanglah tetapi Barisan Nasional adalah bersikap terbuka. Kita tak paksa. Kita tidak payah bayarlah. Kalau orang hendak kahwin, kahwinlah... *[Ketawa]*.

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat minta laluan. Saya seperti mana Yang Berhormat tahu saya adalah anak Orang Asli. Isteri saya pun orang Cina tetapi tak dapat duit juga.... *[Ketawa]* Saya memikirkan satu ialah generasi. Satu generasi. Satu generasi yang saya rasa cukup. Mungkin kalau kahwin dengan Yang Berhormat Chun, anak Yang Berhormat Munusamy, anak dia kahwin dengan itu, mungkin dapat anak yang cerah sikitlah.... *[Ketawa]*. Saya rasa perkara ini memang pada saya akan membina hubungan yang berputik bila kita kahwin campur.

Jadi saya rasa memang galakkan ini ialah mungkin kerajaan boleh memberi satu insentif. Bukan sahaja Kerajaan Kelantan tetapi Kerajaan Malaysia dan saya tahu hendak kahwin beramai-ramai pun, ditaja oleh Yang Berhormat untuk mengerat lagi hubungan kita punya kenegaraan, sifat kenegaraan untuk semua kaum. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat. Saya rasa tak payahlah kita adakan insentif kepada orang-orang yang hendak kahwin. Parti Barisan Nasional seperti katakan tak payahlah bagi duit. Kita tak bagi duit. Kita kalau dia hendak kahwin, kita berilah dia *chance* dia kahwin. Tak ada *problem*. Satu lagi perkara yang saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh pergi cerita yang lain Yang Berhormat. Hendak kahwin-kah pergi cerita yang lain.

Tuan M. Munusamy: Saya tak dengar. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengar cerita kahwin, kahwin ini, pergi cerita yang lain.... *[Ketawa]*.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada satu sahaja perkara lagi. Berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *In fact* saya ada banyak tetapi saya di minta oleh Ahli-ahli supaya saya beri ruang kepada ahli-ahli lain. Saya cuma ada satu perkara berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - 43 adalah berkaitan dengan peluang bagi kakitangan pihak PBT ini untuk menukar, *transfers, inter-transfers*.

Sekarang ini semenjak Majlis Tempatan sampai ke Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, mereka ini tidak boleh ditukar ke jawatan-jawatan lain ataupun jabatan-jabatan lain. Saya telah menjadi Ahli Majlis pada tahun 1976, sampai ke 15 tahunlah saya jadi Ahli Majlis. Apabila saya jadi Ahli Majlis itu, saya dah duduk dalam *interview board*, kita ada ambil beberapa *staff* sampai dia bersara dia duduk di situ juga. Tak ada insentiflah beri kepada mereka untuk di naik pangkat, kalau hendak naik pangkat pun pihak PBT ini kena dapat kelulusan daripada pihak PSD. PSD ini JPA. Ini pun saya tidak faham saya kena sentuh sedikit juga berkenaan dengan sementara saya sentuh dengan kementerian ini.

Dalam Kepala B.5 juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kita mendapat seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob semalam. Kita tidak dapat satu senario berbeza. Satu pihak berkata EXL berkata, 88,470 orang menganggur telah mendaftar, cari kerja. Sebelah sini pihak kerajaan kata ada banyak kekosongan, 76,000 kekosongan. Saya tak faham macam mana. Apalah sebab PSD tidak memberi kelulusan.

Bila saya menjadi Ahli Majlis, apabila kita tengok dalam senarai jawatan itu, dia kata ada jawatan J apa ini? N apa ini? Apa fasal tidak isi? Kita tidak dapat persetujuan daripada PSD. Saya pun tak faham. Bagaimana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini berfungsi? Apalah sebabnya mereka tidak boleh isi jawatan-jawatan walaupun Perdana Menteri kita sendiri telah menegaskan bahawa ke jawatan-jawatan ini perlu diisi. Berkenaan dengan PBT ini, saya rasa sudah sampailah masa bahawa PBT ini meminda undang-undang supaya pekerja-pekerja PBT, kakitangan PBT boleh di tukar kepada jabatan-jabatan lain untuk mempertingkatkan kredibiliti mereka, boleh mempertingkatkan usaha mereka, boleh mempertingkatkan daya usaha mereka untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk tempatan. Saya rasa sudah cukuplah Yang Berhormat. Semalam saya sudah bercakap, hari ini saya dah cakap, nampaknya ada ramai Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap dengan ini saya ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membantu saya memberikan lebih lagi pandangan terhadap perkara-perkara yang telah saya bangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat bersidang semula pada pukul 2.32 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy tamat berucap ya? Dato' Gooi Hoe Hin, selepas itu Dato' Dr. Noressah, selepas itu Dato' Hajah Saripah Aminah, selepas itu Puan Mumtaz.
2.32 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat yang lain mengambil bahagian dalam memberi perhatian serta pandangan dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Pertama 2007 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya dapat membantu Dato' Dr. Noressah merancang ucapan. Yang Berhormat agak akan mengambil masa berapa lama?

Dato' Gooi Hoe Hin: Satu jam lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi peluang kepada mereka yang saya sebutkan nama Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya akan cuba ringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada perbahasan sehingga sedikit masa hari Isnin sahaja. Jadi beri peluanglah kepada kawan-kawan untuk bersama. Silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, saya sambung. Seperti mana amalan biasa, anggaran perbelanjaan adalah anggaran sahaja. Dengan demikian, kini terbentangnya di Dewan yang mulia ini suatu Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan pertama yang perlu kita sama-sama meneliti dan seterusnya memberi sokongan agar rang undang-undang ini diluluskan. Walau bagaimanapun, pernah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini betapa pentingnya pengurusan kewangan, perancangan Belanjawan, ataupun perbelanjaan kerajaan senantiasanya bersesuaian, menepati objektif dan tujuan perbelanjaan yang diputuskan.

Tidak perlu saya mengulangi lagi pandangan terdahulu yang saya tujukan iaitu keperluan harus diberi tumpuan yang lebih serius agar sekurang-kurangnya anggaran perbelanjaan tidak begitu lari dari asas jumlah peruntukan walaupun kadangkala terdapat keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan. Dalam penelitian saya, dengan rujukan kepada kertas Perintah 9A, tahun 2007, seperti terdapat dalam Lampiran 'C'. Nampaknya peruntukan tambahan lebih daripada 54% adalah untuk maksud emolument gaji lebih kurang RM5.3 ribu juta. Saya faham peruntukan ini diperlukan hasil dari keputusan kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam.

Syabas dan tahniah kita harus ucapkan kepada kerajaan atas kenaikan gaji ini dan saya yakin dengan sedemikian, sistem penyampaian perkhidmatan awam akan bertambah baik lagi dan tidak perlu lagi anugerah penyapu. Apabila cakap anugerah penyapu, saya tidak percaya tetapi tiba-tiba keluar di TV, saya ingat saya dah buta. Tidak pernah jadi macam itu. Boleh masuk RTM Hari Ini Dalam Sejarah. Saya berpendapat amat kurang bersesuaian. Perkhidmatan awam adalah

jentera ke dalam menggerakkan negara menuju Wawasan 2020. Memang kita semua ada kelemahan, tetapi dengan tekad dan iltizam kita boleh bersama-sama membina dan membangunkan negara kita yang kita semua cintai. Sehubungan dengan ini terlintas di fikiran, terhadap seorang jeneral iaitu Jeneral Patton. Apabila beliau menyepak seorang askar dengan sarung tangannya dengan berkata 'sial, sial'. Akhirnya...

Tuan Yang di-Pertua: Menyepak atau menyepak?

Dato' Gooi Hoe Hin: Menyepak, sepak.

Tuan Yang di-Pertua: Sepak.

Dato' Gooi Hoe Hin: Sepak.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sepak?

Dato' Gooi Hoe Hin: Bukan sepak bola. Akhirnya Jeneral Patton pun jatuh dalam karier askarnya. Ini sejarah. Bagi saya, kesimpulannya ialah, jika kita seorang pemimpin, kita haruslah lebih berwibawa, bertanggungjawab dan harus memahami dan mempunyai kewarasan serta rasional dalam melakukan sesuatu agar tidak menyentuh sensitiviti dan budaya masyarakat majmuk.

■1440

Banyak cara dan prosedur-prosedur untuk mengenakan disiplin, tetapi saya cukup hairan, saya tidak boleh faham, saya kurang senang hati dan berpendapat tindakan seperti Anugerah Penyapu itu tidak masuk akal langsung, kita semua hapus kira tindakan ini. Maruah perkhidmatan awam harus kita pertahankan.

Oleh kerana peruntukan tambahan melibatkan emolumen...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat beralih, di antara hujah Yang Berhormat tadi ialah pertamanya insentif untuk bekerja keras atau *disincentive* untuk tidak bekerja pilihannya antara dua. Yang kedua itu Yang Berhormat nyatakan bukanlah satu pilihan. Saya dengar, saya tidak bermain golf, tapi ada orang kata *wooden spoon*, konsep *wooden spoon* ini macam mana?

Dato' Gooi Hoe Hin: Pandangan Tuan Yang di-Pertua penuh dengan falsafah. Dari sudut fikiran saya, yang saya pegang teguh bahawa seseorang insan hanya Tuhan yang tetapkan segala-galanya. Kelemahan seseorang jati diri terdapat di dalam semua lapisan. Apatah lagi dalam perkhidmatan awam.

Tujuan saya untuk abaikan anugerah....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi konsep *wooden spoon* di mana di dapati di dalam golf itu tidak sesuai dipakai dalam sebagai satu *disincentive* dalam perkhidmatan awam dan adakah itu hujah Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya tidak main golf jadi tidak begitu faham apa itu *wooden spoon*...

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak main golf Yang Berhormat, tapi *wooden spoon* ini hadiah yang diberi kadang-kadang-kadang. Adakah mirip memakai, menggunakan pendekatan *wooden spoon* ini biarpun sesuai bagi sukan atau permainan golf, tidak sesuai untuk dipakai dalam mendorong orang bekerja dalam perkhidmatan awam? Adakah itu hujah Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Kalau itu sesuatu *wooden spoon*, sudu itu lain cerita, tapi bagi penyapu itu, ia sial. Ia lain, lain cerita. Semua budaya tidak boleh terima penyapu, itu hakikat. Mesti ada cara lain dan mungkin ikut cara *spoon*, bagi *spoon* itu pada penjawat awam. Bukan penyapulah, tidak boleh terima.

Ini daripada pandangan, daripada maklum balas. Bermakna maruah perkhidmatan awam itu seperti dihina, itu yang penting. Kita manusia ada cara lain. Jadi saya tidak mahu berpanjangan lagi. Oleh kerana...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat saya minta laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga terpanggil kerana terasa juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat saya kerana kita bersama-sama pegawai kerajaan dulunya.

Yang Berhormat, saya rasa lebih baik *politician* ini, mereka juga harus mempelajari tentang tatacara, disiplin dan mereka juga harus mempunyai ilmu tentang perkhidmatan awam itu sendiri kerana di dalam perkhidmatan awam ada cara, kaedah yang terbaik sebab *politician* yang menjadi pentadbir kerajaan, ia juga pegawai kerajaan, *it's automatic* dengan izin. Bermakna pegawai kerajaan dengan pegawai kerajaan. Kalau dia *politician* sahaja, itu cerita lain. Sekarang *politician* yang jadi pentadbir. Bermakna pentadbir dan kakitangan kerajaan benda yang sama, itu yang pertama.

Kalau sekiranya *politician* sudah jadi pentadbir atau ketua pentadbir dan sebagainya dia harus faham tentang peraturan pegawai awam, kelakuan dan tatatertib, dengan sendirinya kena faham. Kalau tidak susah hendak jadi ketua kalau kita tidak faham. Khasnya *Chapter 'D'*, semua terurai di dalamnya. Yang baik-baik ada hadiah kebaikan-kebaikannya, yang buat tidak baik, buat kesalahan ada cara-caranya. Semuanya telah termaktub di dalam *Chapter 'D'*.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kalau telah bahagian 5 tentang hukuman yang ada cara-caranya. Pertama...

Tuan Yang di-Pertua: Celaan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang pertama adalah:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;

- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; dan
- (vii) buang kerja

Maknanya kerajaan kita ini kerajaan yang amat prihatin terhadap kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan lupa, Yang Berhormat mencelah.

Tuan Ahmad bin Hussin: Ya, terima kasih. Cuma saya hendak minta pandangan sahabat saya tentang apa yang saya maksudkan di sini. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Mohon laluan subjek yang sama juga. Boleh?

Dato' Gooi Hoe Hin: Satu jam nanti... *[Ketawa]*

Tuan M. Munusamy: Saya sekejap...

Dato' Gooi Hoe Hin: Boleh, boleh Tuan Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benarlah saya pun tidak setuju menghadihkan penyapu itu. ni mungkin akan menurunkan moral kakitangan kerajaan. Ada juga cara yang lagi elok, ada juga cadangan *rating* yang *five stars, one stars, two stars, three stars*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Tapi Yang Berhormat tadi sudah maklum sudah ada *prescription* yang sudah pun termasuk di dalam peraturan.

Tuan M. Munusamy: Ini cadangan saya. Saya ada baca satu cadangan untuk memberi *rating star* bagi jabatan-jabatan. Saya ingat itu akan meningkatkan prestasi dan mungkin *mood* bagi pegawai-pegawai kakitangan untuk menengok jabatan mereka itu adalah yang *rating* yang tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Yang Berhormat, yang jelas dan yang tersendiri menjawab bahawa pemimpin yang bagi penyapu itu yang kali kita bagi dia penyapu supaya dia memahami macam mana untuk mentadbir. Itulah pandangan saya. Kita sambunglah, sambung.

Oleh kerana peruntukan tambahan melibatkan emolomen, saya terus menekankan betapa pentingnya sistem penyampaian perkhidmatan awam ditingkatkan dan menjadi usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1450

Tidak boleh dinafikan usaha-usaha ini telah ditingkatkan dengan kerajaan mengambil pelbagai langkah seperti tertubuhnya PEMUDAH, *one-stop-centre* di semua pihak-pihak berkuasa tempatan dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, dengan usaha proaktif Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sendiri yang mulai membuat lawatan *on-the-spot* atau kejutan, demi menilai keberkesanan perkhidmatan awam, dalam memberi sesuatu perkhidmatan mesra, sempurna dan sebaik-baiknya kepada rakyat jelata. Kepujian harus diberikan kepada Yang Berbahagia Tan Sri KSN. Inilah cara dia, bukan sapu.

Saya yakin dan saya percaya juga Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan bersetuju serta sampaikan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri KSN. Saya harap usaha ini perlu dan harus diteruskan. Kita sama-sama jemput supaya Yang Berbahagia Tan Sri KSN melawat khususnya pejabat-pejabat tanah di peringkat daerah, di mana terdapat banyak kes-kes tertunggak yang amat ketara, dan ini akan menjejaskan usaha murni kerajaan untuk meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Saya terbaca, selepas lawatan Yang Berbahagia Tan Sri KSN ke Pejabat Tanah Negeri Selangor, saya selalu memberi tumpuan kepada Selangor. Tan Sri KSN sendiri mendapati banyak kes-kes tanah tertunggak. Serta merta Tan Sri KSN membuat keputusan bahawa akhir tahun ini semua mesti selesai, itu cara dia untuk mencari jalan penyelesaian. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri KSN.

Sementara usaha murni meningkatkan sistem perkhidmatan awam dengan terlaksananya pelbagai langkah dan tindakan. Kita juga harus tidak terlupa bagaimana untuk meningkatkan kebajikan anggota perkhidmatan awam. Serta kerajaan harus memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Kenaikan gaji hanya merupakan sebahagian dari faktor utama dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh anggota perkhidmatan awam.

Suatu perkara yang saya tidak akan merasa jemu untuk membangkitkannya di Dewan yang mulia ini, sehingga sesuatu permuafakatan dicapai di antara anggota perkhidmatan awam dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Di mana, saya telah beberapa kali bangkit di Dewan yang mulia ini tetapi tidak dapat satu jawapan yang memuaskan. Apa yang saya maksudkan ialah Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Rungutan mereka mempunyai asas, maka JPA perlu mengkaji dan menambah baik sistem ini. Saya ingin menekankan di sini Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2004, perlu dirombak semula supaya mengikut kesesuaian dan acuan yang lebih sempurna dan mengikut masa kini.

Perlaksanaan PTK ini saya rasa dan pada hemat saya, juga amat kurang ketelusan dan akauntabiliti. Terdapat banyak kelemahan tetapi sehingga kini, sesuatu belum dilaksanakan. Mungkin saya harap anggapan saya itu salah! Kerana sehingga masa kini saya tidak dapat maklumat. Maklumat yang mana perlaksanaan ini ditambah baik lagi. Adakah penyesuaian PTK masih dalam kajian, ataupun pihak JPA berpendapat ianya tidak perlu disesuaikan ataupun ditambah baik kerana ianya cukup baik dan sempurna.

Pernah saya menyentuh dan merujuk kepada laporan Jabatan Perkhidmatan Awam, yang mengesahkan bahawa kompetensi perkhidmatan awam adalah baik dan mencapai tahap yang cukup memuaskan, ini laporan JPA bukan saya punya laporan. Kita harus berasa bangga kerana perkhidmatan awam negara kita merupakan sebuah perkhidmatan yang diiktiraf sebagai yang berprestasi baik dan sentiasa berdepan, menyahut cabaran-cabaran era modenisasi. Oleh kerana itu, saya tidak mendapat suatu maklum balas tentang kedudukan perlaksanaan PTK. Saya harap

nanti, minggu depan hari Isnin, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, tolonglah bagi itu PTK satu jawapan yang elok dan molek.

Saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini merayu, menggesa, meminta dan mendesak sesuatu permuafakatan, sesuatu penyelesaian, sesuatu persefahaman dapat disempurnakan dengan kadar yang segera. Sementara itu boleh Dewan yang mulia dimaklumkan, sehingga masa kini berapa peperiksaan PTK telah dijalankan, bilangan anggota perkhidmatan awam yang gagal dan keputusan yang masih tertunggak? Di Dewan yang mulia ini, saya merayu supaya dapat maklumat ini, supaya saya boleh hitung, saya boleh menganalisis kemungkinan jawapan JPA itu baik, baik-baik belaka kita terimalah, tetapi saya tidak dapat jawapan. Bayangkan dengan ketelusan dan akauntabiliti itu, saya harap pihak perkhidmatan awam secara terbuka boleh memahami keputusan pelaksanaan PTK.

Di samping itu, satu lagi masalahnya, bilakah kekosongan jawatan itu akan diisi? Kalau kita lihat mengikut laporan JPA juga, lebih kurang perkhidmatan awam mempunyai 15% guna tenaga kerja, 1.1 juta termasuk PDRM dan ATM. Semalam Yang Berhormat Datuk Yaakob merayu mempercepatkan pengisian kekosongan di PDRM yang dianggarkan mungkin 60,000. Bilakah ia akan dipercepatkan? Kerana tanggungjawab kerajaan adalah menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

■1500

Dahulu lain, kini lain. Kerana dahulunya kependudukan hanya 10 juta orang. Kini sudah 26 juta orang. Jadi harap JPA, jangan JPA tolak kepada SPA, SPA tolak kepada kementerian, macam bola sepak. Jangan macam itu. Keputusan dibuat, isikan kekosongan itu. Berbalik kepada penelitian saya yang kedua, mengikut ringkasan Kertas Perintah 9A, Lampiran 'C'.

Saya dapati, peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 juta adalah untuk perkhidmatan dan bekalan iaitu lebih kurang 13%. Dalam pada itu, saya juga merujuk kembali kepada nota penjelasan. Apa yang saya dapati, kemungkinan besar perkhidmatan dan bekalan itu tidak diperuntukkan. Ataupun, kerana terdapat objektif dan tujuan baru yang melibatkan perlunya peruntukan baru sejumlah RM1 bilion. Namun pada hemat saya, sesuatu perlu dilakukan, agar sistem pembelian, dengan izin, *procurement* kerajaan perlu diperketat, agar ianya tidak boros ataupun membazirkan. Kementerian dan jabatan khususnya Pegawai Pengawal biasanya ketua setiausaha-ketua setiausaha dan ketua-ketua jabatan perlu, saya tekankan, perlu dan harus mengambil perhatian berat dan memberi tumpuan tersendiri, *hands-on* Pegawai Pengawal. Biasanya KSU, dia tidak peduli. Bagi EO beli barang sahaja. Tidak jadi.

Pegawai Pengawal mesti *hands-on*, dalam semua urusan pembelian kerajaan agar ianya mendapat barangan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan, bukannya pada kebiasaan kerajaan sentiasa ditipu, dibekalkan barang-barang yang *substandard*. Belum duduk, kerusi sudah pecah dan tidak dapat tepat dengan spesifikasinya. Bayangkan jika kita cukup berhati-hati. Saya

ingat, saya fikir, kerajaan akan dapat berjimat berjuta-juta ringgit dan penjimatan itu, kita boleh salurkan untuk buat jalan-jalan Yang Berhormat Osman dari Orang Asli. Macam-macam kita boleh jawab. Sikap jimat-cermat, semua lapisan peringkat perkhidmatan awam harus disemai.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi Yang Berhormat, kadang-kadang kalau kita *hands-on* sangat, kalau kita ambil tahu sangat mengenai *procurement* ini, boleh timbul anggapan dalam hati orang-orang bawah kita itu. “Hai, apa ini dia ambil tahu? Dia ada kirakah?” Keengganan itu yang membuatkan kita enggan campur tangan sangat dalam soal ini.

Dato’ Gooi Hoe Hin: Saya fikir bila seseorang itu sudah menyandang jawatan ketua setiausaha sesebuah kementerian atau ketua jabatan, dia ada kewarasan, dia ada kepincangan. Macam mana diuruskan pegawai dan kakitangan bawahan supaya dia tidak ada cemburu. Bermakna, kadangkala keputusan dia buat sebenarnya keputusan ketua setiausaha itu buat tetapi apa yang saya maksudkan ialah bahawa ketua setiausaha tidak boleh biar sahaja. Dia mesti tahu. Dia mesti memahami sebab dalam setiap belanjawan, perkhidmatan dan bekalan di bawah sub kod itu, apa barang yang dibeli semuanya telah tercatat ada. Saya memang fahami.

Jadi ini hanya satu pandangan supaya KSU memberi lebih perhatian. Saya sambung, supaya sikap jimat-cermat semua lapisan peringkat awam harus disemai serta ditanam. Tanam betul-betul dalam hati sanubari mereka, kerana saya percaya dan saya yakin, kerajaan akan dibekalkan dengan barangan sejajar dengan nilai wang supaya tidak ditipu oleh pembekal. Biasanya orang hendak tipu kerajaan, pembekal ini. Saya pun tidak boleh faham. Itulah penting, itulah mustahak. Andai kata, ini satu andaian sahaja. Jika seseorang boleh jimat sehelai kertas. Sekarang saya tulis di sini, di belakang tak tulis... [*Menunjukkan sehelai kertas*] Saya buang sahaja.

Jadi ini di Parlimen, Ahli Dewan Negara Malaysia. Bayangkan saya buang, tetapi saya *training* dahulu di Ketua Menteri Pulau Pinang sejak 1975, kalau saya buang, dia marah saya. Saya pusing balik, kita akan tulis. Bayangkan sehelai kertas A4, 1.1 juta pegawai perkhidmatan. Semua tidak ada guna kertaslah.

Bayangkan penjimatan yang dihasilkan dari tindakan, atau satu langkah kecil sahaja walaupun nampak sia-sia. Negara akan untung, rakyat tentunya juga akan menikmati hemah sedemikian. Kalau kita bersama-sama melipatgandakan cara ini terhadap berbagai-bagai barangan, sekarang komputer, bila *you print* satu *page* di belakang, macam-macam. Jadi ini *in out of the box*. *Lateral thinking*, dengan izin. Saya yakin kerajaan akan mendapat manfaat dan faedah. Oleh yang demikian, kita harus bersama-sama. Bersama-sama mengamalkan suatu cara jimat-cermat dalam pembelian, penggunaan kerajaan, barangan kerajaan tetapi tanpa menjejaskan prestasi perkhidmatan awam kepada rakyat jelata.

Setelah saya membuat penelitian khusus tentang peruntukan tambahan, secara sepintas lalu mengenai dua aspek sahaja. Ini saya akan berusaha memberi pandangan saya berkisar

kepada kementerian-kementerian tertentu, dan seperti kebiasaan, saya hanya akan menyentuh tentang dasar-dasar dan secara umum, berhubung kait dengan kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat mudah merancang ucapan selanjutnya, saya hendak mengingatkan, Yang Berhormat mempunyai 20 minit lagi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya akan berusaha. Bermakna yang lain saya akan cakap bagi belanjawan yang lebih kuatlah. Saya hanya hendak menyentuh tentang kementerian yang jual kelapa sawit, senang cakap. Kementerian yang jual kelapa sawit, dua hari yang lalu, apabila Yang Berhormat Menteri, Setiausaha Parlimen yang jual kelapa sawit pun ada di sini.

■1510

Semasa menjawab cabaran industri minyak kelapa sawit, Yang Berhormat Menteri telah menggariskan beberapa langkah. Saya pun balas jawapan bahawa ini merupakan langkah-langkah mempertahankan, mempertahankan, mempertahankan sehingga saya tak boleh tahan lagi. Mengapa saya tak boleh tahan? Sebab industri minyak kelapa sawit itu melibatkan beribu-ribu juta ringgit dan beratus-ratus pekerja, termasuk FELDA. Jadi apa yang saya tak boleh tahan? Kalau kita tahan sahaja dan kita tak serang, tahulah kita orang Malaysia. Kita ini cukup toleransi. Kita rakyat Malaysia, cukup bersabar, tetapi sebaliknya Orang Putih di sana seperti saya cakap, hidung dia banyak tinggi, dia suka campur tangan hal orang. Jadi kita mesti buat satu strategi secara bersepadu. Nampaknya KPPK mesti berusaha lebih kuat lagi. Sekarang nampaknya kita undur satu tapak, dan jika tak ada lagi tempat untuk undur, dia makan kita.

Oleh itu, saya merayu dan menggesa, mengapa KPPK mesti menerima pensijilan untuk minyak sawit kita? Seolah-olah kita tak mapan, seolah-olah kita ini tak jaga alam sekitar. Seolah-olah kita ini, minyak sawit semuanya tak tahu jaga. Itu benar kah? Kalau kita bandingkan, kita rakyat Malaysia juga perlu makan, kita perlu hidup. Betul kah kita tebang semua hutan, untuk tanam kelapa sawit? Kalau kita perjelaskan bahawa pokok kelapa sawit apabila di tanam akan hidup selama 25 tahun. Daunnya lebih besar daripada kacang soya. Kacang soya di tanam selama enam bulan kemudian di potong dan di tanam lagi. Itu mapan kah? Kacang soya lebih mapan daripada minyak sawit? Kelapa sawit kita mengeluarkan oksigen lebih banyak daripada kacang soya. Kalau hendak simpan hutan kita semua, kita buat satu bumbung di Malaysia supaya semua oksigen kita pakai. *You* hendak pakai oksigen, *you* bayar. Ini semuanya tipu helah perdagangan. Kenapa kita mesti terima pensijilan? Bermakna kita akui kita salah, kita tak mapan. *You* mesti sijil, itu hidung tinggi Orang Putih mari sijil.

Sebenarnya, pensijilan itu mesti dikenakan pada kacang soya, itu satu. Kedua, dari segi kesihatan, semua kajian telah membuktikan bahawa minyak sawit itu berkhasiat. Jadi kita mesti kenakan pensijilan ke atas kacang soya. Mengapa? Kerana kacang soya ada *transvestite acid* yang memudaratkan kesihatan. Bagi saya, saya cakap dengan panas, tak boleh tahan, itu hantu di sana bukan di sini. Sini malaikat semua. Hantu seberang sana. Ini adalah tipu helah

perdagangan dan kita jangan undur dengan izin, *it is a time we attack*. Kita tak boleh biarkan itu berlarutan, tak boleh meja bulat *stakeholder*. Lepas itu dia kenakan, katalah satu tan *you* bayar RM10. Mesti dan kita ada 16 juta tan pengeluaran kita. Kita bayar dia RM10 untuk satu tan, untuk mereka hidup, meja besar di *aircond*, walhal pekebun kecil kita susah-susah tanam kelapa sawit. Adakah itu *fair*, adil dan saksama?

Jadi saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengar baik-baik. Balik bawa telinga kepada Yang Berhormat Menteri, kita lawan balik. Kita lawan balik ya, sama-sama lawan balik. Jangan biar Orang Putih menipu melalui helah perdagangan. Bermakna, kalau kita simpan hutan, dia hendak tengok harimau kita, dia hendak tengok Orang Utan kita. Yang Berhormat *you* jangan potong. Minta Orang Putih itu datang kita bawa dia masuk hutan, harimau itu datang *then* dia berdiri sana kerana untuk alam sekitar. Harimau *you* makan saya. Panggil Orang Putih itu masuk hutan. Dia tak tahu hutan di sini lain daripada hutan di sana. Dia tak boleh bersaing dari segi kelapa sawit dan dari segi kayu-kayan. Hutan kita hidup 12 bulan satu tahun, sebab ini takdir tuhan di Malaysia. Bumi yang cukup baik, hujan ada, semua ada. Di situ enam bulan dia tidur. Dia betul-betul tidur. Jadi kayunya tak boleh besar. Bukan macam kayu getah kita cepat besar. Jadi macam mana dia bersaing? Dia kata alam sekitar. 70% negara kita ini dipayungi dengan semua pokok. Apa *you* hendak? *You* hendak 1,000 hektar, 2,000 hektar hutan kita bagi, termasuk Orang Putih, masuk jadi Orang Utan pun boleh...

[*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Apa *you* hendak? Jadi ini semua salah anggapan. Salah anggapan. Semuanya ada kepentingan perdagangan dengan izin, *we must not give a way, if we give a way, we'll dies...*

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya mohon mencelah.

Dato' Gooi Hoe Hin: Hendak habis. Okey...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ini berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Pertamanya, adakah kita menggalakkan ataupun menerima sekiranya pelesenan itu dikenakan kepada semua *vegetable oils* iaitu minyak sayur-sayuran. Pada pandangan saya, ini juga tak perlu dilakukan oleh kerana pengeksportan minyak kelapa sawit jauh lebih besar daripada minyak sayuran yang lain.

Keduanya, saya sedikit keliru, adakah kita dalam hendak memerangi Orang Putih untuk mengambil kelapa sawit kita, kita juga menerima hakikat bahawa kita harus *preserve* atau menjaga hutan-hutan kita, ataupun itu anggapan yang salah.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Saya ini betul-betul menentang pensijilan. Betul-betul kita tak boleh terima. *This is unfair trade practices*. Kalau kita bagi dia satu inci, paha pun dia hendak. *No*, kita tak boleh. Kalau pensijilan, dua-dua, ada 12 jenis minyak sayuran. Mana lebih mapan? Kita perlu memberi pandangan, kita perlu berhujah, dengan izin, *we must not patronize them anymore. We are independent, sovereign country*. Mat

Salih dia tak boleh bersaing, dia gunakan tipu helah alam sekitar lah, nanti kesihatan lah. Tak boleh jadi. Yang kedua soalan apa itu?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Hutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah lupa, apakah perkara yang kedua tadi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Hutan itu tadi saya cakap, kita rakyat Malaysia perlu hidup, perlu makan.

■1520

Mereka telah tebang semua dia punya hutan, sekarang datang Malaysia, you tidak boleh tebang pokok. Sekarang bagi syarahan kepada kita termasuk Kelantan, tidak boleh potong pokok. Jadi kita cakap senang sahaja, *you* ada hutan 1,000 ekar, kita pun ada hutan 1,000 ekar. Kita keluar karbon dioksida berapa, *you* keluar karbon dioksida berapa? Kita kira, duduk baik-baik kira. *You* punya karbon dioksida katalah satu tan, kita cuma 50 tan. Pergi tanam lebih pokok dulu, sebelum cakap, itu satu.

Dua, kalau *you* hendak simpan kita punya pokok, kita ada *opportunity cost*, *you* bayarlah keluaran oksigen kita. Kita boleh bincang di United Nations UNEP, kita boleh bincang tetapi sertaina kata, "Oh ya, ya bawa sini kita tidak boleh potong, kita tidak boleh potong."

Saya pernah pergi ke British Columbia, saya pernah pergi ke Alaska, saya pernah pergi ke Kanada, mereka potong sampai hari, besok pun tidak tahulah. Ini cara semuanya tipu helah, saya harap KPPK, banyak kali saya cakap, mesti lebih tegas. Kawan, *no more* bertahan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Boleh Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat mempertahankan supaya kelapa sawit tidak disijilkan, cuma saya ingin tahu, siapakah Orang Putih itu sebab Orang Putih pun ramai? Adakah dari blok Amerika ataupun dari blok Eropah, dan adakah kita tertakluk kepada pensijilan tersebut untuk dijual kelapa sawit kita kepada mana-mana negara termasuk negara Arab?

Dato' Gooi Hoe Hin: Orang Putih itu semua, samalah. Semua sama, sama ada Amerika Syarikat, Eropah sama sahaja. Jadi kesimpulannya di situ, yang saya hendak tegaskan ialah bahawa, negara Malaysia sebuah negara yang berdaulat. Kepentingan rakyat itu di mana hasil daripada pengeksporan minyak sawit, mungkin tahun ini akan mencecah sehingga RM36,000 juta. Pekebun-pekebun kecil yang kita perlu bela nasibnya selain daripada syarikat-syarikat besar. Nampaknya sekarang syarikat besar yang berkumpul di meja bulat telah membuat keputusan. Bukannya pensijilan, dia punya cara banyak senang.

Pada awalnya pensijilan kepada Eropah, selepas itu dia akan tekan melalui rundingan pelbagai helah. Walaupun sekarang kita bergantung pada negara China, Pakistan dan negara India, tetapi kita mesti melihat lebih jauh daripada itu. Kita tidak boleh mengamalkan sikap bahawa,

kita tidak peduli untuk pasaran di Eropah dan Amerika Syarikat sebab India, China dan Pakistan ada. Kalau *you* amalkan sikap itu, bermakna *you* terperangkap. Apabila sistem perdagangan liberalisasi dan globalisasi, *you* akan terperangkap dengan pensijilan itu.

Saya banyak lagi hendak cakap, oleh kerana saya mesti pegang kepada janji untuk membenarkan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah meneruskan. Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2007. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah, selepas itu Dato' Saripah Aminah. Dato' Dr. Norraesah akan mengambil masa berapa lama, agak?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

3.24 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan dan memberikan peluang bagi saya untuk membahaskan akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan 2007.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Dato' Dr. Norraesah Dato' Saripah Aminah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Seperti apa yang telah pun diperkatakan oleh kawan-kawan sebelum ini, iaitu ini adalah akta untuk memohon tambahan sebanyak RM9 bilion lebih daripada anggaran perbelanjaan yang seperti kita ketahui anggaran seperti maknanya ialah satu anggaran. 54% daripada jumlah peningkatan ini adalah untuk pembayaran emolumen. Saya hanya akan menyentuh tentang tiga kementerian iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pelajaran yang merupakan satu kementerian yang memohon tambahan yang terbesar sekali.

Namun ketiga-tiga kementerian ini adalah dikaitkan kepada tiga elemen atau isu yang hendak saya bangkitkan iaitu isu berkenaan dengan kedaifan, tamak dan emosi. Tiga elemen yang hendak saya bangkitkan. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum kepada Ahli-ahli Dewan Negara, bahawa terdapat dalam *Jewish prayer* iaitu doa kaum Yahudi untuk kaum lelaki pada waktu pagi yang berbunyi dengan izin, "*Thank you God, for not making me a woman...*". Ini adalah doa pagi untuk kaum lelaki orang-orang Yahudi. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa seorang wanita itu melalui satu hidup yang amat sukar, maka mereka bersyukur mereka bukan menjadi seorang wanita.

Namun, saya bersyukur saya seorang wanita yang dilahirkan di Malaysia. Saya bersyukur, kerana datuk saya membuat keputusan untuk berhijrah daripada negara China ke negara Malaysia. Saya bersyukur, kerana dilahirkan di sebuah negara yang amat baik, mulia, subur, aman dan damai. Sekarang ini yang menggegarkan dunia ialah pertumbuhan ekonomi yang amat pesat di negara China dan di negara India. Saya bersyukur juga, kerana mentua saya, besan saya maaf,

datuknya membuat keputusan untuk berhijrah daripada negara India ke Malaysia. Maka dapatlah saya menantu yang asal usulnya daripada negara India.

Negara India, negara China, adalah dua buah negara yang pesat dalam pertumbuhan KDNKnya. Di mana kaitannya negara China, negara India dengan kedudukan kita di Malaysia? Mungkin ada yang mengatakan bahawa, "Norraesah patut duduk di negara China sekarang ini." KDNK negara China kadar pertumbuhannya 10.1%, tiap-tiap tahun. China merupakan negara kredit yang terbesar di dunia, jumlah trilion Amerika Syarikat. Namun di masa saya akan membesar itu ialah, masa Mao Tse-tung, *The Red Revolution* dengan izin, dan juga *Tiananmen Square. Events* ini, peristiwa-peristiwa ini adalah sesuatu yang mungkin, saya ini tidak akan hidup sampai umur macam ini.

Saya hendak katakan di sini bahawa, kita di tanah yang cantik, suci yang tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna yang indah, harus bersyukur kita berada di sini. Saya bersyukur kerana datuk, nenek saya berhijrah dari China dan juga India datang ke sini. Apa yang hendak saya katakan di sini di Dewan Negara sekarang, ialah kadangkala kita mengambil endah tidak endah, tentang apa yang kita ada. Kita beremosi, kadangkala emosi kita ini adalah datangnya daripada kedaifan dan juga tidak ada ilmu dan *greed*. *Greed* itu ialah rasa tamak dan haloba.

Saya mengambil contoh, seorang wanita bernama Umi berasal dari Kelantan yang telah dijatuhkan hukuman mati di negara China, kerana membawa dadah sebanyak 29 kilogram. Adakah ini kerana tamak ataupun kedaifan tentang undang-undang, tentang perbuatannya ataupun akibat perbuatannya? Keduanya, adakah kita memotong pokok hutan kita dan segala bukit yang ada, oleh sebab tamak atau kedaifan.

■1530

Oleh sebab kedaifan di sini ialah tidak memahami tentang apa yang berlaku mengenai dengan *climate change*. Ini saya ada sikit lari daripada sahabat saya Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe dalam perkara hutan dan pembalakan ini, tapi saya akan memberi huraian terhadap perkara ini.

Di sini yang ketiganya, adakah wanita daripada Sri Langka yang berumur 22 tahun itu menulis tentang Malaysia yang kita ini aparteid, adakah kerana kedaifan ataupun tamak? Oleh kerana dia hanya 22 tahun, tentu sekali ada desakan ataupun ganjaran yang diberi di bawah nama tamak itu yang mengakibatkan dia menulis perkara-perkara yang palsu tentang negara kita. 22 tahun, umur saya tak payah cakaplah, memang dah dekat nak sampai dah lah tu, apa yang orang panggil itu, yang dok panggil kita itu tetapi kita merasai dan melalui segala ranjau, segala kesusahan, segala pengorbanan yang dilalui..

Tuan Yang di-Pertua: Ayat tergantung begitu rupa. Bahaya tu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Ayat tergantung begitu rupa..

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ha, itu saya rasa..

Tuan Yang di-Pertua: ..bahaya itu. Nanti orang ingat mati ke lain ke.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Apa dia itu Tuan Yang di-Pertua? Saya kurang faham. Tentang umur kah?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tentang umur? Tak apa, itu *guessing word*, itu boleh *guess* sajalah. Masih muda sebenarnya kerana saya ingin hidup 100 tahun. Jadi, para Yang Berhormat Ahli Dewan Negara, kadangkala kita tidak mengenali apa yang kita ada, kita tidak dapat membuat perbandingan dengan apa yang kita ada dengan apa yang ada di negara lain.

Negara China umpamanya, kita hanya mendengar tentang pertumbuhan ekonomi yang amat pesat, 10.1%. Kita mendengar tentang jumlah rizabnya yang begitu tinggi, tetapi kita tidak melihat pada 40% daripada penduduk di luar bandarnya tidak mempunyai air yang bersih untuk diminum. Di negara India, kita mendengar tentang Bangalore, IT yang pesat dibangunkan. Tentang Narayanan Murthy iaitu CEO INFOSYS, tentang Lakshmi. Siapa namanya? Lakshmi Mittal, di antara orang yang terkaya di dunia datang daripada India. Nombor satu dan nombor tiga yang terkaya ialah daripada India.

Kita melihat kepada benda yang hebat-hebat sahaja. Namun, 830 *million* daripada penduduk di India adalah di bawah apa yang dikatakan *poverty line*. Hanya mendapat 40 Rupee satu hari. Ini adalah fakta-fakta yang kita peroleh daripada *World Bank*. Jadi di sini, apa yang saya ingin menekankan ialah *stability politic* merupakan sesuatu yang *fundamental* di negara kita, yang membolehkan kita maju, berjaya dan meningkatkan kedudukan pembangunan kita.

Maka di sini kita dapat melihat bahawa apa yang dirasai di luar itu, keindahan yang kira rasai adalah jauh lebih besar dan indah. Ini apa yang saya hendak tekankan di sini ialah, bahawa kita semua harus sedari kadangkala kedaifan itu yang meningkatkan emosi yang tak tentu hala. Emosi ini, kalau sebut tentang emosi ini Tuan Yang di-Pertua, yang harus beremosi ini selalu orang kata wanita. Wanita selalu beremosi tetapi kalau kita lihat pada fakta, 50% daripada penduduk adalah wanita. Jumlah pekerja adalah wanita, 49%, namun menteri-nya tiga saja.

Di Dewan Rakyat hanya 10.1% saja wanita. Yang patutnya rasa tertindas, wanita. Yang sepatutnya kalau emosi diizinkan oleh kita, kitalah yang buat rusuhan jalanan tetapi wanita tenang, pragmatik, praktikal, sentiasa bersyukur. Apa jua pun, kita sentiasa berusaha hingga sekarang 70% daripada graduan adalah wanita, tetapi CEO dalam GLC, sekoq pun tak dak lagi tapi kita tidak merusuh, kita terus berusaha. Ini yang harus kita sebarkan kepada semua rakyat Malaysia, bahawa kita harus terus bekerja, berusaha untuk mencapai sesuatu untuk memenuhi kehendak kita.

Saya rasa mesej yang hendak kita sampai itu adalah jelas. Saya rasa tidak payahlah saya ulangi lagi tapi saya ingin menyentuh tentang apa yang kita sebut tentang perpaduan yang sering

disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi iaitu perpaduan, Yang Berhormat M. Munusamy telah menyebutkan tadi, bahawa elemen perpaduan itu adalah amat penting dan harus diharungi oleh semua rakyat Malaysia.

Saya amat bersetuju sekali dan sungguhpun kita sudah ada perpaduan, rusuhan jalanan menunjukkan bahawa ada sesuatu yang belum tepat dan kena yang harus kita perbaiki. Ini adalah satu apa yang kita katakan hikmah. Hikmahnya ialah masih ramai yang daif, yang tidak mengenali apa yang sebenarnya ada di dalam negara ini, dan kalau sekiranya Yang Berhormat M. Munusamy tadi menyebut tentang perlu adanya buku tentang perpaduan, pada saya Tuan Yang di-Pertua, perpaduan itu adalah sesuatu yang bukan teori dan tidak harus dipelajari secara akademik. Ia harus dihidupkan, harus dilakukan. Sesuatu yang bernyawa, sesuatu yang bernyawa tidak boleh dibaca daripada buku. Sungguhpun ada garis panduan yang akan menunjukkan bahawa perjuangan orang yang sebelum kita itu dapat membantu kita mencapai perpaduan, tetapi..

Tuan Yang di-Pertua: Macam cintalah. Bukan payah baca buku.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Lebih pada cinta, Tuan Yang di-Pertua. Falsafah yang dihuraikan oleh Tuan Yang di-Pertua kadangkala saya agak kagum dan kadangkala rasa tak tahu macam mana nak respons sebab terlalu *instantaneous*. Ini hanya orang yang banyak pengalaman yang dapat menjawab dengan secara spontan macam itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita pun dalam proses mempelajari daripada pengalaman Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghidupkan rasa perpaduan, penghayatan tentang betapa pentingnya perpaduan menjadi asas kepada *stability* negara, dihidupkan terlebih awal dahulu oleh ibu bapa di rumah.

Kita jangan mengharapkan sekolah sahaja. Daripada rumah itu, ibu bapa sebagai guru yang utama. Permulaannya datang daripada rumah. Kalau ibu bapa pun buat tak kisah saja, anak-anak juga tidak akan peduli tentang soal perpaduan. Maka bermula dengan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, bermula dengan saya, bermula dengan Yang Berhormat Tuan Maijol dan semua kita di sini...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju bahawa perasaan cinta mula di peringkat awal dan masalah perpaduan di Malaysia ini saya rasa semua tahu bahawa kita tidak bermula di awal. Perpaduan di antara kaum ini kita tidak mula di awal. Sistem pendidikan adalah faktor yang semua orang tahu.

Kita tidak menyatukan antara kaum dari peringkat awal, daripada peringkat sekolah rendah. Jadi kerana kita tidak menyatukan di peringkat awal, maka perasaan cinta antara kaum itu tidak sukar. Kita mula di peringkat pertengahan sekolah menengah, kita mula di universiti. Sedangkan kalaulah kita mula di peringkat sekolah rendah, daripada awal mengenal Alif, Ba, Ta, mengenal 'A', 'B', 'C'. Saya rasa kalau itu dapat dilakukan antara kaum di Malaysia, perpaduan saya rasa lebih kukuh dan tidak akan berlaku seperti ini. Pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ditanya keikhlasan hati saya tentang isu ini, saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Berhormat. Pada saya, kita sudah pun melakukan suatu kesilapan yang amat besar apabila kita mengizinkan persekolahan pendidikan kita dengan adanya aliran Jenis kebangsaan dan kebangsaan.

■1540

Ini dengan ikhlas saya sebut, bukan saya menolak polisi yang sudah ada tapi saya mengatakan di sini, bahawa polisi ataupun dasar yang kita sudah lakukan lama dahulu adalah satu kesilapan tapi kita masih boleh buat *u-turn*, *u-turn* bukan bermakna hapuskan sama sekali Sekolah Jenis Kebangsaan, tetapi kita kuatkan pembelajaran di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang terdiri daripada kanak-kanak Tamil dan kanak-kanak Cina, tetapi di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ramai orang Melayu sudah pun memasukinya dan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil saya rasa tidak ada. Kalau kita dapat lihat ini, kita kena ikhlas tentang perkara ini. Ini bukan soal ideologi, bukan soal kepentingan, kedudukan politik, tetapi keikhlasan untuk mencapai perpaduan. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ismail Kassim: Minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat, kalau kita membuat sedikit perbandingan dengan negara jiran kita, iaitu Thailand dan Indonesia. Melihat walaupun dari satu segi mereka kurang mencapai kejayaan, kalau dibandingkan dengan kita, tetapi dari segi perpaduan kita lihat mereka begitu berjaya dalam memupuk jati diri rakyat dengan begitu berkesan, dan kita tengok bukan kita mengambil contoh kaum yang sedia ada di negara masing-masing tapi orang luar yang masuk bermastautin walaupun 5, 6 bulan mereka sudah mampu menguasai bahasa Indonesia dan bahasa Thailand dengan baik.

Saya mengambil contoh ini, contoh yang paling tepat ialah saya buat pilihan, *selection* untuk pemain bola sepak. Pemain importlah isi tiga kuota yang dikehendaki oleh FAM. Ada seorang pemain daripada Amerika Latin, bila saya tanya dalam Bahasa Inggeris, dia jawab dalam Bahasa Melayu. Dia kata, "Saya berasal dari Buenos Aires, Argentinalah, jadi bisa saja saya bermain di posisi mana pun". Jadi bayangkan, saya kata, "Berapa lama kamu tinggal di Indonesia?" "Enam bulan", menguasai dengan fasih dan lancar. Jadi menunjukkan bahawa kalau Yang Berhormat Dato' bangkitkan soal sistem, kenapa di kedua-dua negara ini mereka telah berjaya mengutarakan satu keadaan yang pada kita cukup mengagumkan. Begitu juga dengan Thailand, orang Negro dari Afrika.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, mencelah cukup.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih, jadi saya nak bagi contoh Yang Berhormat. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua dah maklum, jadi apakah pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan gangguan yang terlalu lama sebab masa Yang Berhormat terhad, jadi kasihan pada beliau.

Tuan M. Munusamy: Saya mohon, ini ada satu perkara penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, beliau beri laluan tapi jangan ambil masa terlalu lama.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Yang Berhormat Dato', cuma saya ingin merujuk kepada pandangan Yang Berhormat Dato' berkenaan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah vernakular ini.

Saya memang tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, bahawa kita telah buat silap apabila kita wujudkan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina di negara ini. Memang sekolah-sekolah *vernacular* ini wujud di negara ini bukan 50 tahun, tapi sudah beratusan tahun. Semenjak sekolah-sekolah ini ada sehingga sekarang, kita tidak ada masalah perpaduan.

Sebenarnya kita memang tidak ada masalah perpaduan pun sekarang, tetapi cuma kita kena cari jalan untuk meningkatkan perpaduan itu di kalangan pelajar-pelajar kita dan juga masyarakat kita. Sistem ini telah diamalkan dengan baik, semua dah terima, tidak payahlah kita ambil *u-turn* dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, saya memang sudah menjangkakan pandangan ini. Walau bagaimanapun, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Ismail tadi, Yang Berhormat Dato' sememangnya tidak ada mana-mana negara di dunia ini yang mempunyai dua tiga jenis sistem pendidikan, hanya satu. *One language*, di Francis, di England, di Amerika dan lain-lain. Tetapi bahasa-bahasa lain diajar, jadi memanglah kalau kita ini semuanya mempunyai potensi dan *potential* yang amat besar, manusia ini dijadikan oleh Allah, oleh Tuhan sedemikian. Kalau dipaksa untuk mempelajari sesuatu bijaklah kita. Sememangnya di Thailand, Bahasa Malaysia ini untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah satu bahasa yang senang sekali dunia, yang paling senang. Sebab ianya disebut sebagai ianya di *spelling* ia disebut seperti yang ditulis saya "S-A-Y-A" dalam bahasa Perancis "S-O-M-M-E-S" itu *sommes*, kalau kita sebut '*sommes*' tetapi cukup mudah Bahasa Malaysia dipelajari.

Apa yang Yang Berhormat Tuan M. Munusamy sebutkan tadi itu memang saya tidak menyarankan *u-turn*, tetapi saya pegang pada pendirian ikhlas saya bahawa kita sudah pun membuat satu kesilapan. Ini saya pegang dengan tegas, tetapi bukan bermakna kita membuat *u-turn*. Saya bersetuju dengan beliau bahawa sesuatu harus dilakukan untuk memperkuatkan lagi perpaduan. Kalau kita mengatakan bahawa perpaduan kita masih kukuh tidak retak, ini adalah satu *state of denial*. Saya rasa sebagai pemimpin yang berwibawa, kita bermula untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan memperakui bahawa ada sesuatu yang tidak kena, yang tidak sempurna dan harus dihalusi dan diperbaiki.

Semasa saya kecil dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai banyak sahabat daripada kaum India dan kaum Cina. Saya dipisahkan apabila saya masuk ke Tunku Kursiah

hanya orang-orang Melayu sahaja di sana. Tapi bila saya masuk balik ke universiti, pergaulan saya antara kaum amat baik sekali. Oleh kerana daripada awal saya dididik dan saya memahami tentang budaya dan juga cara hidup bangsa lain, jadi ini saya rasa kalau kita hendak membentuk manusia itu haruslah masa dia kecil, masa muda. Tetapi kalau dah tua itu susah sikit, ini dalam semua perkara.

Saya tidak mengatakan bahawa tidak ada perpaduan – ada, tapi tidak mencukupi. Sesuatu yang mudah, yang rapuh, yang senang sahaja dikepak. Jadi ini adalah sesuatu yang kita harus fikirkan bersama dan saya, kalaulah dikatakan bahawa semuanya yang saya sebutkan tentang kedaifan tadi, kita harus mengenal pasti dengan penuh kepastian, fakta-fakta data dan statistik yang akan membantu dalam apa jua yang kita lakukan. Umpamanya kita tidak boleh mengatakan bahawa sesuatu kaum itu yang dipinggirkan tanpa benar-benar mengetahui tentang kedudukan sebenar.

Umpamanya baru-baru ini di Singapura terdapat satu *conference*, persidangan mengenai *affirmative action*, tindakan *affirmative* dan di sana ada tiga *researchers*, penyelidik daripada Malaysia dan ada di antara penyelidik ini yang mengatakan bahawa *urban poverty*, iaitu kemiskinan bandar adalah sesuatu yang amat dahsyat, yang lebih teruk daripada kemiskinan luar bandar. Ini untuk mengelabukan mata, umpamanya mengatakan bahawa hanya sesetengah manusia, sesetengah kaum sahaja yang dipelihara untuk menurunkan kemiskinan. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat semua *urban poverty*, dengan izin, ataupun kemiskinan...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat terus kepada *urban poverty*, saya faham bahawa mengikut hujah-hujah dan celahan-celahan yang saya dengar tadi, kalaulah pernyataannya ialah perpaduan negara akan lebih mantap andai kata kita pilih 50 tahun dahulu hanya satu sistem dan satu aliran pendidikan. Dua Senator setuju, satu Senator tidak setuju. Itu yang saya hendak jelaskan.

■1550

Sekali lagi perpaduan negara kita akan lebih mantap, andai kata kita pilih 50 tahun dahulu supaya sistem pendidikan kita hanya satu sistem dan satu aliran. Sudah tentu ini sesuatu yang ada pihak yang setuju, ada yang tidak setuju dan kita biar begitu sahaja.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini memerlukan jawapan daripada saya? Adakah ini satu...

Tuan Yang di-Pertua: Hanya sejarah akan memberi jawapan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Hanya sejarah akan menentukan. Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang...

Tuan Yang di-Pertua: *Urban poverty*.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: ...*Urban poverty*, tentang kemiskinan bandar. Jumlah kemiskinan bandar sekarang ini ialah 12,000 *household*, isi rumah dan mereka yang miskin ini pembahagiannya di antara kaum adalah sama sahaja, lebih kurang. Kemiskinan luar bandar, jumlah *household* ataupun isi rumah ialah 300,000 isi rumah dan 90% daripada bumiputera. Jadi di sini hakikinya kita harus menerima, bahawa kemiskinan bandar kian meningkat, tetapi tidak bermakna bahawa kemiskinan luar bandar itu sudah pun menurun. Maknanya kedudukan kemiskinan luar bandar masih tenat, namun kemiskinan bandar meningkat.

Ini adalah dua pengertian yang harus kita fahami, yang harus kita tahu dan janganlah kita terikut-ikut dengan pandangan yang diberikan oleh sesetengah manusia, yang hendak menimbulkan rasa marah dan emosi yang tidak terkawal. Kenyataan fakta harus kita tahu. Di sini saya hendak menekankan kedaifan itu akan dapat menimbulkan emosi dengan mudah, kerana kita tidak memahami dan mengetahui tentang data yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak menyentuh tentang alam sekitar. Alam sekitar, saya dua kali menghadiri mesyuarat persidangan mengenai *climate change*, perubahan...

Tuan Yang di-Pertua: Iklim.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: ...Iklim dan juga *global warming*. Dan semasa di Delhi, saya membenteng kertas kerja mengenai *sustainable development* bermakna pembangunan lestari dan penjagaan alam sekitar. Jadi saya merasa amat *passionate* sekali tentang soal penjagaan alam sekitar. Jadi di sini saya ingin membuat teguran sedikit, Tuan Yang di-Pertua, terhadap apa yang saya lihat dengan mata saya sendiri di Wilayah Persekutuan. Bukit-bukit sudah hampir habis di Mont Kiara. Namanya Mont Kiara. *Mont* dalam bahasa Perancis ialah *mountain*, bukit tetapi tidaklah dapat kelihatan lagi bukit. Saya risau kerana apa yang kita katakan alam sekitar ini sebenarnya ialah *our natural capital*, dengan izin, dan ia adalah satu ekosistem yang sebenarnya membolehkan kita hidup dengan senang. Dan apa kita katakan tentang pembangunan lestari, *sustainable development* ialah mendapatkan kemewahan hidup sekarang ini tanpa menjejaskan kehidupan anak cucu kita.

Di sini adakah kita dengan senang-lenangnya hilangkan bukit-bukit kita untuk pembangunan, untuk mengizinkan pemaju-pemaju rumah mendapat keuntungan yang lumayan dan mereka yang berkeupayaan mendapat rumah yang mewah, tetapi sebenarnya ekosistem yang dapat membantu hidup kita senang dan baik itu akan terjejas. Maknanya mereka yang akan terjejas daripada akibat kemusnahan ekosistem itu adalah juga daripada mereka yang akan menikmati rumah-rumah yang indah dan cantik daripada pemotongan bukit-bukit itu.

Jadi di sini saya ingin mengatakan bahawa sungguhpun kita hendak meningkatkan – ini saya kaitkan dengan hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi tadi, sungguhpun kita hendak meningkatkan jumlah pendapatan kita daripada minyak kelapa sawit,

tetapi kita harus mempunyai satu *balance*, keseimbangan yang baik di antara keperluan eksport kita dengan keperluan untuk menjaga ekosistem kita.

Jadi atas dasar untuk menunjukkan bahawa kita berkeupayaan menjaga pokok kelapa sawit yang hijau, yang panjang daunnya, kita harus juga menjaga hutan rimba kita. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam erti kata yang sama, terowong yang hendak dilakukan, yang hendak mengaitkan, yang hendak membawa air dari Pahang ke Selangor itu harus kita kaji dengan berhati-hati, oleh kerana bukan hanya setakat sayangkan Orang Asli, tetapi jauh lebih daripada itu adalah sayangkan alam sekitar kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, saya memang peminat bacaan buku-buku dan di antara penulis-penulis yang amat saya gemar, ialah penulis-penulis dari negara India seperti Varma, Ameer Kumar dan saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sering mengenali Shashi Tarur yang menulis buku yang dinamakan "*The Great Indian Novel*".

Di sini saya dapat melihat bahawa kita dapat mempelajari banyak daripada negara India, sungguhpun kemiskinan begitu getir sekali, tetapi ada juga perkara-perkara yang baik yang harus kita pelajari daripada mereka iaitu pertama, dalam satu tahun mereka mengeluarkan *40 million middle class*. Jadi maknanya ada juga di antara mereka yang terlalu miskin dapat meningkatkan cara kehidupan mereka melalui *hard work*, melalui kerja, usaha, komitmen untuk mencapai kejayaan dan di antara misalan contoh yang terbaik ialah Narayana Murthy iaitu orang yang membina informis yang terkenal itu.

Jadi di sini apa yang hendak dikatakan ialah, keusahawanan itu ialah sesuatu yang harus kita ambil sebagai karier kita, sebagai satu komitmen untuk meningkatkan kedudukan status ekonomi kita. Kepada mereka yang merasakan kurang puas hati dengan kedudukan yang ada, ambillah contoh daripada ini sebab contoh-contoh begitu banyak sekali. Ada seorang yang dinamakan dalam buku ini, dia berjalan kaki 10 kilometer sehari untuk menduduki untuk mempelajari sesuatu, untuk memasuki institusi teknologi di India. Sekarang Bangalore memang terkenal dengan ITnya.

300,000 orang menduduki peperiksaan, yang dipilih hanya 2,000. Kalau kita di Malaysia ini sudah patah hati, rasa sudah tidak ada semangat tetapi mereka akan terus berusaha lagi dan tidak ada putus harapan untuk mencapai kejayaan. Di sini menunjukkan bahawa sebenarnya apa yang ada di negara ini juga adalah..

Kemiskinan kita adalah 2.7% sahaja daripada jumlah penduduk 26 juta. Jadi maknanya peluang-peluang untuk meningkatkan cara hidup kita, status ekonomi kita adalah begitu luas sekali kalau kita berusaha, kalau kita membuat pilihan sedemikian rupa.

Kita harus menyangkal bahawa kita ini negara aparteid. Saya membuat *research* semalam, Tuan Yang di-Pertua, tidur sampai pukul 3.00 pagi untuk mengenali apa maknanya aparteid, tetapi saya rasa tidak payahlah. Di sini saya rasa aparteid ialah *segregation of race*,

pengisihan undang-undang melalui undang-undang dan ianya diinstitusikan di *South Africa*, negara Afrika Selatan, undang-undang 1948. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Aparteid ialah satu definisinya, guna bilik air berasingan mengikut kaum.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Mengikut kaum dan ia segregasinya ada tiga klasifikasi, dengan izin, *white, black and colored*. Kalau kita ini ada di sana, kita ini *colored* lah. Dan *intermarriage* tidak diizinkan langsung. Di sini, Munusamy boleh kahwin dengan Yang Berhormat Chun. Anak dia, *sorry.... [Ketawa]* Jadi maknanya kita pun tidak boleh tunggu anak kita, kita pun boleh juga.

■1600

Jadi ini bermakna saya rasa, kalaulah kenyataan ilmu itu ada pada tangan kita, pada otak pemikiran kita, pada hati kita yang ikhlas, maka dengan izin saya menyebut, "*Satiya neve jayate*". Ini Yang Berhormat Puan G. K Loga pun tidak tahu. "*Satiya neve jayate*" ini adalah slogan yang terdapat kepada Kerajaan India. Ia bermakna dengan izin, *the truth always triumph*. Kebenaran itu akhirnya akan menyerlah, akan menang. Jadi, apa pun yang berlaku di negara kita ini, saya rasa akhirnya kalau kita benar-benar memahami tentang kebenaran, kita akan sebenarnya menjadi satu negara yang maju, berjaya dan aman. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

4.01 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita dapati bahawa isu-isu perkauman telah dimainkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, yang menggambarkan seolah-olah tidak ada yang betul, yang telah dibuat oleh kerajaan dalam membangunkan negara ini.

Ketika negara menghadapi peristiwa 13 Mei pada tahun 1969, pucuk pimpinan negara kita pada ketika itu telah mengambil langkah-langkah yang wajar, dan berpandangan jauh serta menyusun semula struktur ekonomi masyarakat kita demi untuk memastikan bahawa punca sebenar masalah ditangani dengan berkesan. Hasilnya adalah apa yang kita lihat pada hari ini. Kita membangun bersama-sama dan telah menikmati erti kedamaian dan hidup harmoni sejak beberapa dekad yang lepas. Keharmonian yang selama ini kita kecapai bukanlah satu kebetulan. Kerajaan bekerja keras untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia menikmati pembangunan dalam suasana yang aman dan damai, tetapi suara-suara sumbang yang

kedengaran pada tahun di mana kita merayakan dan menyambut kemerdekaan yang ke-50 memerlukan kita untuk melihat kenapakah ianya berlaku.

Kadang-kadang apabila kita membaca komen-komen yang keterlaluan di *internet* terutamanya komen-komen mengenai sesuatu etnik ataupun kaum, kita berasa sedih kerana mereka yang menulis ini lupa bahawa kedamaian dan pembangunan yang kita kecapai sekarang boleh hilang dalam sekelip mata, hanya dengan kata-kata yang tidak bertanggungjawab ini, yang boleh menghasut masyarakat awam, yang mungkin terpengaruh dengan diayah-diayah yang disebarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu yang mengatakan, "*Meluntur buluh hendaklah dari rebungnya*". Sekiranya kita mahu generasi rakyat Malaysia yang bertoleransi pada masa hadapan, kita perlu menanam benih-benih perpaduan dan kasih sayang kepada anak-anak kita di peringkat sekolah rendah lagi. Anak-anak kita perlu membina persahabatan sesama mereka tanpa mengira kaum. Jika mereka belajar bersama-sama, bermain bersama-sama, jatuh bangun bersama-sama, bersaing bersama-sama, anak-anak ini akan belajar mengenai erti budi bahasa dan budi masing-masing. Sebarang masalah yang dihadapi adalah mengenai individu yang tidak ada kena-mengena dengan budaya, agama ataupun suku kaum seseorang.

Akan tetapi, sistem pendidikan kita pada hari ini, negara kita telah mempunyai sekolah-sekolah kebangsaan dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di peringkat rendah, telah menafikan peluang untuk anak-anak kita untuk belajar, bermain dan bersaing bersama-sama. Apabila tibanya mereka di peringkat menengah, mereka masih lagi terpisah. Anak-anak Melayu dan India akan belajar di sekolah-sekolah kebangsaan dan anak-anak Cina masih di sekolah aliran Cina. Masuk ke peringkat universiti, institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) juga mempunyai lebih ramai pelajar-pelajar Melayu. Manakala institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan menjadi tumpuan pelajar-pelajar bukan Melayu. Apabila bekerja, trend ini masih berterusan, yang Melayu lebih ramai ke sektor awam dan ramai juga yang bekerja di sektor swasta. Manakala bukan Melayu kebanyakannya adalah di sektor swasta. Jika beginilah situasinya bagaimanakah dapat kita mengharap agar generasi yang akan datang akan lebih bertoleransi sesama mereka. Ketidakpercayaan akan mudah dimanipulasikan oleh golongan-golongan tertentu yang tidak bertanggungjawab.

Keadaan ini diburukkan lagi apabila kita melihat kepada saluran-saluran televisyen kita pada hari ini. Kalau dulu rakyat Malaysia hanya menonton RTM1, RTM2 dan TV3 di dalam bahasa Malaysia, kini kewujudan saluran-saluran kabel TV seperti Astro yang menawarkan saluran-saluran yang pelbagai bahasa mengaut keuntungan, tanpa mengira tindakan mereka itu akan memusnahkan dan menjatuhkan perpaduan di kalangan kita. Sekali lagi bahasa juga tidak lagi dapat menyatukan bangsa Malaysia kita.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran agar membuat program khusus iaitu program pertukaran pelajar antara pelajar-pelajar sekolah kebangsaan dan pelajar-pelajar sekolah-sekolah Cina dan Tamil baik di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah. Tujuan program ini adalah supaya anak-anak kita lebih terdedah dengan suasana pembelajaran yang berbeza, dan mula belajar untuk mengenal rakan-rakan mereka dari etnik lain dengan lebih dekat lagi. Tempoh masa pertukaran ini mungkin untuk satu atau dua bulan dan seharusnya tidak mengganggu pembelajaran mereka.

Ia mungkin boleh dilanjutkan lagi ke bidang sukan, di mana pemain-pemain daripada sekolah kebangsaan digabungkan dengan pemain-pemain dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina. Kita harus mengajar anak-anak kita bahawa kita tidak bersaing dari segi kaum atau etnik tetapi bersaing dari segi kebolehan dan kemampuan.

Selain daripada itu wujudkan juga persatuan-persatuan perhubungan pelajar di sekolah-sekolah supaya mereka dapat merancang aktiviti-aktiviti sesama mereka, dan dapat saling bantu-membantu terutamanya jika terdapat masalah-masalah tertentu antara pelajar-pelajar.

Satu kajian di Amerika Syarikat mendapati bahawa konflik di antara pelajar lebih mudah diselesaikan jika mereka dibiarkan untuk menyelesaikannya sendiri pertikaian tersebut tanpa campur tangan pihak ketiga, atau campur tangan guru-guru dan orang-orang dewasa. Kita sedar bahawa kementerian sedang mengambil langkah-langkah tertentu di bawah rancangan integrasi murid untuk perpaduan, untuk melahirkan golongan pelajar yang bersatu padu dan saya harap agar cadangan-cadangan ini turut diambil kira dalam melaksanakan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan dan integrasi adalah isu yang penting dalam negara kita sejak dari kita mula mencapai kemerdekaan sehinggalah ke hari ini, dan ia akan terus menjadi isu yang penting di masa-masa yang akan datang, kerana hanya dengan kewujudannyalah kita dapat menikmati pembangunan dan kemakmuran yang ada pada hari ini. Benih-benih perpaduan yang telah disemai pada masa lalu harus terus dibaja dan disiram agar ianya dapat membentuk bangsa Malaysia yang lebih harmoni dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

■1610

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz.

4.11 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada hari ini. Sebelum saya memulakan perbahasan, saya ingin menyentuh beberapa kementerian. Mungkin kita mengguna pakai beberapa cara bagi meningkatkan lagi perjalanan pentadbiran negara kita.

Yang pertama menyentuh tentang B.46 – Kementerian Sumber Manusia di mana semalam telah dibekalkan dengan rang undang-undang yang baru di mana kita meluluskan Akta Kesatuan Sekerja yang mana dalam akta ini telah meluluskan bahawa mana-mana orang yang telah pun mungkin, mendapat penindasan semasa bekerja, akan mendapat ganjaran daripada 1 hingga 24 hari bulan.

Jadi yang saya minta daripada kementerian agar mengemukakan mekanisme dan struktur dan manual perjalanan kes bagi menentukan kes-kes yang dihadapi di Mahkamah Industri dapat diselesaikan dalam masa kurang daripada 24 bulan kerana berdasarkan jawapan Timbalan Menteri semalam, terdapat kes-kes yang dilaporkan tidak diselesaikan lebih dari tiga tahun. Jadi kita mohon agar perkara ini dapat diberikan satu jaminan supaya pekerja-pekerja ini mendapat *award* yang setimpal kerana *award* yang dibenarkan tidak melebihi daripada 24 bulan. Jadi kerana kita tahu bahawa mana-mana keadilan yang dilambatkan ialah keadilan yang sebenarnya yang tidak dapat dinikmati oleh pekerja tersebut.

Yang kedua berkenaan dengan hak untuk pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati dengan majikan ataupun mana-mana tuan punya berhak untuk mendapatkan hak *discovery* ke atas semua dokumen-dokumen yang dimiliki oleh majikan. Walaupun sekarang memanglah dari segi teorinya pekerja berhak untuk mengikuti ataupun untuk mendapatkan barang-barang bukti yang dipunyai oleh majikan, tetapi dari segi praktikalnya, mereka tidak mendapat perlindungan dari segi undang-undang dan juga cara untuk pekerja-pekerja ini mendapatkan barang-barang bukti daripada syarikat di mana mereka bekerja. Jadi ini akan menyebabkan pekerja-pekerja ini akan lebih lagi dianiayai dalam sektor pekerjaan.

Seterusnya berkaitan dengan program Malaysia Kitchen iaitu di bawah B.31. Saya memohon agar pihak kerajaan untuk turut sama melihat apakah yang akan dijalankan dengan *detail* kepada program *Malaysia Kitchen* kerana baru-baru ini dalam akhbar-akhbar tempatan dilaporkan, banyak lagi hotel-hotel di Malaysia khususnya di peringkat restoran tidak mendapatkan pengesahan halal oleh JAKIM. Jadi bila perkara ini dikemukakan oleh pengarah JAKIM, jawapan yang dikemukakan adalah kerana terlalu ketat syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak JAKIM bagi mengesahkan satu-satu restoran itu halal. Jadi kalau dalam negara kita masih lagi menghadapi masalah restoran-restoran di hotel-hotel sepanjang ingatan saya yang dilaporkan di dalam akhbar hanya empat restoran di hotel-hotel terkemuka di seluruh Malaysia yang mendapat persijilan halal. Yang lebihnya belum lagi ada sijil walaupun kita sekarang mungkin makan makanan seperti ini.

Jadi kalau kita menganggap kita ini boleh sampai keluar untuk buat program-program yang lebih baik macam ini, contohnya program *Malaysia Kitchen* ini, adalah lebih baik kita memastikan bahawa restoran *Malaysia Kitchen* ini betul-betul halal. Dalam masa yang sama juga memastikan seluruh restoran-restoran yang ada di hotel di Malaysia ini mendapat persijilan halal

sama ada kita memudahkan cara untuk mereka mengendalikan restoran-restoran tersebut ataupun mencari cara-cara lain kerana imej ini perlu pada negara kita kerana kedatangan pelancong-pelancong di negara kebanyakannya adalah beragama Islam. Jadi sekiranya perkara ini tidak diambil berat, ia akan menyebabkan masalah kepada orang yang datang. Begitu juga orang Islam di Malaysia sendiri kerana mungkin mereka makan makanan yang tidak halal walaupun mungkin daging yang dihidangkan itu daging yang disembelih tetapi barang-barang yang digunakan itu, barang-barang yang tidak *clear* halalnya.

Begitu juga berkaitan dengan... baru-baru ini dilaporkan tentang terdapat kilang belacan yang tidak mematuhi kualiti makanan dan mengandungi bahan-bahan beracun dari segi penyediaannya. Jadi kita memohon agar pihak kerajaan juga melihat perkara ini dengan agak serius kerana dari segi keselamatan makanan ini kita lihat masalah kesihatan, masalah kanser wujud dengan banyak walaupun kita melihat makanan yang kita makan itu macam okey, tetapi dari segi kualiti dan keracunan yang ada di makanan ini tidak dipantau sebaik mungkin. Kita bimbang masalah yang berlaku sebagaimana kita lihat di sekolah-sekolah rendah baru-baru ini hampir seluruh negara kita melihat anak-anak kita menghadapi keracunan makanan dan tindakan yang diambil ialah kita memeriksa dan menggantung lesen pemegang, orang yang mengendalikan kantin. Perkara ini saya rasa tidaklah begitu sekali kita boleh menyelesaikan masalah tapi mungkin lebih lagi kita perlu memastikan bahawa kita mempunyai akta yang lebih ketat dan pemantauan yang lebih baik bagi memastikan kualiti makanan yang dimakan oleh rakyat kita ini lebih baik.

Begitu juga dengan Kementerian Pelajaran di mana baru-baru ini kita melihat bila mana kerajaan mengumumkan terdapat 48,000 pelajar-pelajar UPSR yang mendapat 5'A'. Kita lihat kebimbangan wujud di kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka kerana kita yakin tidak ada ibu bapa yang ingin menghantar anaknya ke sekolah yang tidak baik, tetapi dari segi pertambahan sekolah berasrama ini, kita juga bimbang fenomena bocor berlaku dalam kes UPSR, dalam kes SPM.

Saya rasa sebagai seorang ibu, sebagai bekas pelajar, kita merasa cukup sedih bila kes bocor ini berlaku berulang-ulang kali. Walaupun dinafikan oleh Kementerian Pelajaran sebab kita yakin sekiranya tanda-tanda bocor ini ada, perkara ini menyebabkan berlaku tidak telus dan tidak puas hati di kalangan anak-anak kerana perkara bocor ini dah berlaku di peringkat UPSR. Jadi bagi saya adalah tidak munasabah di peringkat UPSR, berlaku kes-kes kebocoran soalan. Jadi kalaulah perkara ini tidak berlaku, kita bimbang berlaku. Mintalah dibuat satu pemantauan yang lebih hati-hati kerana tidak guna kalau kita minta anak kita *exam* tapi kalau soalan *exam* ada setengah negeri bocor, ada setengah tempat bocor, tidak ada benda yang boleh kita nilai pada pencapaian anak kita. Ini mengajar anak kita untuk menjadi orang yang tidak bertanggungjawab pada masa akan datang.

Seterusnya berkaitan B.6 iaitu JPM. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan telah memberi satu penekanan baru kepada asuhan dan didikan awal kanak-kanak di mana kita melihat kalau sebelum ini tumpuan kita kepada tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, hari ini pihak kerajaan juga telah menunjukkan satu minat untuk memastikan kanak-kanak di peringkat awal mendapat asuhan yang betul kerana untuk melahirkan generasi ataupun warganegara minda kelas pertama bukan hanya kita perlu didik di peringkat tadika, sekolah rendah mahupun sekolah menengah tetapi perlu pendidikan daripada dalam rahim ibu lagi.

Hala tuju pendidikan kanak-kanak di Malaysia agar semua kanak-kanak dapat dicapai dan dinikmati oleh semua kanak-kanak. Kita bimbang fenomena yang berlaku, gejala jenayah yang berlaku pada anak kita ini akan merencatkan keseluruhan pertumbuhan dan potensi yang sepatutnya dinikmati oleh anak kita kerana kita lihat dalam Islam, kita diajar untuk berdoa kalau kita punyai anak. Bila kita berdoa, kita hanya mendoakan mungkin anak kita pandai tetapi jarang kita mendoakan juga agar seluruh keluarga kita ini selamat dan menjadi*[Berucap dalam bahasa Arab]* Saya memetik satu ayat Quran yang mengatakan dalam doa ini... *“Ya Allah Ya Tuhan ku, aku memohon bahawa pasangan aku, anak-anak aku ini akan menjadi penyejuk mata”*.

Kita melihat sekarang dalam keadaan Malaysia hari ini, orang tidak lagi memandangi rumah itu sebagai syurga, orang memandangi rumah sebagai tempat untuk tidur. Kalau bangun pagi pukul 6.30, dah kena bersiap sedia untuk pejabat, pulangnye malam. Jadi institusi keluarga ini hancur.

Jadi bagaimana kita nak memastikan anak-anak kita, suami atau isteri kita ini akan berfungsi sebagai syurga rumah tangga. Sekiranya perkara ini kita tidak buat daripada awal, asuhan dan didikan awal ini akan memusnahkan masa depan anak-anak kita. Kita sepatutnya mewujudkan suasana yang mesra kanak-kanak dalam semua polisi, prasarana dan *syllabus* bagi menjamin anak-anak kita boleh berkembang sehingga tahap yang paling cemerlang kerana kita perlu melihat penumpuan yang perlu diberikan oleh Kementerian Pelajaran mahupun Kementerian Pendidikan Tinggi ada perbezaan, kata Syed Quthub di antara memberi anak kita pelajaran secara teori dan mendidik anak kita. Anak kita mungkin pandai kenal 'A', 'B', 'C', anak kita mungkin tahu teori memasak tetapi tak pernah pegang beras untuk betul-betul masak nasi. Jadi ini perkara yang berbeza.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Laluan.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi kita dengar daripada pembukaan ucapan Yang Berhormat Dr. Noraesah beliau pun tidak ada di sini mengatakan doa daripada orang Yahudi setiap pagi, kaum lelaki Yahudi iaitu *“Thank God, I'm not a woman”*.

Mungkin Yang Berhormat boleh beri saranan apakah doa yang sepatutnya dibaca oleh orang Malaysia khususnya orang Muslim mungkin, *"Thank God, I came and was raised by a woman"* dengan izin.

Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya bersetuju dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah kerana dalam keadaan hari ini bila bercakap soal perpaduan, Insya-Allah saya akan sentuh sekejap lagi, lebih panjang.

Jadi sekarang ini saya akan balik semula yang saya bahas tentang kanak-kanak, Insya-Allah kejam lagi saya akan sentuh tentang perpaduan.

■1620

Juga mengenai isu kanak-kanak. Kita lihat di negara-negara lain contohnya negara Maghribi, mereka ini mempunyai 'Menteri Kanak-kanak' bukan hanya meletakkan kanak-kanak sebagai isu kebajikan. Bagaimana mereka ini mementingkan pembelaan generasi baru pada masa akan datang kerana mereka percaya ini adalah penentu masa depan negara kita. Begitu juga dalam isu penjagaan kanak-kanak ini kita melihat, kalaulah seorang isteri itu seorang isteri yang bekerja mungkin status dan taraf dirinya lain. Bagaimana seorang isteri yang hanya menjadi suri rumah.

Kita memandang perkataan suri rumah sebagai perkataan yang tidak standard. Jadi perkataan suri rumah ini sebenarnya berasal perkataan permaisuri sepatutnya seseorang menjadi suri rumah berbangga bila meletakkan dalam surat beranak anak, kerja ibu adalah permaisuri rumah tangga. Namun kerana kita memandang bahawa suri itu adalah pekerja rumah tangga kita merasa rendah diri. Jadi perkara ini pada pandangan saya sepatutnya di buat satu pembudayaan ataupun pengiktirafan oleh pihak kerajaan kepada suri-suri rumah agar kita ini bangga menjadi suri rumah. Ini kerana menjaga dan mentadbir rumah tangga kita sendiri merupakan kerajaan yang kecil dalam mentadbir kerajaan Malaysia ini sebenarnya. Jadi itu merupakan satu cara pendidikan awal untuk kita memastikan masyarakat kita akan menjadi masyarakat yang penyayang.

Seterusnya juga berkenaan dengan pemahaman dan kesedaran daripada peringkat awal akan potensi dan perkembangan janin yang di kandung oleh ibu. Kita mungkin memberi satu makanan ataupun penjagaan kepada kesihatan dan makanan kepada ibu mengandung tetapi jarang kita memberikan penekanan dan perlindungan kepada kesihatan mental, kepada psikologi ibu yang mengandung. Perkara ini sebenarnya kita mesti ingat, anak yang lahir itu bukan hanya lahir fizikal, dia lahir sekali dengan mental, dia lahir sekali dengan roh dan spiritual.

Jadi perkara ini kalau tidak dipupuk daripada peringkat kandungan lagi dan perkara ini pada pandangan saya mesti di kawal dengan pihak kerajaan. Bukan hanya memberi ibu vitamin, memastikan ibu itu dipantau setiap tiga bulan, tetapi ibu yang mengandung juga sepatutnya diberi sokongan moral, di beri sokongan psikologi supaya ibu-ibu ini akan menjadi ibu yang cemerlang

dari segi psikologi dan akan melahirkan anak-anak yang bahagia bermula daripada dalam rahim lagi dan bukan hanya di luar.

Persoalan yang dikemukakan satu lagi ialah jumlah kelahiran yang dilaporkan di seluruh Malaysia, saya merujuk kepada apa yang telah dibekalkan oleh penyelidik Parlimen. Jadi bila kita melihat kepada kadar kelahiran yang dilaporkan, saya amat terkejut bila melihat perbandingan statistik mengikut negeri pendaftaran kelahiran di seluruh negara. Kita melihat jumlah yang dipaparkan daripada tahun 2004, 2005, 2006 dan 2007 menunjukkan penurunan kelahiran. Adakah ini satu perkara yang disedari ataupun tidak disedari oleh kerajaan dan sekiranya disedari dan apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil bagi mengelakkan penurunan ini terus berlaku walaupun mungkin pada peringkat sekarang tidak terlalu teruk.

Perkara kedua berkaitan dengan kelahiran anak-anak di Malaysia ini. Kita melihat jumlah kelahiran yang begitu tinggi di Sabah berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Apakah sebenarnya yang berlaku? Adakah betul ini adalah warganegara yang dilahirkan di Sabah begini ramai berbanding dengan negeri-negeri lain? Ataupun ini disebabkan sumbangan oleh kedatangan PATI ataupun pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah. Kerana kita ingat dan kita ingin bahawa semua manfaat yang dapat dilahirkan di negara kita ini mestilah dulu dibekalkan oleh kerajaan kepada warganegara barulah orang lain pula boleh turut dapat. Jadi kalau perkara ini didapati secara *illegal* oleh orang-orang lain saya rasa perkara ini tidak wajar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada B.48, saya juga memohon untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di mana mereka meminta peruntukan tambahan untuk penambahan peruntukkan untuk perundangan dan *advocacy*. Soalan yang ingin saya kemukakan kepada pihak kementerian ialah apakah bentuk khidmat perundangan dan *advocacy* yang dikawal oleh wanita dan keluarga?

Kedua, bidang kuasa yang dipunyai oleh Unit-unit Perundangan dan *advocacy* sehingga membantu wanita, kanak-kanak dan keluarga dan juga bagaimanakah perkembangan Mahkamah Keluarga yang telah dicadangkan sebelum ini? Kita tidak mahu ianya hanya bersifat sebagaimana BBG ataupun makna kalau boleh lebih spesifik kalau BBG itu sudah ada, bantuan itu sudah ada, sepatutnya kalau ada Biro Bantuan di bawah Kementerian Wanita, ianya lebih lagi kursus dan lebih profesional dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak.

Kita juga ingin mengetahui adakah pihak kementerian mempunyai kumpulan peguam yang di latih khas dan mempunyai kepakaran yang khusus dan memastikan kes-kes keluarga dapat diselesaikan dalam masa yang cepat untuk mewujudkan keadaan dan juga keputusan kes dalam bentuk *win - win*. Sebab dalam kes-kes lain, untuk delegasi, kes-kes komersial dan kes-kes *criminal* yang adalah mungkin menang ataupun kalah tapi dalam kes mahkamah keluarga, keadaannya akan timbul ialah mesti *win-win*. Ini kerana yang kita perjuangkan, yang kita pertahankan adalah suami ataupun isteri ataupun anak-anak. Jadi dalam kes ini, kita mohon kalau

belum ada dilatih satu kumpulan peguam di seluruh negara agar kita boleh melahirkan satu kumpulan peguam yang akan menyebabkan anak-anak yang lahir daripada keluarga yang bercerai dapat pembelaan yang sewajarnya, kerana mereka tidak bersalah.

Seterusnya juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, siapakah yang sebenarnya mendapat manfaat supaya bantuan dan khidmat yang dikemukakan oleh kementerian tidak bertindak dengan bantuan-bantuan lain yang di terima oleh orang miskin, bapa ataupun ibu tunggal, pembelaan kepada anak terbiar supaya institusi ini yang diberi perbelanjaan tambahan ini dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya.

Saya juga ingin merujuk kepada B.9 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Dalam merujuk kepada Badan Pencegah Rasuah ini, saya ingin meminta pandangan daripada pihak yang berwajib kerana kita melihat sekarang untuk mencari seorang yang kaya, untuk mencari seorang yang berpendidikan dalam Malaysia ini, insya-Allah tidak susah. Namun untuk mencari menantu dan pekerja serta pemimpin yang berintegriti, mempunyai ciri-ciri orang baik adalah bagi saya sekarang susah. Ini kerana kita lihat dalam akhbar-akhbar banyak dipaparkan betapa ramainya orang tidak amanah, orang tak bertanggungjawab, terutama apabila menerima ujian, duit, pangkat peluang di depan mata.

Jadi mencari pasangan yang setia pun memang susah sekarang walaupun dalam masa bercinta pun dah ramai yang bergaduh. Jadi kita melihatkan perkara ini bagi saya adalah unsur yang tidak sihat. Nak mencari menantu, hendak mencari pekerja. Hatta hendak mencari pembantu pejabat yang amanah untuk memasukkan duit di bank pun susah. Jadi ini sebenarnya bukan masalah penjawat awam, bukan masalah BPR, bukan masalah polis, bukan masalah sesiapa tapi sebenarnya ini adalah masalah individu. Masalah setiap daripada kita kerana yang kita pilih ke Parlimen, yang kita pilih ke jabatan kerajaan, yang kita pilih ke dalam keluarga kita, adalah di kalangan kita. Jadi kalau kita melihat ini yang dipaparkan, ertinya ini adalah masalah kita secara individu.

Kita sepatutnya menyelesaikan masalah ini sendiri. Kita mesti menyedari bahawa mengatakan orang ini salah, orang ini salah sebenarnya yang salah kita sendiri. Jadi ini adalah satu sikap yang mesti di terima oleh semua orang bahawa untuk menempatkan pegawai BPR, pegawai JPJ dalam semua jabatan bagi saya adalah tidak praktikal. Walaupun mungkin dengan kedatangan mereka ini akan meningkatkan keuntungan jabatan, tetapi bayangkan apa yang akan terjadi, betapa besar BPR kena jadi semata-mata untuk mengisi semua tempat-tempat yang berisiko tinggi. Jadi kalau ini berlaku, susah. BPR akan jadi polis, BPR akan segala-galanya. Jadi perkara ini tidak wajar.

Apa yang paling penting sekarang ialah pembentukan modal insan. Kita mestilah pastikan bahawa semua orang apa pun jawatan, apa pun kedudukan, apa pun harta yang dia ada, yang penting dia mesti menjadi orang baik. Bukan hanya bila hendak jadi pemimpin, bila hanya penjawat

kerajaan dia kena jadi baik. Dalam semua hal, kita mesti memastikan rakyat kita ini mempunyai iman, mempunyai kepercayaan, mempunyai jati diri bahawa mereka mesti bertanggungjawab fasal apa yang mereka buat. Sebab perkara ini kita melihat sudah tidak menjadi budaya lagi kepada kita untuk menjadi orang baik kecuali pada masa-masa tertentu. Hendak pakai baju yang baik, bersih pada masa tertentu sahaja. Sebenarnya bukan macam itu.

Kita tidak mahu pendakwaan yang terpilih, tidak mahu siasatan terpilih, kita mahu semua menyeluruh. Kalau di rumah macam ini, di pejabat pun macam ini. Kita tidak mahu orang yang berbeza, mempunyai dua personaliti yang berbeza yang kadang-kadang memeningkan kita selama ini dalam memilih untuk menjadi pegawai-pegawai sama ada jadi polis, BPR, menjadi guru, menjadi apa pun dalam negara kita.

Jadi kita perlu ingat dalam masyarakat kita, kalau kita sampai perlu penguatkuasaan secara bentuk fizikal, letak orang di semua untuk tempat-tempat berisiko tinggi, kita fikir negara tidak boleh buat sebab kerajaan takkan mampu tanggung bajet yang sebegini. Kita kena ingat, kalau begini yang masalah yang kita ada kita perlu belajar daripada sejarah Malaysia dan sejarah Islam. Sejarah Malaysia, tanah Melayu sendiri ini, orang Melayu ini berubah, bila mana orang Melayu terima Islam.

■ 1630

Bila orang Melayu terima Islam, Parameswara terima Islam, Melaka berkembang. Jadi dalam konteks ini tidak perlu kita fikir panjang. Yang perlu kita buat, kalau kita hendak integriti, kita hendak orang Cina baik, kita hendak orang India baik, kita hendak orang Melayu baik, barulah integriti ini akan menjadi baik. Jadi kalaulah perkara ini kita k tahu, kita terima, kita sedar, saya rasa kita perlu berbalik semula kepada kaedah Islam untuk kita membaiki diri sendiri kerana polis dalam diri ini lebih berfungsi, daripada polis yang ada di luar kerana polis juga manusia.

Jadi kalau kita boleh meyakinkan bahawa dalam diri kita ada polis yang mengawasi kita dan kita akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti dan ini akan lebih menyenangkan dan perkara ini mesti datang daripada dalam rumah. Kita percaya bahawa rakyat kita sedar bahawa kita adalah manusia yang punya roh dan fizikal. Pendekatan iman, psikologi serta akhlak dan sivik manusia telah mengubah Sayidina Omar r.a. dalam masa yang singkat. Mungkin kepada yang tidak mahu menerima alasan ini, mengatakan bahawa berbeza antara kita dengan Sayidina Omar, pendidikan Sayidina Omar dididik oleh Nabi, Sayidina Omar adalah sahabat Nabi tetapi kita perlu ingatkan bahawa Islam ini bukan hanya untuk abad ke lima, abad ke enam.

Islam ini sesuai sehingga akhirat. Sebagaimana yang kita telah belajar dari sejarah dan pembentukan negara kita sendiri, sejarah Melaka ini telah membuktikan Islamlah yang akan menaikkan integriti kerajaan dan pentadbiran Melaka sehingga muncul sebagai pusat perdagangan Asia Tenggara. Pembinaan sahsiah dan kesedaran diri dalam setiap rakyat akan menimbulkan penjawat awam yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu pegawai-pegawai BPR

perlu juga muncul di sekolah-sekolah dengan alasan untuk memastikan bekalan dan kanak-kanak sekolah tidak merasuah. Badan Pencegah Rasuah bersifat pencegahan ataupun larangan. Maka ia mesti selari dengan pendidikan untuk jujur kepada semua individu di semua peringkat.

Pemimpin lahir di kalangan kita. Kita ingat bahawa penjawat awam yang mungkin kita tuduh itu adalah adik-adik kita, anak-anak kita, suami kita, ataupun isteri kita. Jangan kita merujuk perubahan sikap kepada setiap golongan kerana kita adalah cermin kepada orang lain. Setiap daripada kita adalah duta negara, dan tepatlah kata Allah S.W.T bila Allah mengatakan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bila Allah mengatakan bahawa “*Aku ciptakan atas dunia ini semua manusia ini adalah khalifah kepada dirinya sendiri*”. Maknanya kita tidak boleh katakan orang lain yang jadi pemimpin, kita sendiri pun adalah pemimpin kepada diri kita. Bukannya hanya menunjukkan kepada pemimpin, rakyat, ibu bapa dan anak-anak, malahan kepada semua manusia. Rasa bertanggungjawab kepada diri sendiri perlu disuntik dengan modul untuk benar-benar menjadi kata Allah S.W.T... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kamu jagalah diri kamu dan keluarga kamu kerana kerajaan polis tidak mampu masuk dalam rumah kita. Yang hendak masuk rumah kita kena pakai waran. Jadi yang tidak pakai waran ini, hanya kita dan anak-anak kita.

Jadi kita jaga diri kita dan anak-anak kita kerana ini bagi saya masyarakat sudah berada dalam keadaan yang amat-amat getir dan genting kerana tidak ada sesiapa yang ada dalam negara kita ini yang kita rasa sunyi daripada penyakit-penyakit begini. Jadi adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bermula daripada sekarang merubah dan menjadi tanggungjawab kementerian untuk menggubal satu *syllabus* satu modul yang benar-benar berkesan agar budaya beriman ini diwujudkan dalam semua rumah tangga di Malaysia tidak kira apa bangsa tidak kira apa pun agama kerana manusia ini hanya boleh dibentuk sekiranya dia mempunyai agama sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Rukun Negara kita.

Kerana tidak selesai kita menempatkan individu lain untuk mengawal satu individu lain kerana setiap individu ada kelemahan dan kelebihan yang tidak serupa dengan orang lain walaupun kadang-kadang hampir sama. Hanyalah formula Allah SWT akan menyelesaikan masalah ini kerana Allah cipta manusia maka hukum dan sunah serta caranya sesuai untuk mengekang nafsu manusia. Selagi manusia itu hendak ada nafsu kalau tidak diberi iman dia akan pilih sama ada hendak jadi jahat ataupun baik kerana kita melihat pepatah Melayu ada mengatakan hendak seribu daya tidak hendak seribu dalih. Kalau kita buat penjara tinggi mana pun, kalau dia hendak buat jahat dia boleh merasuah orang yang menjaga pintu.

Jadi perkara ini tidak akan selesai. Seorang manusia ada dua nafsu dan satu akal. Satu nafsu baik, satu nafsu jahat. Maka atas kita mengajar anak-anak kita membuat pilihan, kerana perkataan pilihan itu dalam bahasa Arab dipanggil ikhtiar. Ikhtiar ini berasal dari perkataan “*khair*” yang bermaksud baik. Bila kita diberi pilihan, pilihan yang harus dibuat oleh anak yang mendapat

pendidikan ialah membuat pilihan yang lebih baik. Buatlah ikhtiar atau pilihan yang lebih baik kerana kita akan bertanggungjawab dengan apa yang kita pilih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada P.1 iaitu Parlimen. Pada masa ini saya ingin merakamkan tahniah kepada Dewan *Senate* di Australia kerana telah melantik seorang *senator* wanita bernama Senator Penny daripada negeri Sabah Malaysia untuk menjadi menteri kabinet baru Australia. Jadi ini merupakan satu penghormatan kepada wanita di Malaysia kerana seorang wanita telah berjaya menjadi menteri dilantik di dalam Kabinet Australia.

Saya juga begitu teruja sebenarnya dengan pandangan dan visi yang telah dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini bahawa dalam mengemudi dalam negara kita seunik Malaysia, kita sebenarnya perlu memikirkan bahawa mungkin satu masa kita belum menerima satu hakikat bahawa sebenarnya untuk mewujudkan Malaysia yang stabil kita bukan hanya memerlukan Barisan Nasional yang stabil, tetapi barisan yang mungkin namanya barisan alternatif ataupun nama-nama lain yang juga stabil dalam jangka masa panjang walaupun mungkin tidak pada hari ini, kita mungkin perkara ini perlu *try and error*.

Ini kerana konsep perkongsian kuasa yang stabil dan seimbang antara *pros and cons* antara perkara-perkara yang membangkang dan menerima dengan baik yang setara sebenarnya memberikan impak yang baik kepada rakyat. Ini kerana kita melihat integriti dan kematangan serta kesetiaan tidak perlu kita mempertikaikan kerana mereka ini kalau diberikan peluang yang seimbang mereka boleh membuktikan diri mereka sendiri. Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya apa yang diimpikan ataupun yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini tentang kerajaan ini sebenarnya berlaku di negeri Kelantan. Kalau dalam Dewan Negara saya hadir dua orang daripada Kelantan yang mewakili PAS dan menghadapi 66 orang Senator daripada BN, tetapi dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan, suasana yang dihadapi ialah 23 lawan 22.

Kita melihat satu keadaan kerajaan dan pembangkang yang sama-sama kuat dan yang mendapat faedah daripada kekuatan kedua-dua pembangkang dan kerajaan adalah rakyat. Kerana kedua-dua pihak akan cuba memberikan yang terbaik kerana rakyat sudah mempunyai pilihan untuk memilih mana yang lebih baik yang memberi khidmat kepada mereka. Jadi kalau di Kelantan kalau di Dewan Undangan Negeri 23 melawan 22, kerajaan negeri sanggup untuk membuat siaran secara terus *channel* ini kepada seluruh dunia untuk melihat tanpa sebarang *editing*. Tidak edit tidak apa, boleh tengok macam mana Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri membincangkan soal bajet, membincangkan soal negeri.

Saya rasa dah sampai masanya Kerajaan Malaysia juga mengamalkan sifat yang sama untuk membenarkan siaran langsung *channel-channel* dalam saluran Astro ataupun dalam RTM untuk membenarkan rakyat melihat bagaimana perdebatan, perbahasan, soalan, buah fikiran yang

telah disumbangkan oleh semua Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk rakyat sendiri membuat pilihan siapa sebenarnya yang membantu rakyat.

Kita percaya rakyat di Malaysia ini rakyat yang bijak. Kita beri pendidikan, kita percaya rakyat kita bijak, tidak buta huruf, faham. Jadi kenapa kita tidak ingin kongsi sebab kita kena terima hakikat bahawa Malaysia ini mestilah dibina daripada dua aspek. Satu aspek memberi pandangan, satu lagi memeriksa, *check and balance* itu mesti wujud dalam negara kita kalau tahap kematangan politik tinggi ini akan melahirkan pemimpin-pemimpin yang benar-benar berwibawa.

Oleh yang sedemikian, saya menyeru dan juga ingin mengulang balik permintaan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dalam Dewan Undangan Negeri bahawa amat susah untuk sebuah kerajaan negeri mengemudi satu kerajaan bila kita kata kita mempunyai barisan pembangkang. Bila menyebut barisan pembangkang, secara psikologi mereka akan bersifat pembangkang. Jadi apabila saya datang ke Dewan Negara, kadang-kadang saya menyokong Rang undang-undang ada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari UMNO datang jumpa saya kenapa saya sokong? Bagi saya apa yang baik saya perlu sokong. Yang tidak baik tidak perlu sokong. Jadi kerana kita melihat bahawa pembangkang ini bukanlah bersifat pembangkang dan semua benda kena bangkang, ada dalam benda-benda yang tertentu kita kena puji, kita kena terima sebab dalam konteks ini saya menyeru apa yang diucapkan oleh Menteri Besar Kelantan iaitu istilah membangkang ini ditukar sebagai penasihat. Sebab di Kelantan itu kalau hendak memerintah dengan pembangkang 22 kita 23 susah.

Jadi kalau ada penasihat ini, yang tidak betul itu di nasihat supaya menjadi betul, yang dah betul terima. Jadi perkara itu saya rasa lebih lagi mesra untuk kita bawa kepada rakyat supaya perkara ini tidak menjadi satu konotasi yang negatif. Bila mana kita meletakkan nama pembangkang dan sebagainya....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan. Terima Kasih Yang Berhormat. Saya rasa mungkin kalau jadi penasihat tidak boleh sepak kerusi Yang Berhormat, kalau pembangkang baru boleh sepak kerusi.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Kalau anak kita mungkin ada yang nakal ada yang tidak nakal, jadi kalau yang sepak kerusi itu mungkin yang nakal sedikit kot. Insyaa-Allah kalau kita diberi nasihat, dia tidak sepak lain kali. Jadi saya berdoa agar suasana pembangkang ini ataupun gelaran pembangkang ini tidaklah digunakan secara meluas. Dalam kita hendak membina negara sebagaimana Malaysia. Jadi kalau kita tengok Malaysia ini tidak sama dengan mana-mana negara.

▪ **1640**

Tadi sudah diberitahu oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah bahawa dalam dunia ini hanya kita yang ada tiga sistem ataupun dua sistem pendidikan. Jadi tidak ada masalah kalau itu unik kita boleh teruskan. Cuma kita mestilah berhati-hati walaupun hanya untuk berkata-kata

kerana sebarang kata-kata itu boleh memberikan implikasi yang cukup menyakitkan hati dan boleh mencetuskan kekeruhan ataupun ketidakstabilan kaum.

Kita juga bersimpati dengan satu kaum yang sama antara parti yang memerintah agar kuasa *check and balance* dalam kerajaan mampu untuk memberikan hak yang sepatutnya diterima oleh rakyat. Dalam mahkamah kita ada peguam, satu peguam yang mengemukakan kes, satu peguam yang membela kes. Jadi kalau dalam mahkamah hakim boleh buat keputusan...

Tuan Wong Siong Hwee: Yang Berhormat beri laluan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan kerajaan Kelantan hari ini. Saya daripada Kelantan. Jadi apa Yang Berhormat katakan tadi mengenai Menteri Besar iaitu Tuan Guru Nik Aziz kata kalau di Kelantan ada 23 wakil kerajaan dan 22 pembangkang.

Maka dianggapkan 22 pembangkang adalah penasihat, saya rasa tidak benar. Sebab apa yang berlaku baru-baru ini di sidang Dewan Negeri baru-baru ini, bajet baru-baru ini. Maka banyak perkara yang berlaku di dalam Dewan. Jadi salah satu daripada perkara yang berlaku adalah tidak memberi peluang kepada penasihat.

Apa Yang Berhormat cerita tadi dianggap 22 wakil daripada Barisan Nasional berpeluang untuk bercakap dalam Dewan. Sentiasa disekat dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan, tidak dijawab. Jadi apa pandangan Yang Berhormat kemungkinan Yang Berhormat tidak hadir dalam Dewan. Saya seharian satu hari tapi apa yang berlaku pada hari itu memang benar. Jadi hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan saya hadir dalam lima-lima hari persidangan itu daripada pagi sampai petang. Saya lihat keseluruhan.

Saya rasa perkara ini boleh dilihat dalam *internet*. Kita boleh melihat sama ada adakah benar dakwaan tidak diberi peluang. Biasa dalam Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat sekalipun, kalau kita bangun berdua, salah satu akan dipilih. Dalam konteks ini saya melihat, saya tidak ingin memberikan satu keputusan, tetapi masing-masing sebagai Yang Berhormat kita boleh melihat. Dalam *internet* boleh diulang tayang apakah yang berlaku dan adakah pada masa berlaku pemilihan itu, satu wakil daripada kerajaan, satu wakil daripada pihak pembangkang. Yang kita lihat dalam kes itu sebenarnya yang bangun untuk bercakap pada masa yang sama adalah dua-dua wakil daripada Barisan Nasional, tapi perkara ini saya serahkan kepada Yang Berhormat sendiri untuk tengok balik dalam *internet*, kita tengok sebenarnya apa yang berlaku. Sebab tidak guna saya pertahankan kalau tidak betul. Jadi perkara ini boleh tengok. Boleh tengok bagaimana cara Dewan Negara dikendalikan dengan baik oleh Tuan Yang di-Pertua dan oleh Tan Sri Tuan Yang di-Pertua.

Khususnya juga saya ingin merujuk kepada B.8 berkenaan dengan Jabatan Peguam Negara. Saya mengucapkan tahniah juga kepada pihak Jabatan Peguam Negara kerana akhir-

akhir ini kita melihat satu trend untuk melantik calon-calon yang cemerlang daripada peringkat universiti, di peringkat akademik dan kokurikulum sebagai ahli dalam badan ini.

Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan diwujudkan satu skim khas, sekiranya belum ada sebagai insentif kepada pendakwa raya-pendakwa raya kanan, ataupun pendakwa raya-pendakwa raya biasa untuk memastikan mereka ini menerima keistimewaan-keistimewaan sebagaimana yang diterima oleh Hakim Negara, hakim di peringkat negeri-negeri di seluruh negara.

Kadang-kadang dari segi layanan kita melihat ada perbezaan layanan ataupun elaun ataupun keistimewaan di antara hakim-hakim dan pendakwa raya. Sedangkan dalam institusi kehakiman sendiri tidak boleh kita hanya mempunyai peguam yang berwibawa, hakim yang berwibawa tanpa kita punyai juga peguam-peguam ataupun pendakwa raya-pendakwa raya yang berwibawa. Kita bimbang sekiranya keistimewaan-keistimewaan ini tidak diwujudkan. Kita akan melihat kekurangan ataupun pendakwa raya-pendakwa raya yang hebat-hebat ini akan berhenti dan kemudiannya menjadi peguam untuk melawan balik kerajaan. Ini akan merugikan masa banyak pihak seperti pihak polis, pihak BPR, pihak mahkamah, sekiranya kita tidak mempunyai pegawai pendakwa raya-pendakwa raya yang berpengalaman, yang baik untuk negara.

Jadi saya memohon agar diwujudkan satu skim khas serta keistimewaan-keistimewaan untuk memastikan pendakwa raya-pendakwa raya ini juga mempunyai keistimewaan sebagaimana hakim supaya perkara-perkara berkenaan dengan kredibiliti dan kemahiran pendakwa raya ini tidak dipertikaikan lagi pada masa akan datang, khususnya melibatkan kes-kes yang berprofil tinggi.

Begitu juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan dana khas di Jabatan Peguam Negara untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara yang menghadapi masalah undang-undang sama ada masalah undang-undang sivil ataupun *criminal* untuk memastikan warganegara kita mempunyai haknya yang sewajar di dalam negara mahupun di luar negara.

Penubuhan ini boleh dibuat dengan kerjasama Wisma Putra kerana kita sedar walaupun dalam negara kita sudah ada Biro Bantuan Guaman dan juga Pusat Latihan Guaman yang dikendalikan oleh Bar Council. Namun, pengkhususan kepada kemahiran undang-undang antarabangsa mestilah kita jadikan satu hala tuju juga kerana kita lihat akhir-akhir ini banyak ke-kes yang dilaporkan berlaku melibatkan warganegara Malaysia di luar negara. Sekalipun kalau peguam kita hadir, hanya sebagai *amicus curiae*. Kita lihat bila berbeza bahasa ini, kita bimbang. Orang warganegara ini merasakan mereka tidak dapat pembelaan bila mana mereka ini dituduh di luar negara.

Kita percaya dengan kewujudan lebih daripada 12 ribu peguam seluruh negara ini, perkara ini boleh dilaksanakan. Mereka ini boleh bertukar serta-merta jika gerak kerja ini kita jalankan

dengan serta-merta supaya tidak menjadi satu kekhawatiran kepada rakyat Malaysia untuk ke luar negara. Kita melihat bilamana terlalu banyak kes-kes rakyat-rakyat kita dijadikan alat ataupun broker ataupun perantara sehingga mereka ini dituduh di bawah kes-kes *criminal*. Ini membimbangkan kita untuk juga pergi ke luar negara kerana kita bimbang kita juga akan terperangkap dengan perkara yang sama.

Saya juga ingin mengambil masa ini untuk merakamkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya melantik Ketua Hakim Negara yang baru iaitu Datuk Abdul Hamid bin Mohamad. Saya percaya dan saya yakin, kerana pengalaman sebagai seorang peguam dan juga seluruh masyarakat Malaysia saya rasakan yakin dengan kebolehan yang dimiliki oleh Datuk Abdul Hamid bin Mohamad. Insya-Allah dengan pelantikan beliau ini, kita mohon untuk melihat suasana dan imej kehakiman itu akan dapat diletakkan di tempat yang sepatutnya. Begitu juga dengan pelantikan Tan Sri Zaki Azmi sebagai Presiden Mahkamah Rayuan. Kita mendoakan agar pelantikan baru ini akan benar-benar memberi imej bersih kepada badan kehakiman di negara kita.

Kita merasakan bahawa...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat mohon laluan. Terima kasih. Saya menghargai di atas rakaman ucapan penghargaan dan tahniah yang disampaikan oleh Yang Berhormat kepada Ketua Hakim Negara kita yang baru dan Tan Sri Zaki di atas pelantikannya. Di atas ucapan Yang Berhormat tadi, apakah sebelum ini sistem kehakiman ataupun jawatan Ketua Hakim Negara tidak berada di satu tahap yang dihormati?

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Pandangan itu mungkin ada dua pandanganlah. Mungkin setengah pihak mengatakan tidak dan setengah pihak mengatakan ya. Sebagai pengamal undang-undang, sebagai seorang peguam, saya tidak ingin mendengar walaupun sepatah perkataan yang keluar bilamana orang mempertikaikan kredibiliti hakim yang mana saya terpaksa berhadapannya dengannya.

Jadi saya kalau boleh sebagaimana saya tak nak orang kritik ibu bapa saya, saya tak nak dengar walaupun ada mungkin orang berpuas hati, orang tidak berpuas hati, tapi kalau boleh tak nak keluar dalam *paper* walaupun mungkin benar ataupun tidak benar, kerana kita bimbang. Pokok tidak akan bergoyang, kecuali ada angin.

Jadi kalaulah mungkin perkara itu benar, tidak benar, tapi kalau boleh kita hendak kembali kepada yang dulu, yang tidak pernah kita dengar kredibiliti mana-mana hakim dipersoalkan sehingga begitu rupa. Jadi perkara ini kalau boleh kita hendak elakkan. Saya tidak katakanlah kalau sebelum ini mungkin tidak dihormati dan kita harap yang baru ini jangan ada sebarang lagi liputan akhbar khas untuk melaporkan tentang akhlak mana-mana hakim. Itu yang kita inginkan dicapai dalam negara kita kerana sebagai seorang peguam, kita hendak berhadapan, kita hendak hakim yang benar-benar kita percaya. Saya yakin dan insya-Allah dengan pelantikan ini, kita akan

mempunyai fenomena sebegitu dalam mahkamah dan juga memberi keyakinan kepada rakyat Malaysia sendiri.

Saya percaya bahawa pelantikan hakim ini perlu dipantau kerana ianya merupakan institusi yang amat sensitif.

■1650

Sebagai peguam di mahkamah kita berpuas hati dengan hakim-hakim yang baik kerana kita tidak boleh melantik hakim, kalau peguam tidak puas hati kita boleh tukar peguam, kita boleh tukar 10 peguam kalau kita tidak puas hati tetapi hakim tidak boleh tukar. Jadi bila hakim tidak boleh tukar kita nak hakim yang benar-benar ada integriti, itu yang kita mahu.

Namun bila kes melibatkan institusi kehakiman ini dipertikaikan, maka saya menyeru sebagaimana sulit dan rahsianya tarikh pilihan raya sepatutnya kerahsiaan dan sulit jugalah pelantikan hakim itu dibuat dan perkara ini harus dibuat dengan lebih teliti kerana hakim ini jauh lebih kita rasa perlu dijaga berbanding dengan institusi lain dalam negara.

Kita mengamalkan dasar *separation of powers*, dengan izin, *judiciary*, *executive* dan *legislative*. Jadi kita memohon pelantikan yang dibuat benar-benar telus agar tiada siapa boleh ataupun ingin mempertikaikan kewibawaan dan keadilannya kerana keyakinan kepada hakim mestilah lagi lebih daripada *beyond reasonable doubt* dari segi personaliti, kredibiliti dan integriti kerana ianya akan dihakimi oleh rakyat. Inilah harapan dan tempat yang paling tinggi dan paling suci serta mulia di mana rakyat dan pemimpin yang mempunyai masalah akan mengadu nasib. Kita yakin, insya-Allah kalau perkara ini boleh kita baiki kita akan melihat senario yang berbeza di negara kita pada masa akan datang.

Suruhanjaya Diraja yang baru ditubuhkan untuk menyiasat kes yang sebelum ini diharap dapat menjernihkan keadaan dan membawa keadilan, kalaulah kita yakin perkara ini boleh di bersih, disiasat dan didakwa demi membantu membersihkan badan kehakiman di negara kita secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada B.28 iaitu Pengangkutan. Berhubung dengan cadangan oleh pihak kerajaan akan mewujudkan satu cadangan, satu arahan pemakaian tali pinggang untuk kerusi belakang.

Saya ingin mencadangkan agar ianya tidak dijadikan satu undang-undang yang berbentuk arahan tetapi diberi dalam bentuk galakan, terutama kepada golongan-golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Ini kerana sehingga kini kita masih belum melihat lagi statistik yang dikemukakan oleh kementerian berhubung dengan kadar kematian penumpang yang duduk di belakang yang terpelanting sehingga untuk memaksa kita mewajibkan dengan kadar yang keras kepada seluruh rakyat meletakkan tali pinggang di bahagian penumpang belakang.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan kepada cadangan untuk supaya penumpang menggunakan tali pinggang keledar

belakang. Adakah Yang Berhormat berasakan bahawa pihak Kementerian Pengangkutan juga patut mencadangkan pada waktu yang sama, kita perkenalkan juga keperluan untuk menggunakan *baby seat*. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawis: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana penggunaan *baby seat* ini tempat duduk *baby* belakang itu sebenarnya akan memberikan satu penjagaan lebih baik kepada kanak-kanak. Walaupun mungkin kita boleh mencadangkan juga kepada pihak Kementerian Kewangan supaya direndahkan sedikit harga jadikan barangan kawalan, sebab ramai sekarang ibu-ibu yang bawa anak dalam kereta tanpa menggunakan kerusi ini. Jadi kalau perkara ini dapat dibuat lebih baik bagi saya. Walaupun mungkin dalam pada peringkat awal ini untuk galakan sahaja.

Ini kerana kita harus ingat kes yang berisiko tinggi yang melibatkan kematian sebenarnya melibatkan motosikal bukannya kereta penumpang belakang. Motosikal yang perlu lebih kita tangani dari sudut kemudahan dan juga melibatkan motor, lori dan bas yang mana pemakaian tali pinggang keledar adalah sama sekali tidak relevan. Jadi yang banyak meninggal atas bas, motosikal tidak perlu pakai tali pinggang keledar. Namun bagaimana kita hendak memberi kemudahan kepada mereka ini perlu kita fikirkan dengan cara yang benar-benar.

Saya mencadangkan agar pihak kerajaan mendapatkan syor-syor dan sumbang saran di kalangan penunggang motosikal, sama ada nak cari di kalangan 'Mat Rempit', pelajar-pelajar universiti, pekerja-pekerja kilang ataupun sesiapa sahaja yang menaiki motosikal dalam bentuk beberapa kaedah yang tertentu supaya mereka sendiri akan memberikan cadangan bagaimana kemudahan-kemudahan kepada penunggang motosikal ini boleh kerajaan berikan dalam mengatasi masalah kemalangan dan juga mengatasi masalah kematian akibat menunggang ataupun membonceng motosikal.

Sekiranya perkara ini didedahkan kepada kita, ia akan lebih memudahkan khususnya kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk datang dalam polisi ataupun undang-undang yang lebih mesra, supaya kita boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada B.62 iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Ini berkenaan dengan undang-undang yang mungkin - saya tidak ada pengetahuan sama ada telah ada dalam negara kita undang-undang Anti Pornografi dan Anti-Aksi Porno. Kita melihat dalam keadaan dunia global, dunia tanpa batasan, anak-anak kita, pekerja-pekerja kita, kadang-kadang didedahkan dengan aksi-aksi yang cukup menyakitkan mata dan tidak memberi langsung faedah kepada mana-mana manusia.

Jadi sekiranya perkara ini belum lagi ada dalam negara, saya menyarankan daripada pihak kerajaan agar mewujudkan satu undang-undang Anti-Pornografi dan Anti- Aksi Porno untuk mengawal aktiviti ini daripada terus berleluasa dan tidak dipantau dengan sebaiknya oleh kerajaan.

Ini kerana kita melihat bahawa sekiranya perkara ini tidak dipantau dengan baik ianya akan memberi kesan yang tidak baik kepada pembinaan minda dan psikologi anak-anak.

Kita difahamkan bahawa di Taiwan, ibu bapa tidak perlu bimbang untuk meninggalkan anak-anak mereka melihat TV ataupun melayari *internet* kerana mereka mempunyai satu sistem ataupun modul untuk pendidikan yang baik dalam TV dan dalam siaran mereka yang boleh memberikan kesan pendidikan yang baik kepada anak-anak. Ini kerana kita bimbang kalau aksi-aksi ini tidak dikontrol tidak dikawal ianya akan mengundang kepada risiko pendidikan jenayah dan juga pendidikan seks serta pemusnahan akidah yang berlaku secara berulang-ulang dalam TV ataupun dalam *internet*.

Saya juga ingin merujuk kepada B.6 iaitu JPM berkenaan dengan halal dan haram hukum ASB. Saya meminta Pegawai Penyelidik Parlimen untuk mendapatkan beberapa fatwa daripada seluruh negara berkenaan dengan status Amanah Saham Bumiputera dan saya terkejut bila melihat beberapa fatwa yang bertentangan antara satu sama lain. Ini kerana kita melihat kerajaan sekarang telah pun membuat galakan kepada perbankan Islam, bon-bon Islam dan juga kewangan Islam.

Jadi bagaimanakah masalah ASB ini masih belum ada satu jawapan. Saya mohon agar kalau perkara ini belum lagi dipastikan sepenuhnya agar pihak kerajaan boleh mengeluarkan satu arahan kepada Majlis Fatwa untuk mengeluarkan fatwa yang sebenar, apakah status sebenar ASB sama ada halal ataupun haram. Jikalau lah ianya bukanlah dikategorikan sebagai halal, bagaimanakah cara pihak kerajaan boleh buat sebab kita lihat sekarang banyak instrumen yang boleh digunakan ataupun pelaburan syarikat yang boleh dibuat dan yang betul-betul berlandaskan syariah supaya tidak timbul kebimbangan di kalangan orang-orang Islam untuk terus melabur dalam ASB.

Seterusnya saya merujuk dalam B.46 iaitu Kementerian Sumber Manusia. Sebagaimana pertanyaan saya pagi tadi saya memohon agar pihak kerajaan mewajibkan atau menjadikan satu prosedur untuk menghantar penyata caruman PERKESO kepada semua pencarum sekurang-kurangnya setahun sekali. Ini demi untuk membela semua pekerja-pekerja kita yang mana majikan telah pun dikatakan mencarum dalam PERKESO.

Ini kerana kebanyakan daripada manusia, kebanyakan daripada rakyat, kebanyakan daripada pekerja ini tidak menyedari sama ada mereka ini dilindungi atau tidak melainkan setelah mereka ditimpa ilat, barulah mereka *check*. Jadi kalau masa itu dah tidak guna dah.

Jadi kalau boleh diminta sebagaimana KWSP, sebagaimana PTPTN boleh hantar setiap bulan sepatutnya untuk PERKESO tidak rugi kalau kerajaan boleh hantar setahun sekali ataupun sebaik-baiknya enam bulan sekali penyata kepada semua pekerja-pekerja di Malaysia sama ada benar amaun ataupun mereka ini dicarum, ataupun dilindungi oleh majikan masing-masing. Kita minta...

Tuan Lee Sing Chooi: Yang Berhormat, minta laluan. Mengenai PERKESO, apakah cadangan hari itu, boleh menggunakan *internet* untuk *check* ahli dia sama ada aktif atau tidak dan juga majikan ada membuat bayaran atau tidak dan melalui *internet* lebih berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Sebagaimana yang telah diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi memang kemudahan *internet* untuk kita mengesan sama ada kita dicarumkan oleh majikan telah pun ada. Namun kita kena ingat yang mencarum dengan PERKESO ini berjuta-juta orang dan kebanyakannya bukan semuanya mempunyai kemudahan komputer. Bagaimana nasib buruh-buruh yang berada di syarikat-syarikat atau di tempat-tempat yang mungkin tidak ada akses pun dengan *internet*.

■1700

Jadi kalau perkara ini dihantar secara enam bulan sekali kepada mereka, ini sebenarnya memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui nasib mereka, tanpa mereka merujuk kepada *internet*. Yang canggih sudah tidak ada masalahlah. Kita bimbang yang tidak canggih, yang duduk dalam hutan, yang jadi pembalok, yang tempat dia itu mungkin kerja jadi nelayan, benda ini tidak akses kepada *internet*. Jadi kita kalau boleh, cadangkan kepada pihak kerajaan supaya diperuntukkan satu prosedur, ataupun kaedah untuk menghantar penyata itu kepada pencarum masing-masing.

Saya juga ingin meminta jawapan daripada kementerian sama ada, semua aktiviti pelaburan yang dilakukan oleh PERKESO ini adalah patuh syariah untuk memastikan orang Islam yang mengurus niaga dengan PERKESO ini, tidak mempunyai sebarang keraguan dan kita minta kalau boleh tidak dilibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai penglibatan dengan riba ataupun judi.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak PERKESO untuk membuat satu piagam pelanggan, untuk menyelesaikan kes kemalangan yang dikemukakan dengan lebih mudah. Sebab hari ini, berdasarkan pengalaman kebanyakan kes-kes ini, kadang-kadang orang tidak hendak tuntutan sebab agak *complicated*. Jadi kemungkinan, kalau kita memperkenalkan Sistem K10, K5, satu persatu, pegawai pegang lima kes untuk pastikan orang yang membuat transaksi dengan PERKESO ini, benar-benar boleh faham akan hak mereka. Kerana kebanyakan yang pergi ke PERKESO untuk menuntut ini jarang menggunakan khidmat peguam. Jadi mereka hanya pergi sendiri, isi borang sendiri, jadi kalau tidak ada pegawai khas ataupun piagam yang mudah sebenarnya tidak menggalakkan mereka untuk buat tuntutan. Kita kalau boleh, orang ramai ini bila tahu mereka ini dilindungi, bila ada masalah, ada ilat, tuntutan dan tuntutan itu hendaklah dibuat dengan cara yang mudah dan tidak memerlukan khidmat peguam supaya mereka ini mendapat hak dengan cara yang baik dan lebih murah.

Setakat ini, penerima ataupun pencarum-pencarum PERKESO tidak mempunyai manfaat pulangan balik. Saya memohon agar pihak kerajaan boleh mengemukakan cadangan ataupun apa-apa syor, bagi kita mengetahui kalaulah perkara ini boleh dijadikan dalam bentuk yang lain sedikit. Sebagai contohnya, sekarang ini PERKESO ia bersifat seolah-olah macam P.A. Sekali kita mencarum, sama ada berlaku *accident* atau tidak *accident*, tak boleh *claim*. Tidak boleh ambil balik duit itu. Jadi kalau orang itu terlibat dalam kemalangan, dia boleh ambil balik tetapi kalau orang tidak terlibat dalam kemalangan, bagaimana nasib dia? Jadi kalaulah boleh diperkenalkan dua cara kepada mana-mana pihak yang hendak memastikan ataupun melabur duit dalam PERKESO, ada tidak cara untuk mereka ini berbuat demikian, yang memberikan pulangan balik kepada pencarum?

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak sumber manusia berhubung dengan pembantu rumah. Sebelum ini kita banyak mendengar bahawa kebanyakan pembantu rumah diambil daripada negara-negara lain dan kebanyakan pembantu rumah yang dihantar ke Malaysia adalah kelas 'C'. Jadi, sedihlah apabila kita mendengar, kita di sekolah dapat kelas 'A', anak kita di rumah dijaga hampir 20 jam oleh pembantu rumah gred 'C' Jadi kalau kita sebagai ibu bapa yang sedar, kita mahu kalau boleh dibuat oleh pihak kerajaan satu cara untuk memastikan anak-anak kita bukan lagi dilatih orang gred 'C' atau pun pendidikan gred 'C' tetapi gred 'A'.

Saya ingin cadangkan agar diwujudkan akademi pembantu rumah tempatan, supaya dibuat akademi ini secara tersusun. Jadi kita angkat, kita *upgrade*kan pembantu rumah sebagai satu kerjaya, sebagai satu profesion. Jangan kita hanya anggap kilang tempat yang ada *prestige*, menjadi pembantu rumah pun sebenarnya ada *prestig* tetapi ini bergantung pada pembudayaan yang kita boleh budayakan sebenarnya, kalau kita hendak. Tidak salah menjadi pembantu rumah kalau hendak pakai cantik pun. Mungkin masa masuk tandas itu cara lainlah tetapi dari segi keadaan sebenarnya, profesion itu kita boleh bentuk kalau kita hendak, kerana kita lihat pusat-pusat jagaan swasta, yang mempunyai guru-guru yang berpengalaman, yang gred 'A' ini, sebenarnya boleh buat untung.

Jadi maknanya, orang memang hendak kepada pembantu-pembantu rumah yang ada gred macam ini, yang ada kelulusan, yang ada piawai, yang kita boleh banggakan dengannya. Jadi kita kalau boleh hendak minta pihak kerajaan, kerana sebelum ini kita difahamkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada menganjurkan kursus pembantu rumah tetapi tidak mendapat respons yang sewajarnya daripada pihak rakyat. Jadi kemungkinan kalau kita boleh tubuhkan satu jabatan ataupun satu akademi begini, ia akan membantu orang-orang tempatan untuk terlibat dan menjadikan profesion pembantu rumah sebagai satu profesion yang terjamin dan dipandang mulia, kerana pembantu rumah ini sebenarnya mengambil alih tugas suri rumah tangga tadi. Jadi pembantu rumah sebenarnya adalah pengurus rumah tangga. Jadi kita naikan sebagai *manager* dekat rumah.

Jadi kalau jadi *manager* ini, saya rasa tidak ada masalah. Orang Malaysia ini kalau hendak jadi *manager* dia hendak. Jadi kita jadikan pembantu rumah sebagai manager rumah tangga kita, kerana kita mesti ingat, anak kita sendiri akan berada bersama mereka lebih daripada 20 jam sehari. Jadi kalau kita boleh wujudkan perkara begini, insya-Allah pembantu rumah kita akan menjadi sahabat kita, dan masalah anak kita bercakap bahasa asing pun tidak akan berlaku. Saya dengan demikian, mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain, yang mahu berbahas? Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

5.06 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya dikejutkan dengan berita demonstrasi di Kuala Lumpur. Pertunjukan perasaan tersebut bertujuan menuntut agar demokrasi di Malaysia, khususnya pilihan raya diadakan dengan lebih adil dan saksama. Isu terkini yang melibatkan Hindraf pula menimbulkan berbagai-bagai kontroversi. Pada awalnya, ianya sekadar memorandum untuk menuntut keadilan bagi kaum India tetapi apa yang dikesalkan ialah dakwaan yang dikenakan terhadap kerajaan adalah tidak adil dan palsu.

Soalan saya, dan soalan ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Fuad juga, kenapa mereka hantar memorandum ini pada hari Ahad dan di luar waktu bekerja? Bukankah ramai daripada mereka itu mempunyai latar belakang guaman? Saluran yang betul untuk menghantar memorandum ke *embassy* atau sesuatu kedutaan ialah menerusi Wisma Putra? Mereka tidak boleh menjelajahi kawasan Kedutaan *British High Com*. Itu adalah seperti memasuki negara England. Ini mereka semua faham, tetapi mereka masih mahu buat dengan cara itu. Kalau hendak tunjuk perasaan pun, berhimpunlah dalam sesuatu tempat lapang dan memadamkan dengan meminta permit dari polis. Polis haruslah bagi permit kepada mereka, sekiranya mereka dalam satu keadaan yang terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah dibangkitkan berkenaan dengan Hindraf ini. Saya tidak mahu lanjutkan lagi, saya mahu pergi ke satu isu iaitu Tenaga Nasional Berhad. Pasti semua dari kita tahu tentang kenaikan tarif elektrik bermula dari Jun 2006 ini. Berita pasal TNB adalah satu contoh yang ideal, kapitalis juga wujud dalam kerajaan kita. Adakah Yang Berhormat masih ingat kepada LLN, iaitu Lembaga Elektrik Negara?

Perbezaan antara LLN dengan TNB ialah satu perkataan sahaja iaitu keuntungan. TNB sebagai sebuah syarikat korporat, dia mempunyai tujuan keuntungan dan Lembaga Elektrik Negara pula mempunyai kerja untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Bila TNB ada untung, dia naikkan tarif, tetapi LLN tidak. Baru-baru ini terdapat banyak aduan daripada penduduk, rakyat kita mengenai penukaran meter baru yang dijalankan oleh TNB.

■1710

TNB telah banyak menukar meter baru kepada meter-meter lama yang sedia ada, dan seterusnya apabila meter baru ditukar pada kebiasaannya bulan seterusnya bil mereka akan melambung naik. Bukan setakat itu sahaja TNB akan mengira jangkaan *estimate*, dengan izin untuk satu tempoh mereka kenal pasti kepada pengguna itu. Rakyat kita telah dikenakan berpuluh-puluh ribu untuk satu tempoh yang banyak tahun. Kadar baru yang biasanya dikenakan oleh TNB ini kepada meter baru ini seharusnya dikira dari tarikh ia ditukar dan jangan TNB mengenakan anggaran *estimate*, dengan izin itu untuk beberapa tahun kemudian. Selalunya TNB akan mengatakan pemilik meter lama itu mengusik meter mereka. Padahal orang yang dapat mengusik meter itu bukan orang biasa seperti kita ini. Orang yang dapat mengusik hanya kakitangan dari TNB.

Saya pernah mengesyorkan di Dewan yang mulia ini supaya TNB juga memikirkan *scale* menurun untuk penggunaan elektrik. Banyak lagi pengguna *scale* nya turun kerana kita masih ada banyak rizab elektrik yang tidak dapat dihabiskan. Pada jawapan TNB, selalu mengatakan kita tidak boleh buat cara itu. Banyak yang kita gunakan lagi tinggi *rate*, dengan izin, kena bayar. Itu tidak betul. Kita mesti menggalakkan rakyat kita untuk menggunakan elektrik supaya dapat menerangi kawasan kita. Kita hendak menuju ke Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai pelancongan di Malaysia. Saya ingin menarik perhatian Dewan di atas peristiwa yang saya alami di luar negara, yang mungkin dapat memberi satu faedah kepada ekonomi negara kita. Tidak dapat kita nafikan ramai dari kita khususnya Yang Berhormat dari kaum wanita pernah melancong ke luar negeri serta membeli-belah barang-barang berjenama seperti LV, Gucci dan lain-lain. Saya pernah diberitahu satu kumpulan agen insurans yang mempunyai 300 orang telah membelanjakan lebih kurang RM2 juta dalam satu hari di satu *capital* negara asing kerana membeli beg tangan, kasut, *belt*, *wallet* barang-barang berjenama. Baru-baru ini selepas saya ingat lebih daripada 10 tahun saya tidak pernah pergi ke Singapore saya telah melalui Singapore.

Pertama kali saya masuk ke satu kompleks iaitu Takashimaya. Namanya saya pun tak tahu. Pembeli beratur hendak masuk ke satu kedai yang menjual barang-barang berjenama. Saya sungguh hairan. Saya bertanya orang yang beratur di sana kenapa kamu beratur. Barulah mereka beritahu dan barulah saya sedar saya begitu kurang pengetahuan berkenaan dengan dunia sekarang ini. Kejadian ini memang berlaku di negara-negara Eropah juga. Mereka beritahu saya di London, di Switzerland. Kenapa kedai-kedai yang menjual barang-barang berjenama di KLCC dan lain-lain kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur yang *famous*, dengan izin tidak mendapat sambutan yang sama. Kita diberitahu ada yang hampir-hampir mahu tutup. Saya sudah dapat tiga perkataan untuk jawapan dan saya bagi tahu Dewan yang mulia ini iaitu fesyen, modal dan harga. Tiga perkataan sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit berkenaan dengan tambang teksi. Semalam saya telah tanya dan beritahu tambang permulaan...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Yip Kum Fook: Sila.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Boleh Yang Berhormat jelaskan mengenai fesyen, model, dan harga itu. Saya tak berapa hendak fahamlah.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih kerana saya memang tengok masa suntuk saya mahu cepatkan. Fesyen ini yang saya maksudkan ialah fesyennya terlalu *outdated*, dengan izin. *Outdated* ini kerana dia tidak laris. Ini semua satu siri kita perlu fikirkan kerana tiada lakunya penjualan. Kenapa tiada laku penjualan? Kerana harganya tinggi. Semua ini adalah benar. Saya *confirm*, dengan izin, dengan ramai kumpulan wanita yang selalu pergi membeli-belah di luar negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum pada itu Yang Berhormat, berapa masa lagi Yang Berhormat perlu?

Dato' Yip Kum Fook: Saya ingat 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: 10 minit.

Dato' Yip Kum Fook: Saya *try to finish*, dengan izin sebelum 5.30.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau ada masa lagi selepas Yang Berhormat bahas ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang bercadang untuk bahas? Tuan Chua Kim Chuan, Tuan Wan Nordin bin Che Murat. Baik teruskan Yang Berhormat.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tambang teksi kita mungkin terlalu murah berbanding dengan negara-negara lain yang menyebabkan kualiti perkhidmatan mereka sangat mengecewakan. Di negara-negara lain semalam saya telah beritahu harga permulaan mereka lebih kurang di antara RM5 hingga RM6. Saya telah beritahu semalam. Kita benarkan kapal terbang untuk tambah *fuel surcharge*, dengan izin, dengan begitu banyak tapi tak akan kita tidak boleh benarkan teksi kita untuk mengenakan *fuel surcharge* RM1 atau 50 sen. Jangan kita menerima aduan dan buat membisu sahaja dan tidak membuat apa-apa tentang permintaan pemandu teksi ini. Biarlah mereka senang hati...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Yip Kum Fook:Dan ini akan menguntungkan negara di masa depan. Silakan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Saya bersetuju untuk kita tambah kos supaya pemandu teksi dan tuan punya teksi ini dapat sedikit lebihan, tetapi yang saya hendak tanya Yang Berhormat okeylah tambang mahal. Masalahnya keadaan teksi yang memberi perkhidmatan teksi KLIA ke Kuala Lumpur Sentral atau ke Kuala Lumpur mungkin saya berpendapat bahawa keadaannya agak memuaskan tetapi teksi-teksi yang memberi perkhidmatan di bandar-bandar sama ada di bandar kecil Kangar, Alor Setar ataupun Kampar teksi-teksi itu

kadang-kadang kita naik bukan sahaja tidak ada hawa dingin, tapi setengah itu sudah berlubang lantainya.

■1720

Jadi hal-hal yang macam ini saya ingat mencerminkan perkhidmatan yang cukup tidak berapa hendak eloklah kepada Malaysia. Apa komen Yang Berhormat?

Dato' Yip Kum Fook: Saya memang setuju apa yang dikatakan Yang Berhormat. Memang kita dengan harapan besar kita supaya tambang ini dinaikkan sedikit dapat memperbaiki keadaan yang ada pada sekarang ini. Keadaan sekarang ini memang teruk sekali. Saya sebelum memberi ucapan ini saya telah pergi cuba di Jalan Alur, di Kuala Lumpur beberapa tempat, saya sungguh hampa dengan perkhidmatan teksi di Kuala Lumpur ini. Saya tidak mahu cakaplah banyak masa hendak dipakai.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pergi Jalan Alur itu cuba naik teksilah?

Dato' Yip Kum Fook: Ya, cuba. Saya turun dari kereta saya dan biar pemandu saya membawanya, saya pergi naik teksi. Kalau tidak percaya Yang Berhormat boleh pergi cuba sama ada dia akan caj you RM2.50 untuk satu *distance* dengan izin, yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan yang terdapat dari industri pelancongan memang tidak dapat diperkecil-kecilkan. Kita diberitahu oleh Menteri pada akhbar tempatan hari ini ialah RM6.8 bilion dengan izin untuk separuh tahun pertama ini. Mereka yang berkecimpung dalam industri perhotelan dan restoran rasa terlalu gembira pada tahun ini khasnya kerana perniagaan mereka melambung naik.

Hotel penuh, industri pelancongan telah banyak membawa rezeki kepada rakyat kita. Segala elemen *negative* dengan izin, terdapat pada kestabilan sosial harus dikurangkan demi kebaikan rakyat jelata. Sebab itu tadi saya walaupun ramai dari rakan-rakan Yang Berhormat telah membangkitkan Hindraf, saya juga bangkit sedikit tadi. Dalam dunia *globalization* ini, dengan izin, jarak antara sesebuah negara kian bertambah dekat. Demi sebuah negara untuk menempuhi persaingan yang hebat di rantau ini kita mesti utamakan keharmonian sosial. Sesuatu pandangan yang berbeza harus mencapai muafakat di atas meja bulat dan tidak menunjukkan jari ke pihak yang lain yang akan menggembirakan musuh kita dan meyakinkan hati rakan-rakan kita.

Saya juga diberitahu oleh kawan-kawan dari luar negeri bahawa program yang dijalankan oleh negara kita seperti perlumbaan kereta *F1* itu memang baik, tetapi *message*, dengan izin berita yang diberitahu kepada mereka selalu sangat lambat. Saya minta perkara ini dapat diatasi. Begitu juga dengan kawasan-kawasan pelancongan yang diselenggarakan oleh PBT sangat kurang memuaskan.

Jadi saya minta Kementerian Pelancongan memberi lebih lagi peruntukan kepada PBT tetapi memandangkan tambahannya hanya RM4 juta, saya tidak faham kenapa mereka meminta begitu sedikit sahaja sedangkan industri pelancongan harus kita utamakan. Mereka seharusnya

menyalurkan lebih banyak lagi peruntukan untuk PBT menjaga, menyelenggarakan tempat-tempat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana tidak menaikkan tol di empat tempat. Langkah ini amatlah dialu-alukan demi menolong rakyat dari dihimpit dengan beban kenaikan tol dan barang-barang keperluan.

Walau bagaimanapun, seperti kita semua maklum kerajaan terpaksa membayar beratus-ratus juta kepada syarikat konsesi hasil dari tindakan ini. Saya berpendapat seharusnya satu jalan penyelesaian diambil oleh kerajaan demi mengelakkan kerajaan terpaksa membayar harga yang mahal setiap kali tol dinaikkan. Saya menyokong penuh cadangan yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Awam PAC, Yang Berhormat Dato' Shahrir Abdul Samad yang mencadangkan agar kerajaan membeli saham syarikat konsesi lebih baik bagi satu jurnal *offer*, supaya habis dibeli syernya. Seperti yang kita maklum syarikat konsesi telah mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

Sebagai contoh, PLUS telah mengumumkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM583 juta bagi separuh tahun pertama 2007. Ini bermakna sekiranya kerajaan membeli saham-saham syarikat konsesi tersebut, keuntungan yang diperoleh dapat digunakan untuk pembangunan negara di samping kenaikan tol dapat dilambatkan atau dielakkan. Dengan ini orang ramai tidak perlu lagi risau tol akan dinaikkan. Kita boleh setuju dengan kenaikan tol sedikit-sedikit satu masa, janganlah melambung naik pada satu-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tol akan memberi impak yang besar kepada pengguna kerana apabila tol dinaikkan, harga barangan biasanya akan dinaikkan dengan alasan kos pengangkutan meningkat. Oleh itu, saya percaya masalah tol ini harus diambil perhatian yang serius dan diselesaikan dengan bijaksana agar semua orang mendapat untung bukannya hanya pemilik konsesi yang banyak untung.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan satu bahasa satu negara di sini.

Tadi kita punya Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah ada membangkitkan berkenaan dengan beliau rasa satu kesilapan telah pun dibuat pada 50 tahun yang lalu. Saya ingat percakapan seperti ini tidak seharusnya dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Pada keadaan sekarang ini, Presiden MCA, Timbalan Presiden MCA dan saya sendiri dan banyak rakan saya semua berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Adakah kerana pergi ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil, kita tidak dapat satu perpaduan di negara kita? Adakah Jemaah Menteri mereka berpecah belah pada masa sekarang ini? Saya berharap dengan sekarang sudah ada isu Hindraf ini, rakan-rakan kita di sini jangan tunjuk jari antara kita semua.

Sebenarnya saya berharap rakan-rakan dari komponen Barisan Nasional ini memberi simpati kepada MIC, menolong mereka dalam perkara ini kerana bukan semua kaum India

mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan. Bukan banyak, itu hanya serpihan sahaja. Kita kalau mahu tunjuk jari kenapa dulu apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim mengadakan reformasi kita semua diam sahaja? Nanti kalau ada... Saya tidak tahulah bila adanya pertunjukan dari kaum Cina, *we are the first one*, dengan izin, kita akan menghadap ke depan untuk mempertahankan untuk memberitahu mereka perlakuan itu tidak memberi faedah kepada semua kaum di negara kita

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Kalau tidak silap sayalah Yang Berhormat, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah itu ialah adalah lebih baik sekiranya sistem pendidikan daripada awal dulu kita mulakan dalam satu sistem yang duduk bersama di peringkat sekolah rendah supaya bibit kecintaan itu kita bermula di peringkat sekolah rendah lagi. Saya rasa Dato' Dr. Norraesah tidak bermaksud bahawa kita tidak ada tidak perlu ada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Malah pada pendapat saya sendiri pun oleh sebab keadaan sistem yang sedia ada ini sudah tidak boleh hendak ubah.

Apa yang perlu kita buat sekarang ini ialah memperkukuhkan lagilah nilai-nilai melalui apa sahaja dalam aspek perpaduan ini walaupun kita bermula dari segi sekolah bersama ini di peringkat sekolah menengah. Malah bukan itu sahaja bukanlah maksudnya kita hendak mempertahankan sekolah Melayu ataupun sekolah kebangsaan. Kalaulah dipersetujui, kita tidak usah ada sekolah kebangsaan, kita tidak usah ada sekolah jenis kebangsaan, kita adakan sekolah Malaysia di mana yang matlamat dia apa yang dikehendaki ialah asas permulaan itu duduk bersama, bercampur, dilakukan di peringkat permulaan persekolahan awal itu. Saya rasa itu yang Dato' Dr. Norraesah maksudkan.

Terima kasih.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih di atas penjelasan. Saya boleh terima. Saya setuju dengan penjelasan itu tetapi apa yang ada sekarang ini di sekolah-sekolah macam SRJKC atau Tamil, kita bukan sahaja dapat mempelajari Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin tiga bahasa. Sekurang-kurangnya ini telah memberi kemudahan kepada kita supaya pergi menghadapi dunia yang *globalization* ini. Lagi, tambahan pula mempelajari semua bahasa adalah satu kebebasan yang termaktub dalam perlembagaan. Saya tidak mahu menimbulkan banyak masalah di antara kita semua ini.

Sebab itu tadi saya tidak bangun untuk memberi celahan. Saya lebih suka tunggu masa ini untuk memberi sedikit pandangan supaya kita semua sama-sama di Dewan ini saya faham, semua pemimpin di sini tiada halangan kepada perpaduan. Semua memang faham perlunya perpaduan. Apa yang kita cakap di sini apabila sampai ke masyarakat luar, saya tidak mahu mereka salah faham. Itu saja. Saya dengan kata-kata itu menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Tuan Chua Kim Chuan.

5.34 ptg.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007. Terlebih dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin, memandangkan masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pada hari Isnin ini.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang.